



R A N C A N G A N M A L A Y S I A K E - 9



P E L A N I N D U K



P E M B A N G U N A N



P E N D I D I K A N



2006-2010

EDISI PELANCARAN

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pelajaran Malaysia

Hakcipta Terpelihara © Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
Edisi Pelancaran PIPP 2006

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 983-34444-03-2

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1 - 4, Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Malaysia
Tel : +603 - 8884 6296
Faks : +603 - 8889 5718
Laman web : www.moe.gov.my

KATA ALU-ALUAN

Perdana Menteri Malaysia



Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi cabaran dan tekanan besar dalam mendepani persaingan abad ke-21 ini. Persaingan daripada negara-negara lain menuntut kita melakukan satu anjakan besar untuk melangkah ke peringkat pembangunan seterusnya dan mencapai Wawasan 2020.

Walau bagaimanapun, cita-cita negara tidak akan tercapai hanya dengan meningkatkan infrastruktur atau menambah bilangan sumber tenaga murah. Sebaliknya, pencapaian matlamat ini memerlukan satu peningkatan tahap produktiviti dan daya saing negara. Anjakan ini juga memerlukan pembangunan modal insan dari segi keupayaan dan intelek. Justeru itu, Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan telah menetapkan "pembangunan modal insan berminda kelas pertama" sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai Wawasan 2020.

Sesungguhnya, kejayaan agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara.

Selaras dengan itu, salah satu agenda penting Kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Sistem yang saya maksudkan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran, yang mampu bersaing di pasaran kerja global semata-mata. Sistem tersebut juga perlu membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara majmuk, sistem pendidikan tersebut juga perlu mampu membangunkan masyarakat bersatu padu dan bertoleransi.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pelajaran kerana telah berjaya menterjemahkan visi ini ke dalam satu pelan untuk dilaksanakan. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 menekankan enam teras strategik serta satu pelan tindakan pendidikan yang komprehensif dan bersepadu. Saya yakin Pelan Induk ini akan dapat memberi garis panduan yang lebih jelas kepada semua pihak supaya segala dasar, program dan aktiviti pendidikan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sesungguhnya, pihak Kementerian mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan generasi muda negara akan menjadi modal insan yang berwibawa, berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan. Namun, tanggungjawab untuk membentuk generasi muda adalah tanggungjawab kita semua. Justeru, adalah menjadi harapan saya agar semua pihak akan memberi komitmen sepenuhnya bagi memastikan agenda pendidikan negara akan terlaksana.

Bersama-samalah kita berusaha menjana modal insan kelas pertama demi membina negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

DATUK SERI ABDULLAH BIN HJ. AHMAD BADAWI



PRAKATA

Menteri Pelajaran Malaysia

Bidang pendidikan berhadapan dengan masa depan mencabar yang memerlukan perancangan rapi, sistematik dan holistik. Justeru, saya menyeru setiap lapisan masyarakat agar mendukung cita-cita dan hasrat untuk menjadikan sistem pendidikan kita sebagai yang terbaik dan dapat dikecapi oleh semua warga Malaysia. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ini bertujuan memperkemaskan pelaksanaan program-program pendidikan serta memantapkan lagi proses pembinaan modal insan secara menyeluruh dan berterusan supaya output yang dihasilkan berupaya memenuhi kehendak tempatan dan antarabangsa, di samping mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia dalam arena global. Maka, amatlah wajar usaha kolaboratif di kalangan warga pendidik serta semua pihak yang berkepentingan dapat digembleng demi menjayakan matlamat yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ini.

Sesungguhnya, sistem pendidikan yang berwibawa akan menghasilkan modal insan berminda kelas pertama walaupun ia

mengambil masa yang lama. Jika seseorang kanak-kanak memasuki Tahun Satu pada tahun 2005, kanak-kanak ini akan melalui sistem pendidikan kebangsaan selama 11 tahun pada tahun 2015, seterusnya belajar setahun di matrikulasi dan empat tahun institut pengajian tinggi. Kanak-kanak ini akan keluar ke dunia pekerjaan pada tahun 2020. Kelompok pelajar selepas inilah yang akan menjadi tenaga kerja, warga negara dan pemimpin pelapis pada masa itu. Impak daripada sistem pendidikan yang dirancang pada masa ini hanya akan dapat diukur selepas tahun 2020. Oleh itu, adalah menjadi harapan saya agar kita dapat sama-sama berusaha untuk meletakbetulkan (*reposition*) dan merekaraya (*reengineer*) sistem pendidikan kita supaya berkualiti dan berjaya melahirkan modal insan mengikut acuan kita sendiri.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pendekatan terbaik bagi lima tahun pertama menjelang tahun 2020 adalah supaya kita menyamarata dan menyediakan peluang pendidikan berkualiti untuk semua serta melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan yang sedia ada. Kedua-dua pendekatan ini akan berjalan seiring bagi memastikan institusi yang kurang menyerlah akan dibantu sepenuhnya untuk mencapai tahap cemerlang seiring dengan kecemerlangan institusi elit di luar negara.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga pendidikan yang telah sama-sama berusaha dengan gigih dalam menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang komprehensif dan bakal digunakan sebagai garis panduan untuk melaksanakan program-program pendidikan yang telah dirancang. Pemantauan, penilaian dan penambahbaikan akan terus menjadi elemen yang akan ditekankan dalam kitaran perancangan bagi memajukan sistem pendidikan negara. Semoga matlamat yang kita wawaskan untuk melonjakkan pendidikan negara ke tahap dunia akan tercapai dengan jayanya.


DATU' SRI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| Kata Alu-Aluan Perdana Menteri Malaysia | 3 |
| Prakata Menteri Pelajaran Malaysia | 4 |
| Kandungan | 5 |
| Senarai Rajah | 10 |
| Senarai Jadual | 10 |

| | | |
|--------------|---|----|
| Bab 1 | PENDAHULUAN | 11 |
| | • Wawasan 2020 – Harapan dan Aspirasi | 12 |
| | • Misi Nasional – Pendekatan dan Strategi yang Holistik | 13 |

| | | |
|--------------|---|----|
| Bab 2 | SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN – PERLETAKAN ASAS | 15 |
| | • Pengenalan | 16 |
| | • Perkembangan Sistem Pendidikan Kebangsaan | 16 |
| | Zaman Pramerdeka (Sebelum 1957) | 17 |
| | Zaman Pasca Merdeka (1957-1970) | 17 |
| | Zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) | 17 |
| | Zaman Dasar Pembangunan Negara (1991-2000) | 18 |
| | Zaman Dasar Wawasan Negara (2001- 2010) | 19 |
| | • Pencapaian Pendidikan | 20 |
| | • Jurang Pencapaian | 27 |
| | • Penutup | 28 |



| | | |
|--------------|--|----|
| Bab 3 | PENDIDIKAN KEBANGSAAN: MELANGKAH KE HADAPAN | 29 |
| | • Pemantapan Sistem Pendidikan | 30 |
| | • Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 | 30 |
| | • Pendekatan PIPP | 31 |
| | • Teras Strategik PIPP | 31 |
| | • Sinopsis Agihan Peruntukan | 32 |
| | • Kerangka PIPP | 35 |
| | • Penutup | 36 |
| | | |
| Bab 4 | MEMBINA NEGARA BANGSA | 37 |
| | • Konsep Negara Bangsa | 38 |
| | • Dasar dan Matlamat | 39 |
| | • Status Semasa, Cabaran dan Tumpuan dalam RMKe-9 | 40 |
| | Memperkasakan Bahasa Kebangsaan | 40 |
| | Memantapkan Perpaduan dan Integrasi Nasional | 43 |
| | Merakyatkan Seni, Warisan dan Budaya Bangsa | 45 |
| | • Fokus dan Strategi Pelaksanaan | 46 |
| | • Penutup | 47 |
| | | |
| Bab 5 | MEMBANGUNKAN MODAL INSAN | 51 |
| | • Pengenalan | 52 |
| | • Dasar dan Matlamat | 53 |
| | • Status Semasa, Cabaran dan Tumpuan dalam RMKe-9 | 53 |
| | Mengadakan Lebih Banyak Pilihan Pendidikan kepada Ibu Bapa dan Pelajar | 53 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| | Meningkatkan Keupayaan dan Minat bagi Menguasai Ilmu | |
| | Pengetahuan dan Kemahiran | 55 |
| | Membentuk Keterampilan dan Keperibadian | 57 |
| | Memantapkan dan memperbaharui dalam sistem pentaksiran dan penilaian | 64 |
| | • Fokus dan Strategi Pelaksanaan | 65 |
| | • Penutup | 66 |
| Bab 6 | MEMPERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN | 75 |
| | • Pengenalan | 76 |
| | • Dasar dan Matlamat | 77 |
| | • Status Semasa, Cabaran dan Tumpuan dalam RMKe-9 | 77 |
| | Jumlah, Taburan dan Status Sekolah. | 77 |
| | Prasarana dan Kemudahan | 78 |
| | Penyertaan Pelajar | 79 |
| | Taburan dan Penempatan Guru | 79 |
| | Program-Program Pendidikan | 80 |
| | • Fokus dan Strategi Pelaksanaan | 81 |
| | • Penutup | 82 |
| Bab 7 | MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN | 89 |
| | • Pengenalan | 90 |
| | • Dasar dan Matlamat | 91 |
| | • Status Semasa, Cabaran dan Tumpuan Dalam RMKe-9 | 91 |
| | Taburan Sekolah dan Prasarana | 91 |
| | Sekolah Kurang Murid | 92 |
| | Taburan Guru | 93 |

| | |
|--|----|
| Jurang Digital | 93 |
| Kadar Penyertaan | 94 |
| Penguasaan 3M | 94 |
| Kadar Keciciran | 95 |
| Pendidikan Pelajar Berkeperluan Khas | 95 |
| Kemiskinan dalam Bandar | 96 |
| Bantuan dan Program Sokongan | 96 |
| Bantuan Pihak Luar KPM | 98 |
| • Fokus dan Strategi Pelaksanaan | 98 |
| • Penutup | 99 |

| | | |
|--------------|---|------------|
| Bab 8 | MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN | 105 |
| • | Pengenalan | 106 |
| • | Dasar dan Matlamat | 106 |
| • | Status Semasa, Cabaran dan Tumpuan dalam RMKe-9 | 107 |
| • | Fokus dan Strategi Pelaksanaan | 109 |
| • | Penutup | 110 |

| | | |
|--------------|---|------------|
| Bab 9 | MELONJAKKAN KECEMERLANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN | 117 |
| • | Pengenalan | 118 |
| • | Dasar dan Matlamat | 119 |
| • | Status Semasa, Cabaran dan Tumpuan dalam RMKe-9 | 119 |
| • | Fokus dan Strategi Pelaksanaan | 122 |
| • | Penutup | 125 |

| | | |
|--------|--|-----|
| Bab 10 | FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN | 131 |
| | • Pengenalan | 132 |
| | • Dasar dan Matlamat Meningkatkan Penglibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan | 133 |
| | • Cabaran dan Tumpuan PIPP | 133 |
| | • Strategi dan Tumpuan Masa Hadapan | 135 |
| | Badan Bertindak Pelaksanaan Negara | 135 |
| | Projek Berimpak Tinggi – Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar | 135 |
| | Sistem Penyampaian Pendidikan | 136 |
| | Sistem Pemantauan dan Penilaian | 137 |
| | • Melangkah ke Hadapan | 137 |
| | Senarai Singkatan | 141 |

SENARAI RAJAH

| | | |
|-----------|--|----|
| Rajah 1.1 | Teras Misi Nasional | 13 |
| Rajah 3.1 | Kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 | 35 |
| Rajah 6.1 | Ciri-Ciri SK Perkasa | 78 |
| Rajah 6.2 | Peratus Sekolah Rendah mengikut Lokasi dan Jenis Sekolah 2005 | 79 |
| Rajah 6.3 | Peratus Guru Mengikut Kelayakan 2005 | 79 |
| Rajah 7.1 | Bilangan Sekolah Rendah yang Kekurangan Infrastruktur dan Kemudahan Asas | 92 |
| Rajah 7.2 | Bilangan Sekolah Menengah yang Kekurangan Infrastruktur dan Kemudahan Asas | 92 |
| Rajah 7.3 | Bilangan Sekolah Kurang Murid mengikut Jenis Sekolah | 93 |
| Rajah 7.4 | Peratus Sekolah Kurang Murid mengikut Bilangan Murid | 93 |
| Rajah 7.5 | Kadar Penyertaan mengikut Peringkat Pendidikan | 94 |

SENARAI JADUAL

| | | |
|-------------|--|-----|
| Jadual 2.1 | Bilangan Sekolah, Enrolmen, Bilangan Guru mengikut Lokasi 1990 - 2005 | 21 |
| Jadual 2.2 | Indikator Pendidikan bagi Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan mengikut Lokasi 1990 - 2005 | 24 |
| Jadual 2.3 | Bilangan Sekolah, Enrolmen dan Guru di Sekolah Pendidikan Khas 1995-2005 | 25 |
| Jadual 2.4 | Bilangan Sekolah, Enrolmen dan Bilangan Guru Sekolah Vokasional dan Teknik 1995-2005 | 25 |
| Jadual 3.1 | Teras Strategik PIPP | 31 |
| Jadual 3.2 | Agihan Peruntukan Pembangunan RMKe-9 | 33 |
| Jadual 4.1 | Strategi Pelaksanaan bagi Membina Negara Bangsa | 47 |
| Jadual 5.1 | Strategi Pelaksanaan bagi Membangunkan Modal Insan | 66 |
| Jadual 6.1 | Penyediaan Infrastruktur dalam RMKe-9 bagi Memperkasakan SK | 82 |
| Jadual 6.2 | Strategi Pelaksanaan bagi Memperkasakan SK | 83 |
| Jadual 7.1 | Peruntukan Bantuan Pelajar 2006 | 97 |
| Jadual 7.2 | Penyediaan Infrastruktur dalam RMKe-9 bagi Merapatkan Jurang Pendidikan | 100 |
| Jadual 7.3 | Strategi Pelaksanaan bagi Merapatkan Jurang Pendidikan | 101 |
| Jadual 8.1 | Pelaksanaan Projek Pendidikan Guru dalam RMKe-9 | 111 |
| Jadual 8.2 | Strategi Pelaksanaan bagi Memartabatkan Profesion Keguruan | 112 |
| Jadual 9.1 | Kluster Institusi Pendidikan di Malaysia | 120 |
| Jadual 9.2 | Strategi Pelaksanaan bagi Meningkatkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan | 126 |
| Jadual 10.1 | Penyediaan Infrastruktur dalam RMKe-9 Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Pendidikan | 138 |
| Jadual 10.2 | Strategi Pelaksanaan bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Pendidikan | 139 |

BAB 1

PENDAHULUAN

- WAWASAN 2020 - HARAPAN DAN ASPIRASI
- MISI NASIONAL - PENDEKATAN DAN STRATEGI YANG HOLISTIK



BAB 1

PENDAHULUAN



"Kita kini memulakan langkah selanjutnya, langkah fasa kedua ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Kita mahu negara menjadi negara maju, dengan ciri-ciri tersendiri. Kita mahu kemajuan yang bersifat holistik, merangkumi kesemua semboian cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020. Kita mahu kemajuan yang dapat dinikmati semua, secara saksama tanpa mengira agama atau kaum. Kita mahu membina tamadun negara, seiring dengan kecemerlangan tamadun Islam dan tamadun-tamadun lain, selaras dengan pendekatan Islam Hadhari."

YAB Dato' Seri Abdullah
Ahmad Badawi, 2006

(Ucapan usul mengenai Rancangan
Malaysia Kesembilan, 2006-2010)

WAWASAN 2020 – HARAPAN DAN ASPIRASI

- 1.01** Menjelang tahun 2020, Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, iaitu mencapai kemajuan seimbang daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan. Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara yang masyarakatnya bersatu padu dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi, berpegang teguh kepada nilai agama, moral dan etika serta menikmati kehidupan yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, perkongsian ekonomi yang adil dan saksama, progresif dan makmur, serta menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamik, tangkas serta berdaya tahan.
- 1.02** Malaysia kini berada pada peringkat pertengahan dan sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Sepanjang fasa 15 tahun pertama, banyak kemajuan telah dicapai dalam pelbagai bidang. Namun, perubahan pesat dunia hari ini menuntut Malaysia untuk segera berubah agar mampu melonjak ke tahap maju. Fasa tersebut juga telah mengetengahkan bidang pendidikan yang masih memerlukan penambahbaikan dan perhatian khusus agar dapat melakukan lonjakan terakhir untuk mencapai status negara maju yang dicita-citakan dalam Wawasan 2020.
- 1.03** Dalam usaha mencapai negara maju, pembentukan Negara Bangsa menjadi semakin mencabar terutama dalam era globalisasi. Globalisasi bukan sahaja berkuasa menggerakkan modal, barangan dan manusia, tetapi juga berupaya mengubah gagasan, budaya, nilai dan jati diri secara transnasional. Gagasan, budaya, nilai dan jati diri sesebuah Negara Bangsa akan lenyap begitu sahaja sekiranya bangsa tersebut lalai dan menerima sewenang-wenangnya segala yang dibawa oleh arus globalisasi.

1.04 Pembentukan Negara Bangsa Malaysia yang maju dan bersatu padu bukan sahaja perlu berasaskan ekonomi yang berdaya tahan tetapi juga kepada pengagihan kekayaan yang lebih adil dan saksama. Di samping pertumbuhan dan kedinamikan ekonomi yang perlu dicapai, ketidakseimbangan peluang ekonomi dan sumber pendapatan tidak harus dibiarkan berlarutan sehingga menggugat pembangunan negara. Menjelang Wawasan 2020, tidak wajar ada golongan yang tercicir daripada arus kemajuan negara. Pada waktu yang sama, minda, budaya dan nilai yang menjadi pegangan rakyat serta institusi sosial perlu diperkukuhkan sejajar dengan hasrat negara untuk maju mengikut acuannya sendiri.

MISI NASIONAL – PENDEKATAN DAN STRATEGI YANG HOLISTIK

1.05 Malaysia harus terus berazam dan berusaha untuk menjadi sebuah negara maju yang teguh, bersatu dan kekal utuh walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Sehubungan itu, Kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah memperkenalkan rangka kerja pelaksanaan baru, iaitu MISI NASIONAL bagi mencapai wawasan dan matlamat negara dalam jangka masa 15 tahun akan datang.

1.06 Misi Nasional mengambil kira pengalaman lampau, sistem nilai, budaya dan Islam Hadhari yang diperkenalkan pada tahun 2004. Islam Hadhari menekankan penguasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan potensi individu bagi menyediakan sumber tenaga manusia yang seimbang dan amat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Mujaadilah 58:11, bermaksud:

"...Allah meninggikan orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat."

1.07 Usaha membangunkan modal insan perlu dibuat secara holistik, melalui penekanan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual termasuk ilmu Sains, Teknologi dan Keusahawanan, pembudayaan sikap progresif, serta pengamalan nilai, etika dan moral yang tinggi seperti yang ditegaskan di dalam Pelan Integriti Nasional (PIN). Misi Nasional memberikan penekanan tinggi ke atas pembangunan modal insan 'minda kelas pertama' dan bina upaya sebagai pendekatan utama bagi melonjak ke status negara maju. Bagi mencapai prestasi yang tinggi dan impak maksimum daripada pembangunan nasional, Misi Nasional telah menggariskan lima teras utama seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.1.

1.08 Peranan pendidikan amat penting dalam menjayakan kelima-lima teras Misi Nasional. Dua daripada lima teras tersebut, iaitu teras kedua dan teras ketiga, menyatakan peranan pendidikan secara langsung.

RAJAH 1.1 TERAS MISI NASIONAL

| | |
|---------|---|
| Teras 1 | Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi |
| Teras 2 | Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama' |
| Teras 3 | Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif |
| Teras 4 | Meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup |
| Teras 5 | Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan |

Teras 2: Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'

- Melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan dan latihan;
- Memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia;
- Merapatkan jurang prestasi antara sekolah di luar bandar dengan sekolah di bandar;
- Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan berkualiti, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat di semua peringkat;
- Membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan Sains dan Teknologi (S&T) yang kukuh;
- Memperkukuh perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif dan sistem nilai yang boleh diteladani; dan
- Memperluas forum perbincangan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modal insan.

Teras 3: Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif

- Meningkatkan bahagian pendapatan bagi kumpulan isi rumah 40 peratus terendah dengan meningkatkan produktiviti menerusi pembangunan modal insan;
- Mengurangkan jurang antara penduduk luar bandar dengan bandar, antara negeri dan antara wilayah melalui penjana pendapatan yang mampan dan penambahbaikan akses terhadap keperluan asas serta pendidikan;
- Merapatkan jurang digital antara sekolah bandar dan luar bandar; dan
- Memperluas akses kepada program pendidikan dan latihan bagi meningkatkan bilangan pengurus dan profesional Bumiputera, terutama dalam sektor swasta.

1.09 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) merupakan pelan pertama daripada tiga rancangan lima tahun bagi Misi Nasional. Pelan ini penting bagi negara untuk meletakkan asas kukuh ke arah kejayaan lonjakan yang seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Teras strategik dalam Misi Nasional jelas menunjukkan pendidikan sebagai elemen utama bagi kejayaan usaha ini. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), sebagai agensi yang bertanggungjawab bersedia memikul tugas dan amanah ini, demi menyokong dan mendukung agenda baru negara.

"Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan"

*(YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad
Melangkah ke Hadapan, 1991)*

BAB 2

SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN – PERLETAKAN ASAS

- PENGENALAN
- PERKEMBANGAN SISTEM PENDIDIKAN
KEBANGSAAN
- PENCAPAIAN PENDIDIKAN
- JURANG PENCAPAIAN PENDIDIKAN
- PENUTUP



BAB 2

PENDIDIKAN KEBANGSAAN: PERLETAKAN ASAS



Pengenalan

2.01 Dalam menjayakan Misi Nasional, KPM menyediakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) secara menyeluruh yang menggariskan fokus, strategi utama dan pelan pelaksanaan untuk menjadikan pendidikan negara relevan dengan keadaan semasa dan masa hadapan. Dengan usaha ini, setiap jurang dan kekurangan dalam pendidikan akan diberikan tumpuan. Selain itu, proses menganalisis sejarah, perkembangan dan pencapaian dalam bidang pendidikan dijalankan kerana kesemua aspek ini merupakan tunjang dalam merangka strategi penyediaan PIPP, KPM.

Perkembangan Sistem Pendidikan Kebangsaan

2.02 Pembangunan sistem pendidikan kebangsaan berlandaskan teras utama berikut:

- akses kepada pendidikan;
- ekuiti dalam pendidikan;
- kualiti dalam pendidikan; dan
- kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan.

2.03 Berdasarkan teras utama ini, KPM merancang serta melaksanakan dasar-dasar pembangunan pendidikan bagi mencapai matlamat pendidikan yang telah dikenal pasti. Antaranya:

- memperkembang potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI);
- meningkatkan kreativiti dan inovasi dan budaya ilmu pelajar;
- membudayakan sains dan teknologi dan pembelajaran sepanjang hayat;
- menyediakan sistem pendidikan yang lebih cekap, berkesan dan bertaraf dunia;
- menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan; dan
- meningkatkan martabat pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

"Sesungguhnya, bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan, kita perlu melipatgandakan usaha menggarap kejayaan lebih unggul demi Membina Tamadun dan Menjulung Martabat Negara"

YAB Dato' Seri Abdullah
Ahmad Badawi, 2006

(Ucapan usul mengenai Rancangan
Malaysia Kesembilan, 2006-2010)

2.04 Pendidikan negara telah mengalami evolusi sejajar dengan pembangunan dan kemampuan negara. Evolusi pendidikan ini telah melalui lima fasa berikut:

- Zaman Pramerdeka (sebelum 1957);
- Zaman Pasca Merdeka (1957-1970);
- Zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990);
- Zaman Dasar Pembangunan Negara (1991-2000); dan
- Zaman Dasar Wawasan Negara (2001-2010).

Zaman Pramerdeka (Sebelum 1957)

2.05 Sebelum negara mencapai kemerdekaan, pendidikan yang wujud adalah terasing, selari dengan corak pemerintahan Pecah-Perintah yang diamalkan penjajah Inggeris. Setiap kaum menubuhkan sekolah mereka iaitu sekolah Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil yang menggunakan bahasa pengantar, kurikulum, buku dan guru masing-masing. Hanya dalam sekolah Inggeris sahaja kanak-kanak pelbagai kaum dapat belajar bersama tetapi sistem persekolahan tersebut tidak dipersetujui oleh majoriti penduduk.

2.06 Menjelang kemerdekaan, timbul kesedaran untuk mewujudkan satu sistem persekolahan. Beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji sistem persekolahan pada masa itu dan menghasilkan laporan-

laporan berikut:

- a. Laporan Barnes (1951) – menyemak dan memperbaiki keadaan pendidikan kaum Melayu;
- b. Laporan Fenn-Wu (1951) – menyemak pendidikan kaum Cina;
- c. Ordinan Pelajaran (1952) – mengesyorkan sekolah kebangsaan sebagai corak sistem persekolahan kebangsaan; dan
- d. Laporan Razak (1956) – meletakkan asas bagi perkembangan sistem pendidikan untuk memupuk perpaduan melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan untuk semua, Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama serta kurikulum kebangsaan, sukatan pelajaran dan sistem peperiksaan yang sama bagi semua sekolah.

Zaman Pasca Merdeka (1957-1970)

2.07 Sebaik mencapai kemerdekaan, usaha ditumpukan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan. Sehubungan itu, Ordinan Pelajaran 1957 digubal berdasarkan perakuan Laporan Razak (1956) yang mengutamakan perpaduan dan menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan. Perakuan Laporan Razak dikaji semula oleh Jawatankuasa Rahman Talib pada tahun 1960. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961 yang menggariskan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pada semua peringkat pendidikan serta penggunaan kurikulum dan peperiksaan yang sama untuk semua pelajar.

2.08 Dasar pendemokrasian pendidikan bermula pada tahun 1962 dengan memberi penekanan kepada pendidikan percuma untuk semua pelajar. Dasar ini diperluas dengan mengadakan pendidikan *universal* selama sembilan tahun apabila peperiksaan pemilihan masuk ke sekolah menengah dihapuskan pada tahun 1964. Penghapusan peperiksaan pemilihan ini menyebabkan peningkatan kadar penyertaan ke sekolah menengah. Kadar ini terus meningkat apabila terdapat perubahan dasar yang melanjutkan pendidikan *universal* kepada 11 tahun secara berperingkat mulai tahun 1992.

Zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)

2.09 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB, 1970-1990) bermatlamat untuk mengukuhkan perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan di kalangan semua kaum dan penyusunan semula masyarakat. Dalam tempoh ini, pendidikan diberikan keutamaan untuk menangani masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat dengan menyediakan

peluang pendidikan yang sama untuk semua kaum.

- 2.10** Sistem pendidikan mengalami banyak perubahan, antaranya Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar utama yang dilaksanakan sepenuhnya pada peringkat menengah di Semenanjung Malaysia dan Sabah pada tahun 1982, manakala di Sarawak pada tahun 1990. Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua juga turut diberi tumpuan. Walau bagaimanapun, selaras dengan Akta Pelajaran 1961, sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan yang menggunakan bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar terus dikekalkan. Mata pelajaran Sivik diperkenalkan bagi menyemai semangat jati diri di kalangan pelajar. Pendidikan Sains dan Teknikal diberi lebih penekanan pada peringkat menengah bagi menghasilkan tenaga kerja mahir.
- 2.11** Pada tahun 1979, semakan semula pelaksanaan dasar pendidikan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) telah menggariskan cadangan pendekatan dan strategi baru untuk memantapkan sistem pendidikan.
- 2.12** Pada tahun 1980-an, peluang pendidikan untuk warganegara ditingkatkan dengan menambahkan kemudahan fizikal dan infrastruktur

terutama di luar bandar. Untuk mengurangkan jurang perbezaan peluang pendidikan antara golongan kaya dengan miskin, program sokongan pendidikan seperti Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Televisyen Pendidikan, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), asrama desa dan asrama harian, biasiswa, Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan program kesihatan dipertingkatkan. Selain itu juga, usaha merekaraya kurikulum dibuat dan ini menyaksikan lahirnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.

- 2.13** Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digubal pada tahun 1988 bagi memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara. Falsafah ini menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk pelajar yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Zaman Dasar Pembangunan Negara (1991-2000)

- 2.14** Dekad terakhir abad ke-20 menyaksikan perubahan yang pesat dalam pendidikan negara. Asas perundangan bagi pelaksanaan dasar pendidikan diperkukuhkan melalui penggubalan dan pindaan akta berikut:
- Akta Pendidikan 1996 – menggantikan Akta Pelajaran 1961 khususnya peruntukan kuasa-kuasa Menteri Pelajaran dan penginstitusian prasekolah;
 - Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 – bermatlamat menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan;
 - Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 – membolehkan penubuhan sebuah majlis untuk menentukan dasar dan menyelaras pembangunan pendidikan tinggi;
 - Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara 1996 – menyediakan peruntukan pinjaman pelajar dan skim tabungan bagi meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi;
 - Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996 – memperluas autonomi dalam pengurusan dan kewangan kepada universiti awam bagi menentukan program ke arah kecemerlangan dalam pendidikan;
 - Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 – memastikan tahap akademik yang tinggi, jaminan kualiti tinggi dan kawalan mutu pendidikan terpelihara dalam penyediaan pendidikan tinggi swasta;
 - Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000 – membolehkan ITM dinaiktaraf menjadi universiti; dan
 - Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (Pindaan) 2000 – membenarkan pinjaman kepada pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

- 2.15** Selain itu, banyak lagi perubahan berlaku dalam bidang pendidikan termasuk:
- Peningkatan akses dalam pendidikan khususnya peringkat tertiar;
 - Perkembangan ICT dalam pendidikan termasuk penubuhan Sekolah Bestari pada tahun 1999;
 - Menaiktarafkan kelayakan guru-guru daripada sijil kepada diploma;
 - Penubuhan kolej matrikulasi;
 - Penubuhan kolej komuniti;
 - Menaiktarafkan Maktab Perguruan Sultan Idris kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); dan
 - Menaiktarafkan Sekolah Menengah Vokasional kepada Sekolah Menengah Teknik.

Zaman Dasar Wawasan Negara (2001-2010)

2.16 Pada abad ke-21, negara menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Negara juga menghadapi cabaran untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi. Oleh itu, KPM menyediakan program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik ICT, berkemahiran dan berakhlak mulia. KPM juga meneliti semula program dan projek yang dirancang bagi penyegaran, pembaharuan, pengukuhan, penyusunan semula dan penggubalan baru. Semua ini adalah hasil perancangan yang terkandung dalam dokumen Pembangunan Pendidikan (2001-2010) KPM.

2.17 Dengan mengambil kira pelbagai perubahan dan cabaran alaf ke-21, penambahbaikan dan pemantapan sistem pendidikan diperlihatkan dalam perundangan, dasar dan program utama berikut:

- Akta Pendidikan 1996 (Pindaan 2002) memperuntukkan pendidikan wajib bagi pendidikan rendah yang dilaksanakan secara berperingkat mulai Tahun 1 pada 1 Januari 2003;
- Program Bimbingan dan Kaunseling diperkukuhkan dengan memperuntukkan seorang kaunselor bagi setiap 500 pelajar mulai tahun 2003 (Keputusan Jemaah Menteri, 2002);
- Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dilaksanakan pada tahun 2003 (Keputusan Jemaah Menteri, 2002). Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) diperkenalkan pada tahun 2003;
- Sekolah Pusat, Sekolah Wawasan dan Sekolah Model Khas ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8);
- Pemberian Bantuan *One-Off* RM120 kepada murid sekolah rendah daripada keluarga miskin pada tahun 2002-2003 bagi pelaksanaan Pendidikan Wajib (Bajet

2002 dan 2003). Bantuan ini digantikan dengan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) mulai 2004 (Keputusan Jemaah Menteri, 2003);

- Skim Baucar Tuisyen (SBT) memberi bantuan tuisyen kepada murid sekolah rendah Tahun 4 hingga 6 yang miskin dan berprestasi rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik mulai 2004 (Keputusan Jemaah Menteri, 2003);
- Anugerah Pengetua JUSA C dan Guru Gred Khas C diperkenalkan pada tahun 2005 bagi meningkatkan peluang kenaikan pangkat kepada guru di sekolah (Keputusan Jemaah Menteri, 2004);
- Mata Pelajaran Vokasional (MPV) diperkenalkan di Sekolah Menengah Harian pada tahun 2004 (Berasaskan Program Sekolah Ke Kerjaya di bawah pembiayaan Bank Dunia, 1998-2003);
- SPBT diperluaskan kepada anak-anak semua pegawai perkhidmatan pendidikan mulai 2006 (Pengumuman Timbalan Perdana Menteri di Majlis Sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan, 2005);
- Program Pemulihan dimantapkan dengan memperuntukkan guru pemulihan (Keputusan Jemaah Menteri, 2005);
- Program j-QAF diperkenalkan pada tahun 2005 dan diperluaskan pada tahun 2006 bagi memastikan murid Islam menguasai Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain apabila

- tamat sekolah rendah (Keputusan Jemaah Menteri, 2003);
- l. Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri didaftarkan sebagai sekolah agama bantuan kerajaan mulai 2005 (Keputusan Jawatankuasa Tan Sri Murad Mengenai Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri, 2005);
 - m. Aktiviti kokurikulum diperbaiki dengan penambahan peruntukan per kapita pelajar daripada RM2.50 kepada RM10.00 untuk sekolah rendah dan RM12.00 untuk sekolah menengah mulai 2006 (Keputusan Jemaah Menteri, 2005). Aktiviti kokurikulum dijadikan syarat kelayakan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam mulai 2006 (Keputusan Jemaah Menteri, 2005);
 - n. Program Pensiswazahan Guru bagi memenuhi dasar menyediakan 50 peratus guru sekolah rendah dan 100 peratus gurusekolah menengah siswazah terlatih menjelang tahun 2010 dengan memberi kelonggaran guru mengikuti program ijazah melalui pelbagai kaedah termasuk Pendidikan Jarak Jauh;
 - o. Menaiktarafkan maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) yang boleh menganugerahkan ijazah dilaksanakan mulai tahun 2006 (Keputusan Jemaah Menteri 2005);
 - p. Perubahan Dasar Sekolah Antarabangsa ke arah menjadikan sekolah antarabangsa di Malaysia berdaya saing di rantau Asia (Keputusan Jemaah Menteri, 2006); dan
 - q. Kerjasama antara KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dalam aspek latihan dan keluaran guru, dan menambah baik norma perjawatan daripada 1.5n (n ialah bilangan kelas) kepada 1.7n (Keputusan Jemaah Menteri, 2006).
- 2.18** Perubahan paling signifikan dalam sejarah perkembangan pendidikan negara ialah penubuhan KPTM pada tahun 2004. Dengan pembahagian ini KPM dipertanggungjawabkan kepada pembangunan pendidikan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, matrikulasi dan pendidikan guru.

PENCAPAIAN PENDIDIKAN

2.19 Pembangunan pendidikan dari Zaman Dasar Pembangunan Negara hingga ke Zaman Dasar Wawasan Negara telah berjaya mencapai banyak kemajuan khususnya dalam penyediaan infrastruktur, kemudahan pendidikan dan latihan perguruan. Strategi meningkatkan peluang pendidikan berjaya mencapai sasarannya. Walau bagaimanapun, KPM akan sentiasa peka dan prihatin kepada perubahan yang berlaku dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan menghasilkan modal insan beracuan sendiri.

2.20 Pencapaian penyediaan pendidikan dapat diperhatikan seperti di bawah (Jadual 2.1):

Prasekolah

- Bilangan sekolah KPM yang menawarkan prasekolah bertambah 2,156 (190.6%) daripada 1,131 pada tahun 1992 kepada 3,287 pada tahun 2005.
- Enrolmen bertambah 259.1 peratus, daripada 26,000 pada tahun 1992 kepada 93,376 pada tahun 2005.
- Bilangan kelas prasekolah yang disediakan oleh KEMAS adalah sebanyak 8,307, Jabatan Perpaduan Negara 1,500 kelas, Jabatan Agama Islam Negeri 962 kelas, ABIM 788 kelas dan pihak swasta 11,000 kelas.
- Bagi memastikan kualiti prasekolah yang disediakan, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 2003 dan diwajibkan penggunaannya di semua prasekolah KPM dan swasta.

Sekolah Rendah

- Bilangan sekolah rendah bertambah 773 (11.3%) buah, daripada 6,828 pada tahun 1990 kepada 7,601 pada tahun 2005. Pecahan mengikut lokasi dan jenis sekolah pada tahun 2005:

- 33.2 peratus sekolah terletak di bandar dan 66.8 peratus di luar bandar.
- 29.4 peratus SK di bandar dan 70.6 peratus di luar bandar.
- 49.5 peratus SJKC di bandar dan 50.5 peratus di luar bandar.
- 32.2 peratus SJKT di bandar dan 67.8 peratus di luar bandar.
- Bilangan Sekolah Kurang Murid (enrolmen kurang daripada 150) berjumlah 2,529 atau 33.3 peratus daripada jumlah sekolah rendah pada tahun 2005 yang mana 89.4 peratus daripadanya terletak di luar bandar.
- Enrolmen bertambah 28.2 peratus, daripada 2.45 juta (1990) kepada 3.14 juta (2005).
- Bilangan guru sekolah rendah bertambah 58.6 peratus, daripada 120,025 (1990) kepada 190,336 (2005).

Sekolah Menengah

- Bilangan sekolah menengah bertambah 701 (52.8%) buah, daripada 1,327 pada tahun 1990 kepada 2,028 pada tahun 2005.
- 60.9 peratus sekolah menengah ini terletak di bandar dan 39.1 peratus di luar bandar pada tahun 2005.
- Enrolmen bertambah 62.4 peratus, daripada 1.37 juta (1990) kepada 2.22 juta (2005).
- Bilangan guru sekolah menengah bertambah 88.5 peratus, daripada 72,455 (1990) kepada 136,598 (2005).

Sekolah Swasta

- Sekolah rendah dan menengah swasta, termasuk sekolah antarabangsa dan ekspatriat bertambah 165 (132.0%) buah, daripada 125 pada tahun 1990 kepada 290 pada tahun 2005.
- Enrolmen bertambah 67.1 peratus daripada 62,229 (1990) kepada 104,009 (2005).

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

- Sebanyak 17 sekolah rendah dan 77 sekolah menengah agama rakyat telah mendaftar di bawah KPM sebagai sekolah agama bantuan kerajaan pada tahun 2005.
- Enrolmen sekolah rendah sebanyak 2,702 dan sekolah menengah 23,321 pada tahun 2005.

Jadual 2.1 Bilangan Sekolah, Enrolmen dan Guru 1990 – 2005

| Perkara | 1990 | 1995 | 2000 | 2005 | | Jumlah |
|--|----------------|----------------|-----------------|---------------|---------------|-----------------|
| | Jumlah | Jumlah | Jumlah | Bandar | Luar Bandar | |
| PRASEKOLAH | | | | | | |
| Bilangan Sekolah | | | | | | |
| KPM (Bilangan Kelas) | 1,131 (1,131)* | 1,131 (1,131) | 1,053 (1,116) | 1,055 (1,399) | 2,232 (2,605) | 3,287 (4,004) |
| Tadika & Prasekolah Agensi Kerajaan Lain dan Swasta (Bilangan kelas) | 6,033 | 8,683 (12,906) | 10,884 (11,124) | – | – | 13,052 (22,557) |
| Enrolmen | | | | | | |
| KPM | 26,000* | 27,883 | 26,718 | 31,970 | 61,406 | 93,376 |
| Agensi Kerajaan Lain dan Swasta | 328,813 | 431,132 | 777,283 | – | – | 610,714 |
| Bilangan Guru | | | | | | |
| KPM | 1,131 | 1,131 | 1,116 | 1,399 | 2,605 | 4,004 |
| Agensi Kerajaan Lain dan Swasta | 10,773 | 15,188 | 34,424 | – | – | 30,658 |

*Data tahun 1992

| Perkara | 1990 | 1995 | 2000 | 2005 | | Jumlah |
|-------------------------------|--------|--------|--------|--------|-------------|--------|
| | Jumlah | Jumlah | Jumlah | Bandar | Luar Bandar | |
| PERINGKAT RENDAH | | | | | | |
| Bilangan Sekolah | 6,828 | 6,993 | 7,231 | 2,524 | 5,077 | 7,601 |
| SK | 4,994 | 5,141 | 5,393 | 1,694 | 4,067 | 5,761 |
| SJKC | 1,288* | 1,288 | 1,284 | 637 | 650 | 1,287 |
| SJKT | 538* | 538 | 526 | 169 | 356 | 525 |
| Khas | – | 26 | 28 | 24 | 4 | 28 |
| Sekolah Kurang Murid** | – | 2,349 | 2,403 | 268 | 2,261 | 2,529 |
| SK (SKM) | – | 1,527 | 1,542 | 74 | 1,568 | 1,642 |
| SJKC (SKM) | – | 490 | 503 | 115 | 415 | 530 |
| SJKT (SKM) | – | 309 | 330 | 55 | 274 | 329 |
| Khas (SKM) | – | 23 | 28 | 24 | 4 | 28 |

* Termasuk sekolah tidak beroperasi

** SKM mempunyai enrolmen <150. Data SKM termasuk dalam bilangan Sekolah Rendah

| | | | | | | |
|---------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| Enrolmen | 2,447,206 | 2,827,627 | 2,933,877 | 1,757,795 | 1,379,485 | 3,137,280 |
| SK | 1,770,004 | 2,126,123 | 2,219,252 | 1,200,466 | 1,190,757 | 2,391,223 |
| SJKC | 581,082 | 596,341 | 623,343 | 501,922 | 143,747 | 645,669 |
| SJKT | 96,120 | 102,776 | 89,175 | 53,824 | 44,755 | 98,579 |
| Khas | – | 2,387 | 2,107 | 1,583 | 226 | 1,809 |
| Bilangan Guru | 120,025 | 140,430 | 153,767 | 95,932 | 94,404 | 190,336 |
| SK | 88,708 | 107,760 | 120,396 | 68,566 | 81,286 | 149,852 |
| SJKC | 25,475 | 26,028 | 26,949 | 23,563 | 9,415 | 32,978 |
| SJKT | 5,842 | 6,165 | 5,927 | 3,316 | 3,625 | 6,941 |
| Khas | – | 477 | 495 | 487 | 78 | 565 |
| PERINGKAT MENENGAH | | | | | | |
| Bilangan Sekolah | 1,327 | 1,464 | 1,645 | 1,236 | 792 | 2,028 |
| Harian | 1,194 | 1,319 | 1,465 | 1,091 | 732 | 1,823 |
| Asrama penuh | 32 | 35 | 40 | 40 | 14 | 54 |
| Agama | 32 | 41 | 53 | 35 | 20 | 55 |

| Perkara | 1990 | 1995 | 2000 | 2005 | | Jumlah |
|---|-----------|-----------|-----------|-----------|-------------|-----------|
| | Jumlah | Jumlah | Jumlah | Bandar | Luar Bandar | |
| Khas | 3 | 3 | 3 | 4 | - | 4 |
| Vokasional | 57 | 57 | 4 | - | - | - |
| Teknik | 9 | 9 | 80 | 64 | 26 | 90 |
| Sukan | - | - | - | 2 | - | 2 |
| Enrolmen | 1,366,068 | 1,651,684 | 1,998,781 | 1,477,562 | 740,317 | 2,217,879 |
| Harian | 1,298,712 | 1,555,868 | 1,878,063 | 1,373,278 | 697,996 | 2,071,274 |
| Asrama penuh | 19,317 | 22,664 | 23,996 | 24,830 | 8,224 | 33,054 |
| Agama | 17,348 | 24,187 | 35,133 | 25,089 | 13,975 | 39,064 |
| Khas | - | 603 | 664 | 599 | - | 599 |
| Vokasional | 24,845 | 42,484 | 1,261 | - | - | - |
| Teknik | 5,846 | 5,878 | 59,164 | 52,716 | 20,122 | 72,838 |
| Sukan | - | - | 500 | 1,050 | - | 1,050 |
| Bilangan Guru | 72,455 | 88,408 | 113,249 | 90,665 | 45,933 | 136,598 |
| Harian | 66,336 | 79,280 | 102,128 | 80,509 | 41,744 | 122,253 |
| Asrama penuh | 1,925 | 2,377 | 2,559 | 2,473 | 829 | 3,302 |
| Agama | 1,132 | 1,799 | 2,650 | 1,998 | 1,126 | 3,124 |
| Khas | 101 | 108 | 141 | 164 | - | 164 |
| Vokasional | 2,570 | 4,393 | 153 | - | - | - |
| Teknik | 391 | 451 | 5,498 | 5,365 | 2,234 | 7,599 |
| Sukan | - | - | 120 | 156 | - | 156 |
| SEKOLAH SWASTA | | | | | | |
| Bilangan sekolah rendah dan menengah swasta | 125* | 201* | 251 | - | - | 244 |
| Bilangan sekolah antarabangsa | - | - | 29 | - | - | 32 |
| Bilangan sekolah ekspatriat | - | - | 10 | - | - | 14 |
| Enrolmen sekolah swasta | 62,229* | 93,559* | 82,091 | - | - | 91,166 |
| Enrolmen sekolah antarabangsa | - | - | 5,069 | - | - | 10,663 |
| Enrolmen Sekolah Ekspatriat | - | - | 1,753 | - | - | 2,180 |

| Perkara | 1990 | 1995 | 2000 | 2005 | | Jumlah |
|------------------------------------|--------|--------|--------|--------|-------------|--------|
| | Jumlah | Jumlah | Jumlah | Bandar | Luar Bandar | |
| Bilangan Guru Sekolah Swasta | 2,414* | – | 5,613 | – | – | 6,238 |
| Bilangan Guru Sekolah Antarabangsa | – | – | 648 | – | – | 1,338 |
| Bilangan Guru Sekolah Ekspatriat | – | – | 172 | – | – | 249 |

*Termasuk sekolah antarabangsa dan ekspatriat **Termasuk sekolah ekspatriat

| SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN | | | | | | |
|--------------------------------|---|---|---|---|---|--------|
| Bilangan Sekolah Rendah | – | – | – | – | – | 17 |
| Bilangan Sekolah Menengah | – | – | – | – | – | 77 |
| Enrolmen Sekolah Rendah | – | – | – | – | – | 2,702 |
| Enrolmen Sekolah Menengah | – | – | – | – | – | 23,321 |
| Bilangan Guru | – | – | – | – | – | 2,352 |

Sekolah Teknik

- Bilangan sekolah teknik dan vokasional berjumlah 66 pada tahun 1990 dan meningkat menjadi 90 sekolah teknik (semua sekolah vokasional ditukar menjadi sekolah teknik) pada tahun 2005, iaitu pertambahan sebanyak 24 buah sekolah atau 73.3 peratus.
- Enrolmen bertambah 42.1 peratus daripada 30,691 (1990) kepada 72,838 (2005).

2.21 KPM telah dapat meningkatkan akses dan ekuiti dalam sistem pendidikan yang ditunjukkan melalui kadar penyertaan iaitu 96.0 peratus untuk sekolah rendah, 84.4 peratus untuk sekolah menengah rendah dan 71.7 peratus untuk sekolah menengah atas pada tahun 2005 (Jadual

2.2). Di samping peningkatan dalam kadar penyertaan dan penyediaan akses dalam pendidikan, isu ekuiti telah diberikan perhatian, contohnya penyediaan infrastruktur asas telah disediakan di kebanyakan sekolah. Daripada jumlah keseluruhan 9,629 buah sekolah rendah dan menengah,

Jadual 2.2 Indikator Pendidikan bagi Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan 1990 – 2005

| Indikator Pendidikan | 1990 | 1995 | 2000 | 2005 | | Jumlah |
|--|-------|------|------|--------|-------------|--------|
| | | | | Bandar | Luar Bandar | |
| Lokasi | | | | | | |
| Kadar Penyertaan Peringkat Rendah (%) | 93.2* | 94.0 | 95.0 | – | – | 96.0* |
| Kadar Penyertaan Peringkat Menengah rendah (%) | 83.0 | 83.0 | 85.0 | – | – | 84.4 |
| Kadar Penyertaan Peringkat Menengah atas (%) | 49.1 | 55.8 | 72.6 | – | – | 71.7 |
| Purata Saiz Kelas Rendah | 33.2 | 33.5 | 31.4 | 34.1 | 27.9 | 31.0 |
| Purata Saiz Kelas Menengah | 33.6 | 34.4 | 33.8 | 32.4 | 32.1 | 32.3 |
| Nisbah Guru:Murid Rendah | 20.4 | 20.1 | 19.1 | 18.4 | 14.6 | 16.5 |
| Nisbah Guru:Murid Menengah | 18.9 | 18.7 | 17.7 | 16.3 | 16.1 | 16.2 |

* Sumber data daripada Laporan RMKe-9 dan Perangkaan Pendidikan Malaysia

Jadual 2.3 Bilangan Sekolah, Enrolmen dan Guru di Sekolah Pendidikan Khas 1995-2005

| Sekolah Pendidikan Khas | 1995 | | 2000 | | 2005 | |
|----------------------------|--------|----------|--------|----------|--------|----------|
| | Rendah | Menengah | Rendah | Menengah | Rendah | Menengah |
| Bilangan Sekolah | 26 | 3 | 28 | 3 | 28 | 4 |
| Bilangan Kelas | 268 | 63 | 298 | 67 | 288 | 68 |
| Enrolmen | 2387 | 603 | 2107 | 664 | 1809 | 599 |
| Guru | 477 | 108 | 503 | 141 | 565 | 164 |
| Bilangan Program Integrasi | 159* | 54* | 400 | 164 | 635 | 338 |
| Enrolmen Program Integrasi | 3379* | 989* | 7127 | 3061 | 11557 | 6778 |

* Perangkaan Tahun 1996

hanya 767 buah atau 10.1 peratus sekolah rendah dan 28 buah atau 1.4 peratus sekolah menengah yang masih tidak dilengkapi bekalan elektrik 24 jam.

2.22 Dari segi pencapaian akademik, pelajar Malaysia menunjukkan pencapaian cemerlang dalam kajian antarabangsa berkaitan Sains dan Matematik iaitu *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 2003*. Berbanding kajian yang sama pada tahun 1999, kedudukan pencapaian pelajar Malaysia dalam Matematik meningkat dari tempat ke-16 ke tempat ke-10 dan mendahului 40 buah negara lain termasuk negara-negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Bagi Sains pula, kedudukan Malaysia meningkat dari tempat ke-22 ke tempat ke-20 dan mendahului 30 buah negara lain termasuk Norway dan Itali.

2.23 KPM terus berusaha menyediakan pendidikan khas kepada orang kurang upaya (OKU). Sehingga 2005, KPM telah membina 28 buah sekolah rendah pendidikan khas dan 4 buah sekolah menengah pendidikan khas (Jadual 2.3). Selain itu, program pendidikan khas integrasi juga disediakan di sekolah-sekolah harian bagi membolehkan lebih ramai OKU

mendapat pendidikan formal. Program ini meningkat daripada 564 pada tahun 2000 kepada 973 pada tahun 2005 atau 72.5 peratus. Dalam tempoh yang sama, lebih ramai pelajar dapat ditempatkan iaitu daripada 10,188 kepada 18,335 atau 80.0 peratus.

2.24 Dalam tempoh 15 tahun lalu, pendidikan teknik dan vokasional telah mengalami perubahan ketara. Pada tahun 1990 hingga 1995, sekolah menengah vokasional (SMV) telah bertambah daripada 57 kepada 69 buah yang melibatkan pertambahan enrolmen 17,639 (71.0%) pelajar dan

Jadual 2.4 Bilangan Sekolah, Enrolmen dan Guru Sekolah Vokasional dan Teknik 1990 - 2005

| Pendidikan Teknik dan Vokasional | 1990 | | 1995 | | 2000 | | 2005 |
|----------------------------------|--------|--------|--------|--------|-------|--------|--------|
| | Vok | Teknik | Vok | Teknik | Vok | Teknik | Teknik |
| Bilangan Sekolah | 57 | 9 | 69 | 9 | 4 | 80 | 90 |
| Bilangan Kelas | 1,040 | 187 | 1,688 | 174 | 33 | 2,075 | 2,686 |
| Enrolmen | 24,845 | 5,846 | 42,484 | 5,878 | 1,261 | 59,164 | 72,838 |
| Guru | 2,570 | 391 | 4,393 | 451 | 153 | 5,498 | 7,599 |

lebih 1,823 (71.0%) guru (Jadual 2.4). Manakala, sekolah menengah teknik (SMT) berjumlah 9 buah dengan enrolmen hampir 5,900.

2.25 Sejadangankeperluanmeningkatkan tenaga kerja sains dan teknikal, langkah telah diambil untuk meningkatkan bilangan pelajar yang mempunyai asas kukuh dalam Matematik, Sains dan mata pelajaran teknikal. Antara tahun 1995 hingga 2000, sebanyak 65 SMV telah ditukar menjadi SMT. Dalam RMKe-8, penstrukturan semula sekolah menengah vokasional (SMV) kepada SMT telah dilaksanakan sepenuhnya. Penstrukturan semula ini meningkatkan enrolmen SMT dan pada masa yang sama mengekalkan aliran vokasional dan kemahiran yang ditawarkan. Aliran teknikal melahirkan pelajar yang mempunyai asas kukuh dalam mata pelajaran teknikal dan sains manakala aliran vokasional dan kemahiran membekalkanpelajardengankemahiran asas untuk mendapatkan pekerjaan. Pada tahun 2005, terdapat 90 buah SMT dengan enrolmen 72,838.

2.26 Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, KPM telah memperkenalkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology* (ICT) dalam pendidikan yang meliputi aspek prasarana, pengisian dan latihan guru. KPM telah melaksanakan pelbagai

projek ICT dengan pembekalan komputer sebagai aktiviti utama penyediaan infrastruktur ICT.

Projek Rintis Sekolah Bestari

Sekolah Bestari merupakan satu Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia dan pelaksanaannya menekankan penggunaan ICT sebagai pengupaya pedagogi dan pengurusan sekolah. Projek ini dirintis pada tahun 1999 hingga 2002 di 88 buah sekolah yang mana 82 buah adalah sekolah sedia ada dan enam buah dibina baru iaitu SMK Putrajaya 1, SK Putrajaya 1, SK Putrajaya 2, SMK Seri Bintang Utara, SK Seri Bintang Utara dan SK Seri Bintang Selatan. Sekolah-sekolah ini dilengkapi kemudahan ICT termasuk 5,809 komputer dan 261 pelayan. Komputer digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Sistem Pengurusan Sekolah Bestari digunakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta menyokong pengajaran dan pembelajaran.

SchoolNet

Projek SchoolNet merupakan projek penyediaan prasarana jalur lebar untuk capaian ke internet di semua sekolah bagi tujuan mengatasi jurang digital. Sehingga tahun 2005, 9,285 sekolah telah dirangkaikan.

Projek MySchoolNet

Projek ini dilaksanakan bagi membudayakan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pembangunan laman web yang menyediakan bahan sumber pendidikan untuk pelajar, guru dan pentadbir sekolah seperti modul pengajaran dan pembelajaran, perisian, sukatan pelajaran, berita, forum dan program kolaboratif.

Makmal Pengkomputeran

Projek ini menyediakan makmal komputer dan membekalkan komputer serta pelayan kepada sekolah. Sehingga 2005, sebanyak 5,037 sekolah telah disediakan makmal komputer dan dibekalkan 133,000 komputer dan 4,700 pelayan.

TV Pendidikan (TVP)

KPM meneruskan perkhidmatan TVP bagi membantu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sebelum tahun 2000, penyiaran TVP dibuat melalui RTM menggunakan pancaran *terrestrial*. Mulai tahun 2000, TVP dipancarkan melalui saluran ASTRO yang menggunakan satelit. Rancangan TVP dibangunkan berasaskan kurikulum dan sehingga tahun 2005, sebanyak 77 program disediakan. Sebanyak 9,500 sekolah dibekalkan lebih 11,700 set televisyen.

Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)

PPSMI diperkenalkan pada tahun 2003 secara berperingkat dimulai dengan Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 rendah. Untuk menjayakan projek ini, sekolah dibekalkan dengan komputer riba, Projektor LCD, skrin, troli, TV dan pencetak.

Mata Pelajaran ICT

KPM memperkenalkan mata pelajaran *Information and Communication Technology*, Grafik Berkomputer, Produksi Multimedia, *Fundamentals of Programming*, *Program and Development Tools*, Pemesinan Berkomputer, Aplikasi Komputer dalam Perniagaan, Animasi dan Rekabentuk Penerbitan, Penerbitan Multimedia Kreatif, Sistem Sokongan Komputer, Sistem Sokongan Rangkaian dan Program Literasi ICT bagi memperluas literasi komputer, pengajaran dan pembelajaran berbantu komputer dan memupuk insan celik teknologi, budaya kreatif dan inovatif.

Latihan ICT untuk Guru

Pelaksanaan ICT dalam pendidikan memerlukan guru yang berkemahiran dalam ICT. Sehubungan itu, KPM telah menyediakan pelbagai program latihan untuk meningkatkan kemahiran guru. Sehingga tahun 2005, seramai 200,000 guru telah dilatih dalam ICT.

Projek Pengkomputeran Pengurusan

Projek ini menyediakan sistem aplikasi dan infrastruktur ICT untuk menyokong sistem pengurusan KPM. Projek RMKe-8 meliputi Rangkaian KPMNet, Aplikasi Sistem Pentadbiran, Aplikasi Pengurusan Pendidikan, Pembangunan Sistem Penyediaan Infrastruktur, Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan (EMIS) dan Sistem Pemantauan Perancangan Sekolah. Pelaksanaan Aplikasi Pendaftaran Peperiksaan atas talian dimulakan pada tahun 2003 bagi mempercepatkan proses pendaftaran peperiksaan.

JURANG PENCAPAIAN PENDIDIKAN

2.27 Walaupun banyak kejayaan telah dicapai, tetapi dengan cabaran dan keperluan baru terhadap pendidikan, masih banyak yang perlu diperjuangkan dan pelbagai usaha perlu dipertingkatkan. Antara isu yang masih dihadapi oleh KPM ialah:

Penyediaan bekalan elektrik belum mencukupi khususnya di sekolah luar bandar

- 767 (10.1%) sekolah rendah tiada bekalan elektrik 24 jam
- 28 (1.4%) sekolah menengah tiada bekalan elektrik 24 jam
- Terdapat sekolah menggunakan jana kuasa elektrik berkuasa rendah yang tidak dapat digunakan untuk perkakasan ICT seperti TV dan komputer

Penyediaan bekalan air bersih belum disediakan sepenuhnya terutama di sekolah luar bandar

- 1,517 (20.0%) sekolah rendah tiada bekalan air awam
- 68 (3.4%) sekolah menengah tiada bekalan air bersih awam

Penyediaan bilik darjah belum mencukupi dan bilangan sekolah dua sesi masih tinggi

- 68 (0.7%) sekolah rendah dan menengah menumpang sepenuhnya di sekolah lain
- 858 (11.3%) sekolah rendah masih mengamalkan dua sesi
- 748 (36.9%) sekolah menengah mengamalkan dua sesi

Bangunan sekolah yang lama (melebihi 30 tahun) memerlukan penyelenggaraan yang tinggi

- 5,951 (78.3%) sekolah rendah berusia lebih 30 tahun

- 870 (42.9%) sekolah menengah berusia lebih 30 tahun

Kemudahan bilik/ makmal sains masih belum disediakan sepenuhnya

- 1,639 (21.6%) sekolah rendah tiada bilik sains
- 25 (1.2%) sekolah menengah tiada makmal sains

Kadar penyertaan pelajar dalam sistem persekolahan KPM masih rendah di peringkat menengah

- 84.4 peratus penyertaan di peringkat menengah rendah
- 71.7 peratus penyertaan di peringkat menengah atas

Masih ada murid sekolah rendah yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M)

- Lebih 115,000 (7.7%) murid Tahap 1 sekolah rendah belum menguasai 3M pada tahun 2004

Wujud keciciran (meninggalkan sistem persekolahan KPM) di kalangan murid

- Pada peringkat pendidikan rendah, kadar keciciran sebanyak 1.9 peratus di bandar dan 1.2 peratus di luar bandar bagi kohort 1999 hingga 2004
- Pada peringkat menengah, kadar keciciran 9.3 peratus di bandar dan 16.7 peratus di luar bandar bagi kohort 2000 hingga 2004

Penyertaan dan pencapaian pelajar kurang upaya, anak Orang Asli dan Penan di Sarawak masih belum boleh dibanggakan

Guru terlatih dalam bidang kritikal (Matematik dan Sains) belum mencukupi khususnya di kawasan pedalaman serta masih terdapat guru kontrak dan tidak terlatih

- 15,444 (8.1%) guru kontrak dan tidak terlatih di sekolah rendah
- 2,893 (2.1%) guru kontrak dan tidak terlatih di sekolah menengah

Isu-isu lain dalam sistem pendidikan termasuklah:

- Kepimpinan sekolah masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai pemimpin pengurusan dan pemimpin pengajaran (*instructional leadership*) yang berkesan;
- Pengupayaan kepada sekolah adalah terhad. Semua sekolah masih perlu mengikuti satu sistem, prosedur dan pendekatan yang seragam dan tidak mengambil kira kemampuan, keupayaan khusus dan potensi untuk sekolah melaksanakan dasar dan program pendidikan sendiri;
- Layanan yang sama diberi kepada semua sekolah walaupun pada realitinya sekolah mempunyai keperluan, kekuatan dan kelemahan serta keupayaan yang berbeza;
- Keselamatan di sesetengah sekolah masih belum terjamin sepenuhnya;
- Penandaarasan bagi menjamin sekolah di Malaysia setanding dengan sekolah di negara maju adalah terhad;
- Struktur organisasi antara lapisan pentadbiran di KPM yang tidak setara menyebabkan penyaluran dasar dan pelan pelaksanaan kurang sistematik dan berkesan;
- Sistem penyampaian masih belum cekap dan berkesan khususnya daripada aspek pemberian bantuan; dan
- Sistem maklumat tidak menyeluruh dan tidak bersepadu.


PENUTUP

- 2.28** Sistem pendidikan memerlukan perubahan daripada pendekatan 'satu saiz untuk semua' kepada pendekatan yang lebih bertepatan dengan keperluan setempat dan masyarakat sekitar. Jurang pendidikan yang masih ketara akan dikurangkan dengan menyediakan keperluan asas (di mana perlu) secara berterusan. Pada waktu yang sama, bagi berdepan dengan cabaran era globalisasi, KPM juga perlu merancang untuk melonjakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi.

BAB 3

PENDIDIKAN KEBANGSAAN: MELANGKAH KE HADAPAN

- PEMANTAPAN SISTEM PENDIDIKAN
- PELAN INDUK PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN
2006-2010
- PENDEKATAN PIPP
- TERAS STRATEGIK PIPP
- SINOPSIS AGIHAN PERUNTUKAN
- KERANGKA PIPP
- PENUTUP



BAB 3

PENDIDIKAN KEBANGSAAN: MELANGKAH KE HADAPAN



"Sememangnya tugas ini amat berat dan saya memerlukan pasukan yang benar-benar komited, amanah, jujur dan yang sanggup bekerja keras untuk memastikan segala perancangan kita dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan serta tidak mengulangi kesilapan-kesilapan masa lalu."

YB Dato' Sri Hishammuddin
Tun Hussein
(Perutusan Tahun Baru, 2006)

PEMANTAPAN SISTEM PENDIDIKAN

- 3.01** Sejak tahun 1990, sektor pendidikan telah berkembang pesat dalam meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti dalam pendidikan. Namun begitu masih banyak yang perlu dilaksanakan untuk melonjakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang setara dengan negara maju dan bertaraf dunia. Masih banyak yang perlu diperbaiki dan dimantapkan supaya sistem dan institusi pendidikan dapat membangunkan modal insan yang menguasai ilmu dan kemahiran tinggi, menjunjung nilai budaya bangsa, memiliki semangat patriotisme yang utuh, mempunyai daya saing yang tinggi dan berwibawa.
- 3.02** Berdasarkan analisis 15 tahun pertama, KPM telah mengenal pasti beberapa jurang dan cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan wawasan negara dapat dicapai menjelang tahun 2020. Dalam tempoh 15 tahun yang akan datang, KPM berhasrat untuk:
- membangunkan modal insan dengan ciri-ciri individu dan masyarakat Bangsa Malaysia yang maju;
 - memastikan akses, ekuiti dan kualiti yang menjadi tunjang agenda pendidikan dapat diteruskan; dan
 - merintis dan menerajui perubahan demi melonjakkan sistem dan institusi pendidikan ke tahap dunia pada tahun 2020.

PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2006-2010

- 3.03** KPM telah merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) KPM 2006-2010 yang akan menjadi garis panduan pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh sepanjang tempoh 5 tahun dalam RMKe-9. PIPP merupakan satu dokumen perancangan pembangunan pendidikan yang bersepadu, komprehensif dan menyeluruh tidak tertumpu pada satu jenis sekolah, lokasi dan kaum. Agenda utama KPM adalah

untuk membangunkan SK sebagai aliran perdana kerana majoriti pelajar berada di SK. Walau bagaimanapun, KPM tidak akan meminggirkan SJKC, SJKT dan SABK dalam meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. PIPP merupakan satu dokumen perancangan pembangunan meliputi tiga aspek utama iaitu infrastruktur, pengisian dan tenaga manusia.

PENDEKATAN PIPP

3.04 Matlamat PIPP adalah untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua. Bagi memastikan matlamat ini dapat dicapai, dua pendekatan utama telah dikenal pasti sepanjang tempoh RMKe-9 iaitu:

- menyelesaikan tugas yang masih belum selesai dalam rancangan lima tahun sebelum ini iaitu untuk memastikan akses kepada pendidikan dan menyamaratakan medan persaingan di kalangan pelajar; dan
- mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan sehingga membolehkan guru dan pelajar mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia.

3.05 Dalam pendekatan pertama, komitmen KPM adalah untuk memastikan rakyat mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama tanpa mengira lokasi, kaum ataupun daripada kelompok kurang upaya, Orang Asli dan suku minoriti lain. KPM akan memastikan semua pelajar menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) dan tidak ada pelajar yang tercicir dari sistem pendidikan akibat kemiskinan, berada di kawasan luar bandar atau pedalaman. Peluasan ke semua jenis sekolah dan lokasi akan ditingkatkan untuk memastikan semua pelajar mendapat akses ICT khususnya capaian kepada internet.

3.06 Dalam pendekatan kedua, komitmen KPM adalah untuk memberi perhatian khusus ke atas sekolah yang telah mencapai tahap cemerlang untuk memastikan bukan sahaja ia dapat mempertahankan kecemerlangan malah mampu mempertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. KPM akan mengenal pasti sekolah-sekolah dalam kluster Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Premier, Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah 100 tahun (*Centennial*), Sekolah Bestari serta sekolah-sekolah Putrajaya dan Cyberjaya. Seterusnya, KPM akan memperkenalkan pelbagai program yang dapat membantu meningkatkan lagi kelebihan, kekuatan dan daya saing sekolah-sekolah dalam kluster ini.

TERAS STRATEGIK PIPP

3.07 Enam teras strategik telah dikenal pasti untuk memperkukuh sistem pendidikan negara seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.1.

3.08 Teras pertama: Membina Negara Bangsa

Memberi fokus kepada pembinaan Negara Bangsa melalui pendidikan.

JADUAL 3.1 TERAS STRATEGIK PIPP

| | |
|---------|--|
| Teras 1 | Membina Negara Bangsa |
| Teras 2 | Membangunkan Modal Insan |
| Teras 3 | Memperkasakan Sekolah Kebangsaan |
| Teras 4 | Merapatkan Jurang Pendidikan |
| Teras 5 | Memartabatkan Profesion Keguruan |
| Teras 6 | Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan |

KPM berhasrat untuk membangunkan warganegara dari awal persekolahan dengan ciri-ciri global, patriotik dan cintakan negara serta menyanjung dan menjunjung warisan budaya dan kesenian bangsa. Hasrat membina Negara Bangsa ini akan dicapai dengan memperkasakan Bahasa Melayu, meningkatkan disiplin pelajar, menggiatkan Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) serta menggiatkan aktiviti kokurikulum dan sukan bagi membina jati diri serta menerapkan budi bahasa dan adab di kalangan pelajar.

3.09 Teras kedua: Membangunkan Modal Insan

Usaha membangunkan modal insan KPM akan memberi tumpuan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar. Teras ini juga berhasrat melahirkan pelajar yang kompeten dalam Sains dan Teknologi, inovatif dan kreatif serta kebolehpasaran. KPM akan menyediakan sistem pentaksiran dan penilaian holistik, membina disiplin pelajar serta memberi penekanan kepada kebersihan, kesihatan dan keselamatan.

3.10 Teras ketiga: Memperkasakan Sekolah Kebangsaan

KPM akan memperkasakan sekolah kebangsaan (rendah dan menengah) supaya sekolah-sekolah tersebut menjadi sekolah pilihan utama masyarakat. Sehubungan itu, sekolah kebangsaan akan dilengkapi kemudahan asas pendidikan yang mencukupi dan berkualiti, bekalan elektrik dan air bersih serta kemudahan ICT. Sekolah juga akan dibekalkan guru terlatih yang mencukupi mengikut opsyen serta bilangan staf sokongan mengikut keperluan.

3.11 Teras keempat: Merapatkan Jurang Pendidikan

Penekanan dalam merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, jenis sekolah, kaum, jantina, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar adalah untuk

mengurangkan perbezaan daripada segi penyediaan kemudahan fizikal dan bukan fizikal, prestasi dan pencapaian pelajar serta keciciran. Justeru KPM akan membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan khususnya di luar bandar Sabah dan Sarawak dan memastikan semua sekolah mempunyai prasarana mengikut standard minimum. KPM juga akan memperbanyak bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti, mengurangkan jurang digital dan menempatkan guru terlatih yang mencukupi mengikut opsyen di kawasan luar bandar dan pedalaman.

3.12 Teras kelima: Memartabatkan Profesion Keguruan

Usaha memartabatkan profesion keguruan adalah bagi memastikan profesion ini dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam pembinaan generasi masa depan. KPM menaik taraf maktab perguruan kepada institut pendidikan guru untuk meningkatkan kelayakan guru ke peringkat ijazah. KPM juga akan menambah baik sistem pemilihan calon guru, perjawatan, penempatan dan kebajikan guru.

3.13 Teras keenam: Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Usaha melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan adalah dengan membentuk kluster kecemerlangan sekolah berasaskan akademik, kokurikulum dan sukan atau bidang-bidang khusus (*niche areas*). Sekolah-sekolah terpilih dalam kluster ini akan dirangkaikan dengan institusi ternama tempatan dan luar negara, menawarkan pelbagai peperiksaan peringkat antarabangsa seperti *International Baccalaureate* dan menjadi sekolah contoh. Sekolah-sekolah yang dikenal pasti daripada kluster ini akan dijadikan penanda aras dan *showcase* pada peringkat antarabangsa selaras dengan usaha membangunkan sistem pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia.

SINOPSIS AGIHAN PERUNTUKAN

3.14 Dalam RMKe-9, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM23.198 bilion di bawah peruntukan pembangunan kepada KPM untuk memastikan segala perancangan pembangunan pendidikan yang dirangka dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Peruntukan ini adalah untuk membiayai 17,179 projek seperti yang tersenarai dalam Jadual 3.2. Pelaksanaan PIPP juga akan disokong oleh peruntukan belanja mengurus yang diperuntukkan setiap tahun.

3.15 Sebanyak RM 327.3 juta diperuntukkan dalam RMKe-9 bagi KPM meneruskan peluasan program prasekolah. Melalui peruntukan ini, 3,143 kelas prasekolah akan disediakan di 2,626 sekolah termasuk prasekolah pendidikan khas. Kemudahan ini akan memberi

Jadual 3.2 Agihan Peruntukan Pembangunan RMKe-9 (seperti yang diluluskan UPE pada 2006)

| PROGRAM/PROJEK | BILANGAN PROJEK | | | SILING (RM JUTA) | | |
|--|-----------------|---------------|---------------|------------------|-----------------|-----------------|
| | B | LB | Jumlah | B | LB | Jumlah |
| Pendidikan Prasekolah | 491 | 2,135 | 2,626 | 66.4 | 260.9 | 327.3 |
| Pendidikan Rendah | 343 | 1,152 | 1,495 | 1,386.4 | 2,737.8 | 4,124.2 |
| Pendidikan Menengah | 360 | 551 | 911 | 1,949.5 | 2,571.7 | 4,521.2 |
| Sekolah Sukan | 5 | – | 5 | 256.4 | – | 256.4 |
| Sekolah Berasrama Penuh | 59 | 33 | 92 | 402.0 | 300.0 | 702.0 |
| Kolej Matrikulasi | 3 | 6 | 9 | 143.7 | 405.7 | 549.4 |
| Pendidikan Teknik dan Vokasional | – | – | 23 | – | – | 577.0 |
| Maktab Perguruan | – | – | 26 | – | – | 509.0 |
| Rumah Guru | 80 | 406 | 486 | 145.5 | 563.7 | 709.2 |
| Asrama Sekolah Harian | 40 | 281 | 321 | 176.4 | 1,183.5 | 1,359.9 |
| Pejabat Pendidikan | 68 | 48 | 116 | 244.7 | 176.8 | 421.5 |
| Bantuan Modal | – | – | 1 | – | – | 100.0 |
| Sistem Pengurusan dan Pentadbiran | – | – | 7 | – | – | 331.8 |
| Pendidikan Khas | 811 | 2,666 | 3,477 | 236.9 | 179.0 | 415.9 |
| Pusat Perkembangan Kurikulum | – | – | 6 | – | – | 427.8 |
| Bahagian Teknologi Pendidikan | – | – | 9 | – | – | 158.0 |
| Dewan Bahasa dan Pustaka | – | – | 4 | – | – | 27.0 |
| Institut Aminuddin Baki | – | – | 4 | – | – | 310.0 |
| Lembaga Peperiksaan Malaysia | – | – | 4 | – | – | 26.6 |
| Pembangunan Sukan Sekolah | 467 | 476 | 943 | 89.1 | 71.0 | 160.1 |
| Ubahsuai Naik Taraf Sekolah Rendah | 394 | 2,046 | 2,440 | 116.7 | 606.1 | 722.8 |
| Ubahsuai Naik Taraf Sekolah Menengah | 378 | 569 | 947 | 173.2 | 335.9 | 509.1 |
| Ubahsuai Naik Taraf P. Teknik dan Vokasional | 56 | – | 56 | 22.0 | – | 22.0 |
| Ubahsuai Naik Taraf Maktab Perguruan | – | – | 19 | – | – | 50.2 |
| Ubahsuai Naik Taraf Sokongan Pendidikan | 157 | 444 | 601 | 57.9 | 91.5 | 149.4 |
| Sokongan Pendidikan Pelbagai | – | – | 1 | – | – | 203.0 |
| Pemb. Prog. Luar Bandar Sabah dan Sarawak | – | 2,083 | 2,083 | – | 1,147.5 | 1,147.5 |
| Program Pembestarian Sekolah | – | – | 4 | – | – | 204.0 |
| Pembelian Tanah | – | – | 1 | – | – | 300.0 |
| Pengkomputeran Pengajaran Pembelajaran | – | – | 11 | – | – | 1,509.0 |
| Institut Terjemahan Negara | – | – | 6 | – | – | 16.9 |
| Kompleks Pelajaran Nilai | – | – | 1 | – | – | 200.0 |
| JUMLAH KESELURUHAN RMKE-9 | 3,712 | 12,896 | 16,735 | 5,466.8 | 10,631.1 | 21,048.2 |

| PROGRAM/PROJEK | BILANGAN PROJEK | | | SILING (RM JUTA) | | |
|---|-----------------|---------------|---------------|------------------|-----------------|-----------------|
| | B | LB | Jumlah | B | LB | Jumlah |
| Pendidikan Rendah Sambungan RMKe-8 | 101 | 105 | 206 | 123.2 | 149.8 | 273.0 |
| Pendidikan Menengah Sambungan RMKe-8 | 91 | 125 | 216 | 21.7 | 249.2 | 270.9 |
| Kolej Matrikulasi Sambungan RMKe-8 | - | 1 | 1 | - | 7.0 | 7.0 |
| Rumah Guru Sambungan RMKe-8 | 7 | 11 | 18 | 20.2 | 6.7 | 26.9 |
| Peluasan Kemahiran Hidup Sambungan RMKe-8 | - | - | 1 | - | - | 150.0 |
| Projek PPSMI & Komputer Sambungan RMKe-8 | - | - | 2 | - | - | 1,422.0 |
| JUMLAH PROJEK SAMBUNGAN RMKE-8 | 199 | 242 | 444 | 165.1 | 412.7 | 2,149.8 |
| JUMLAH SILING RMKE-9 | 3,911 | 13,138 | 17,179 | 5,631.9 | 11,043.8 | 23,198.0 |

* Jumlah projek dan jumlah siling termasuk projek di bandar, luar bandar dan di kedua-dua lokasi

peluang pendidikan sekolah kepada 76,000 kanak-kanak berumur 5+ tahun menjelang 2010. Bagi mengimbangi persediaan awal persekolahan antara lokasi, hampir 80 peratus atau 2,436 kelas prasekolah akan disediakan di luar bandar.

3.16 Pada peringkat pendidikan rendah, sebanyak RM 4.1 bilion diperuntukkan untuk menyediakan infrastruktur yang mencukupi dan sesuai khususnya bagi memenuhi keperluan sekolah baru, meningkatkan akses di luar bandar, mengurangkan kesesakan bilik darjah, termasuk untuk mengubah suai dan menggantikan bangunan lama, daif dan kurang selamat. Lebih 13,000 bilik darjah akan disediakan yang mana 68 peratus daripadanya terletak di luar bandar. Sasarannya adalah untuk menambah sekolah satu sesi daripada 86 peratus kepada 90 peratus dan mengurangkan saiz kelas daripada 31 murid kepada 30 murid pada 2010.

3.17 Bagi pendidikan menengah, untuk mengurangkan kesesakan bilik darjah dan keciciran, serta meningkatkan penyertaan pelajar dalam pelbagai program pendidikan, sebanyak RM4.5 bilion diperuntukkan untuk menyediakan lebih 10,000 bilik darjah yang mana 57 peratus terletak di luar bandar. Sekolah satu sesi disasarkan untuk ditingkatkan daripada 65 peratus kepada 70 peratus dan saiz kelas dikurangkan daripada 32 kepada 30 pada 2010.

3.18 Bagi Sekolah Bantuan Kerajaan, sebanyak RM100 juta peruntukan pembangunan disediakan. Peruntukan ini merupakan tambahan kepada belanja mengurus yang diberikan secara konsisten setiap tahun kepada semua sekolah dalam bentuk emolumen, geran per kapita dan Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT). Pada tahun 2005, sebanyak RM2.5 bilion diperuntukkan sebagai belanja mengurus bagi 1,755 buah sekolah tersebut. Peruntukan RM100 juta bagi pembangunan juga menunjukkan peningkatan 100 peratus berbanding jumlah peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan di bawah RMKe-8. Selain itu, sebanyak RM8.4 juta diperuntukkan untuk memperbaiki beberapa Sekolah Bantuan Kerajaan yang daif, terbakar, dilanda banjir dan yang berada dalam keadaan berbahaya.

3.19 KPM juga berusaha menyediakan lebih banyak pilihan bidang kepada pelajar yang mempunyai pelbagai kebolehan, minat, bakat dan kecenderungan. Tiga buah lagi Sekolah Sukan akan dibina bagi melahirkan lebih ramai atlet negara yang cemerlang dalam bidang sukan. Prasarana dan peralatan sukan akan ditingkatkan terutama di Pusat Sukan Daerah dan Negeri bagi memperluas dan meningkatkan program dan aktiviti sukan sekolah. Sebanyak 15 buah SBP baru akan dibina dengan jumlah kapasiti 450 bilik darjah bagi menampung pertambahan 13,500 pelajar. Dua buah lagi SMT baru dan 17 projek bangunan tambahan akan dilaksanakan selaras dengan penerusan dasar



Rajah 3.1 Kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010

menambah bilangan pelajar dalam aliran Teknikal dan Vokasional. Dua Sekolah Seni akan dilaksanakan secara rintis bagi memperkenalkan kurikulum seni kepada pelajar yang berpotensi pada peringkat menengah.

3.20 Bagi program Pendidikan Khas, KPM akan memperluas pendidikan khas dengan menambah dua buah SMPKV dengan jumlah kapasiti 750 tempat dan menawarkan 21 bidang kemahiran bagi pelajar bermasalah pendengaran dan pembelajaran. KPM akan memperluas dan mempertingkatkan program integrasi pendidikan khas, menyediakan guru pendidikan khas terlatih dan pembantu pengurusan murid yang mencukupi, menyediakan pentaksiran alternatif dan menyediakan kemudahan ICT kepada pelajar berkeperluan khas. KPM akan memperluas Program Pemulihan dan mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaannya dengan menaik taraf 2,800 kelas pemulihan dan menyediakan guru pemulihan yang mencukupi.

3.21 Dalam usaha melahirkan pelajar yang boleh bersaing pada peringkat global dan pembangunan insan holistik, KPM akan mengkaji Sistem Pentaksiran dan Penilaian untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasi peperiksaan. Dalam tempoh

RMKe-9, KPM akan merintis pendekatan pentaksiran berasaskan sekolah, menguji pelaksanaan sistem semester dan cuba membangunkan kaedah baru pentaksiran yang mampu menggalakkan pembangunan keperibadian (*character building*).

3.22 Kurikulum Sekolah akan dikemas kini dalam RMKe-9 agar relevan dan kandungannya sesuai dengan tahap perkembangan murid terutama pada peringkat rendah. Pada masa yang sama, KPM akan menyediakan pilihan mata pelajaran yang lebih luas kepada pelajar yang tidak berminat dalam bidang akademik di sekolah menengah. KPM akan memperluas penawaran mata pelajaran baru di sekolah menengah termasuk peluasan 22 mata pelajaran vokasional (MPV) dengan menambah 480 bengkel MPV, naik taraf bengkel dan peralatan mata pelajaran Reka Cipta

ke 150 sekolah, peluasan Sains Sukan ke 80 sekolah dan mempertingkatkan pengajaran muzik dengan menaik taraf 233 bilik muzik. KPM juga akan meningkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran (p&p) bahasa khususnya Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan menyediakan 19 makmal bahasa secara rintis.

- 3.23** Bagi meningkatkan akses kepada pendidikan terutama bagi pelajar luar bandar dan pedalaman serta daripada keluarga berpendapatan rendah, KPM akan menyediakan lebih banyak asrama baru dan menggantikan asrama daif dan kurang selamat. Sebanyak 321 projek telah dirancang untuk dibina dalam tempoh RMKe-9 dan dijangka dapat menempatkan seramai 73,440 penghuni.
- 3.24** Melalui usaha Pembestarian Sekolah, semua sekolah akan dibestarian menjelang tahun 2010. Usaha pembestarian ini akan mengambil kira semua inisiatif ICT yang ada di KPM, melibatkan projek makmal komputer, Sekolah Bestari, penyediaan infrastruktur dan akses jalur lebar SchoolNet ke sekolah, TV Pendidikan, Program PPSMI serta pelbagai inisiatif ICT yang lain.
- 3.25** Sebanyak empat buah lagi kolej matrikulasi baru akan dibina bagi menempatkan sebanyak 12,000 pelajar. Penambahan ini adalah bagi memenuhi permintaan dan keperluan program matrikulasi yang dijangka meningkat

sebanyak 10.0 peratus setahun. Kualiti kolej sedia ada dan program matrikulasi akan dipertingkatkan melalui projek tambahan serta projek ubah suai dan naik taraf. Kolej matrikulasi juga akan diperengkap dengan kemudahan ICT agar penggunaannya dapat diperluas bagi tujuan akademik dan pentadbiran.

- 3.26** Usaha memartabatkan profesion keguruan akan diteruskan dengan menaik taraf maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru yang boleh menganugerahkan ijazah dan menjalankan pembangunan profesional secara berterusan serta menjadikan pusat pedagogi dan kajian ilmiah dalam pendidikan guru. Dengan mengambil kira kekurangan guru Bahasa Inggeris serta keperluan untuk mempertingkatkan keberkesanan p&p Bahasa Inggeris, kualiti latihan dan jumlah guru terlatih akan terus dipertingkatkan dengan pembinaan dua buah lagi kampus bahasa baru iaitu English Language Teaching Centre (ELTC) dan Teaching English Language Teacher Training Centre (TELTTrac).
- 3.27** Keutamaan juga akan diberikan kepada penyediaan rumah guru terutama di luar bandar, pedalaman dan bandar besar melalui pembinaan rumah guru baru dan menggantikan rumah guru sedia ada yang lama dan daif. Sebanyak 4,322 unit rumah guru akan dibina dalam tempoh RMKe-9 dan 80.0 peratus atau 3,438 unit akan dibina di luar bandar. Untuk memberi keselesaan dan kemudahan kepada guru, KPM akan menyediakan perabot asas bagi rumah guru di pedalaman.
- 3.28** KPM akan mempertingkatkan kemudahan pejabat di Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah bagi memantapkan lagi tahap kecekapan dan keberkesanan daripada segi sistem pentadbiran pendidikan, sistem pemantauan dan penilaian, kurikulum dan pentaksiran, personel, maklumat dan komunikasi, penyelidikan dan pembangunan, kewangan dan infrastruktur.

PENUTUP

- 3.29** PIPP merupakan pelan perancangan yang dapat menyediakan landasan yang kukuh untuk membentuk generasi Bangsa Malaysia akan datang dan mencorakkan pembangunan negara pada masa hadapan. Pendekatan yang digunakan dalam PIPP amat penting agar sistem pendidikan negara dapat diangkat ke suatu tahap yang lebih tinggi. Melalui pendekatan ini juga, usaha yang lebih berfokus dapat direncanakan melalui program yang berbeza bagi institusi-institusi pendidikan yang berbeza tahap kesediaan dan kecemerlangan. Pelbagai idea baru boleh dirintis dan diuji sepanjang tempoh RMKe-9. Segala pengalaman yang ditimba melalui pelbagai program rintis ini dapat digunakan bagi tujuan penambahbaikan sebelum dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia akan datang.

BAB 4

MEMBINA NEGARA BANGSA

- KONSEP NEGARA BANGSA
- DASAR DAN MATLAMAT
- STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKe-9
- FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN
- PENUTUP



BAB 4

MEMBINA
NEGARA BANGSA

"...kita mempunyai tanggung jawab yang besar dalam pembangunan bangsa dan negara ini. Kita juga mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan minda dan jiwa rakyat untuk membawa kita ke arah wawasan yang ingin kita capai."

YAB Dato' Seri Abdullah
Ahmad Badawi
(Dewan Budaya USM, 1999)

KONSEP NEGARA BANGSA

4.01 Pembinaan Negara Bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina Negara Bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme. Ia menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara.

4.02 Hasrat untuk membentuk sebuah Negara Bangsa dalam konteks Malaysia boleh diuraikan seperti berikut:

"...membentuk sebuah negara yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompoknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah Bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut."

*(Tun Dr. Mahathir Mohamad
Melangkah Ke Hadapan, 1991)*

4.03 Negara bangsa mempunyai beberapa faktor pemangkin iaitu:

- *Lingua Franca* – bahasa yang dikongsi bersama oleh rakyat dalam perhubungan rasmi dan kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks Negara Bangsa Malaysia, Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi alat perpaduan dan juga selaku bahasa perhubungan utama masyarakat.

- Integrasi – merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional antara kumpulan-kumpulan daripada segi sosial, wilayah, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan politik.
- Kewarganegaraan – membentuk identiti rakyat dalam negara. Semangat bersatu padu dan rasa kesepunyaan dalam budaya, pendidikan, bahasa, ekonomi dan politik boleh menyatupadukan rakyat.
- Patriotisme – merupakan perasaan cintakan tanah air yang mendalam berasaskan kesedaran seseorang terhadap kewarganegaraannya dan kesetiaan teragung sehingga sanggup berkorban nyawa untuk tanah airnya. Menerusi patriotisme, bangsa akan menjadi kuat, berani, mempunyai ketahanan mental, emosi dan fizikal dalam membentuk ketahanan nasional dan menghadapi cabaran mendatang.
- Demokrasi – merupakan pemberian hak kepada semua warganegara dalam memilih pemerintahan negara. Ia merupakan alat mewujudkan keutuhan pentadbiran. Negara Bangsa wujud apabila terdapat kefahaman mendalam tentang demokrasi yang memberikan peluang dan ruang kepada rakyat terlibat dalam pentadbiran negara.

4.04 Perpaduan merupakan aspek penting dalam pembangunan negara. Kemajuan yang dinikmati sekarang adalah hasil daripada perpaduan erat antara pelbagai kaum di negara ini. Oleh itu, aktiviti pendidikan mestilah memberi keutamaan kepada usaha-usaha memupuk dan mengekalkan semangat perpaduan di kalangan rakyat. Usaha-usaha perpaduan boleh dicapai melalui aktiviti kurikulum, kokurikulum dan sukan.

4.05 Peranan pendidikan penting untuk melahirkan semangat cintakan negara. Oleh itu, KPM menghadapi cabaran besar melahirkan pelajar dengan ciri-ciri individu dan masyarakat Bangsa Malaysia. Bangsa Malaysia yang dihasratkan terdiri daripada individu dan masyarakat yang mempunyai keyakinan tinggi, jati diri kukuh, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral dapat hidup sebagai sebuah masyarakat yang penyayang, demokratik, liberal dan bertolak ansur, serta berfikiran dan berbudaya saintifik.

4.06 Pendidikan di negara kita seharusnya boleh mewujudkan jati diri yang tinggi di kalangan pelajar. Harapan KPM adalah memupuk pembinaan jati diri melalui kurikulum, program kokurikulum dan sukan. Ini disebabkan jati diri yang terhasil daripada sistem pendidikan negara akan menghasilkan Negara Bangsa yang kukuh dan maju.

4.07 Cabaran globalisasi dan liberalisasi menuntut perubahan yang dinamik dalam sistem pendidikan. Sistem pendidikan perlu melahirkan warganegara global yang mampu

bertindak dengan bijak untuk menghadapi cabaran dan ancaman globalisasi dan liberalisasi. Peranan KPM adalah untuk memastikan sumber manusia yang dihasilkan mampu berfikir secara global dan bertindak secara *local* untuk kepentingan negara dan bangsa. Justeru, nilai budaya Malaysia harus menjadi asas kepada kemajuan negara dan bangsa. Dalam sebuah Negara Bangsa, rakyatnya berkongsi identiti, lambang, kebudayaan, nilai dan semangat yang menjadi ciri dan hasrat Negara Bangsa tersebut.

“Warga global yang kita hasratkan ialah warga yang berakar nasional dan berakar internasional, maksudnya di samping kita hebat dalam negara, kita juga berperanan di arena antarabangsa. Akar kita berpaksi di kota dan desa, namun akal kita menerjah ke serata dunia. Warga global bertunjangan budaya Malaysia dan ajaran Agama yang suci. Dimensi baru kita menuntut kita melonjak ke hadapan dengan memperkukuh daya saing bangsa untuk menjadi antara yang terbaik di pentas dunia. Kita semakin bersinar dalam dunia yang serba mencabar. Kita inginkan Malaysia sebagai contoh, menjadi jenama antarabangsa. Kejayaan inilah menjadi asas untuk menjana warga global seterusnya.”

*(Dato’ Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak
Perhimpunan Agung UMNO, 2005)*

DASAR DAN MATLAMAT

4.08 Dasar KPM adalah menyokong hasrat negara untuk membina Negara

Bangsa Malaysia bagi memperkukuh perpaduan, membina identiti nasional dan semangat kebangsaan serta membangunkan sumber manusia bersesuaian dengan keperluan negara. Matlamat KPM membina Negara Bangsa melalui pendidikan adalah untuk melahirkan pelajar yang memiliki jati diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral, hidup sebagai sebuah masyarakat yang penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran dan berbudaya saintifik serta hidup bersatu padu. KPM bertanggungjawab untuk menyemai nilai-nilai ini sejak pelajar di bangku sekolah lagi.

4.09 Fokus KPM dalam membina Negara Bangsa mencakupi usaha-usaha berikut:

- memperkasakan Bahasa Kebangsaan sebagai asas perpaduan dan bahasa ilmu;
- memantapkan perpaduan dan integrasi nasional;
- memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa; dan
- memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari dalam membentuk pemikiran dan kehidupan.

STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKE-9

Memperkasakan Bahasa Kebangsaan

4.10 Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara telah termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967.

“Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa:

- tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi) atau daripada mengajar atau belajar, apa-apa bahasa lain;
- tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh Hak Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan.”

4.11 Seksyen 5 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Disemak 1978) [Akta 213] dan diperluas melalui Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995 [Akta A930] untuk membina dan memperkayakan Bahasa Kebangsaan, memperkembangkan bakat sastera, mencetak dan menerbitkan bahan bacaan dalam Bahasa Kebangsaan dan menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul.

4.12 Dalam bidang pendidikan, Akta Pelajaran 1961 yang dirangka berasaskan Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah menekankan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perpaduan. Penyata Razak 1956 menyatakan:

“Tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur.”

(Penyata Razak, perenggan 12, 1956).

Akta Pendidikan 1996 menegaskan kepentingan Bahasa Kebangsaan dengan memperuntukkan penggunaannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem

pendidikan kebangsaan dan ia hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah.

4.13 Kedudukan Bahasa Melayu sudah terjamin sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah ditubuhkan untuk tujuan-tujuan tersebut, namun kemerosotan Bahasa Melayu terus berlaku, khususnya dari segi tahap dan mutu penggunaannya. Kemerosotan dalam aspek mutu penggunaan Bahasa Kebangsaan termasuklah:

- kecenderungan dan kelaziman penggunaan bahasa rojak, bahasa dalam sistem pesanan ringkas (SMS) dan bahasa dalam sembang di internet dikhuatiri menular dalam situasi rasmi;
- peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi seperti yang ditafsirkan dalam Perlembagaan masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Penggunaan Bahasa Inggeris dalam urusan dan majlis rasmi seperti mesyuarat dan seumpamanya masih diutamakan oleh sesetengah pihak;
- tanggapan bahawa penggunaan Bahasa Kebangsaan menyebabkan seseorang itu dianggap tidak terdidik atau kurang berketerampilan turut merendahkan pandangan orang terhadap Bahasa Kebangsaan;
- penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor swasta masih pada tahap minimum walaupun pelbagai galakan dan pengiktirafan telah diberikan oleh Kerajaan melalui DBP;
- jumlah penerbitan buku dalam Bahasa Kebangsaan, terutama judul umum dan karya ilmiah, fiksyen, bukan fiksyen, sains dan teknologi yang secara relatifnya rendah menyebabkan masyarakat beralih atau mencari sumber alternatif; dan
- kadar penterjemahan karya daripada bahasa asing kepada Bahasa Kebangsaan yang secara relatifnya rendah dan lambat menyebabkan kebergantungan terhadap sumber dalam bahasa asing semakin meningkat.

4.14 Bagi mengatasi isu-isu tersebut di atas, dan untuk memperhebat serta memperkasakan Bahasa Kebangsaan, Jawatankuasa Induk Memperkasakan Bahasa Kebangsaan (JKIMBK) telah diwujudkan yang dipengerusikan bersama Y.B. Menteri Pelajaran, Y.B. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, dan Y.B. Menteri Penerangan. JKIMBK telah mewujudkan enam buah jawatankuasa kecil khusus bagi membantu JKIMBK melunaskan tugas asas memperkasakan Bahasa Kebangsaan. Jawatankuasa kecil tersebut dianggotai oleh pihak yang berkaitan dengan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan.

4.15 Pelbagai program kebahasaan dan kesusasteraan telah dilaksanakan oleh sekolah, IPG, kolej matrikulasi, DBP, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk memperkasakan Bahasa Kebangsaan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan merangkumi usaha-usaha untuk mengukuhkannya dalam kurikulum dan kokurikulum, aktiviti pembangunan dan pengembangan Bahasa Kebangsaan, aktiviti kesusasteraan termasuk perkhemahan sastera, sayembara puisi, deklamasi sajak, pertandingan berbalas pantun, syarahan serta pertandingan menulis cerpen dan puisi.

4.16 Cabaran KPM adalah untuk memastikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan dan digunakan sebagai bahasa ilmu serta bahasa perpaduan. KPM berazam untuk memberikan penghormatan dan menyemarakkan penggunaan Bahasa Melayu untuk memperkasakan kedudukannya. KPM bersama dengan DBP, ITNM dan MBKM, terus mempererat jalinan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) untuk memberi suntikan baru dalam gerakan memperkukuh Bahasa Melayu. Unsur-unsur dan

nilai-nilai perpaduan dijadikan teras Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Perpaduan yang diwujudkan mesti berupaya menangkis gejala-gejala seperti perkauman, keturunan, agama, bahasa dan perasaan kedaerahan yang boleh memecah belahkan rakyat.

4.17 Dalam konteks Dasar Buku Negara, usaha memperkasakan Bahasa Melayu masih belum dapat dibanggakan kerana jumlah penerbitan buku terutama buku judul umum oleh penerbit tempatan secara umumnya masih lagi rendah berbanding dengan Korea Selatan, Jepun dan China. Selain itu, usaha penterjemahan daripada bahasa asing kepada Bahasa Melayu juga masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Cabaran KPM adalah bagi melipatgandakan usaha ke arah meningkatkan jumlah penerbitan judul umum dan penterjemahan buku bahasa asing kepada Bahasa Melayu. Selain itu, masalah pencemaran dalam penggunaannya khususnya di tempat awam dan dalam media massa, peminggiran penggunaannya dalam urusan rasmi di sektor awam dan swasta serta kemerosotan penggunaannya sebagai bahasa ilmu, termasuk di institusi-institusi pendidikan tinggi adalah cabaran yang nyata dalam usaha memperkasakan Bahasa Kebangsaan.

4.18 Walaupun statistik menunjukkan Bahasa Melayu mempunyai lebih daripada 300 juta penutur namun penggunaan Bahasa Melayu sangat bergantung kepada kesetiaan hanya 25 juta penutur di Malaysia. Dalam era globalisasi, penggunaan Bahasa Inggeris sebagai *lingua franca* menyebabkan kedudukan Bahasa Kebangsaan semakin tergugat.

4.19 Usaha yang lebih mantap bagi memperkasakan Bahasa Kebangsaan perlu digerakkan dengan mewujudkan sasaran yang jelas, pendekatan yang menyeluruh dan koordinasi antara badan penggerak utama bahasa. Usaha ini amat penting untuk memupuk perasaan cintakan Bahasa Kebangsaan kerana ia merupakan identiti unik Bangsa Malaysia. Selain itu, usaha ini juga bertujuan untuk memperkukuh kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan, bahasa ilmu dan bahasa komunikasi moden. Matlamatnya adalah untuk melahirkan generasi masa depan Bangsa Malaysia yang fasih, menghormati dan berbangga dengan bahasa yang menjadi identiti mereka sehingga dapat mempromosikannya di mana sahaja mereka berada.

4.20 Bagi mengharungi cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh RMKe-9, satu gelombang gerakan memperkasakan Bahasa Kebangsaan yang baru perlu digerakkan dengan hala tuju baru. Satu langkah penting dalam gelombang baru gerakan berkenaan ialah usaha KPM menyenaraikan Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) sebagai salah satu perayaan utama KPM. Pada waktu yang sama, melalui Jawatankuasa Induk Memperkasakan Bahasa Kebangsaan, BBSN juga akan dijadikan salah satu daripada perayaan nasional.

4.21 Bagi menggerakkan usaha ini, dua buah jawatankuasa telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Induk Memperkasakan Bahasa Kebangsaan seperti yang telah dinyatakan dan Jawatankuasa Induk Penggerak Dasar Buku Negara (DBN). Jawatankuasa Induk Penggerak DBN telah dibentuk bagi membantu MBKM melaksanakan fungsinya secara menyeluruh. Bagi memastikan Jawatankuasa Induk Penggerak DBN berupaya melaksanakan tugas menerbitkan buku secara aktif, lima buah jawatankuasa kerja telah dibentuk:

- Jawatankuasa Kerja Pembentukan Dasar, Akta, Organisasi dan Amalan Profesional;
- Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modal Insan Industri Penerbitan dan Perbukuan;
- Jawatankuasa Kerja Penggalakan Minat Membaca dan Pembangunan Perpustakaan Komuniti;

- Jawatankuasa Kerja Pembangunan dan Penggalakan Industri Penterjemahan; dan
- Jawatankuasa Kerja Promosi, Penjenamaan, Pengiktirafan dan Pemasaran.

4.22 DBP sebagai organisasi yang bertanggungjawab secara langsung terhadap usaha untuk membangun dan mengembangkan Bahasa Kebangsaan akan memantapkan lagi usaha dalam RMKe-9 bagi memperlengkapkan korpus Bahasa Kebangsaan, menyebarkan maklumat berkaitan Bahasa Kebangsaan, menggalakkan dan mengiktiraf penggunaan Bahasa Kebangsaan, meningkatkan penggunaan dan kemahiran berbahasa dalam Bahasa Kebangsaan, dan meningkatkan bahan bacaan dan rujukan dalam Bahasa Kebangsaan.

4.23 ITNM sebagai badan yang bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan penterjemahan, kejurubahasaan dan pertukaran maklumat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa akan menyokong agenda memperkasakan Bahasa Kebangsaan melalui penterjemahan buku ilmu dan karya agung ke dalam Bahasa Melayu. Manakala MBKM yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pencapaian matlamat DBN dan berperanan untuk mempergiat industri perbukuan dalam negara, akan menyokong agenda memperkasakan Bahasa Kebangsaan dengan memperbanyakkan penerbitan buku judul umum, penerbitan buku dalam bentuk digital, pengiktirafan terhadap buku-buku terbitan tempatan dan usaha mempromosi buku-buku terbitan tempatan ke pesta-pesta buku antarabangsa.

Memantapkan Perpaduan dan Integrasi Nasional

4.24 Hasrat Wawasan 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat Bangsa Malaysia yang bersatu padu. KPM telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan matlamat perpaduan kaum dan integrasi nasional terus dipelihara dan diperkukuhkan.

Antaranya:

- melaksanakan sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan satu kurikulum kebangsaan untuk semua jenis sekolah dan satu sistem penilaian dan peperiksaan yang seragam;
- menjadikan agenda memperkasakan SK menjadi salah satu teras dasar pelaksanaan RMKe-9 bagi merealisasikan matlamat menjadikan SK sebagai tempat memupuk perpaduan kaum dan pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang akademik dan bukan akademik;
- menerapkan nilai jati diri, budi bahasa dan seni budaya dilaksanakan secara sisipan dalam tajuk-tajuk mata pelajaran yang bersesuaian;

MATLAMAT DASAR BUKU NEGARA

- Untuk memastikan supaya buku dalam Bahasa Melayu dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan keperluan dan cita-cita negara;
- Untuk memastikan supaya buku dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat di negara ini;
- Untuk memastikan supaya rakyat di negara ini mempunyai minat membaca yang tinggi, dan boleh dianggap seratus peratus masyarakat yang membaca; dan
- Untuk memastikan supaya semua buku yang diterbitkan di negara ini mencapai mutu yang baik daripada segi isi dan juga daripada segi bentuk fizikalnya.

- memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan pada tahun 2003 di peringkat rendah dan menengah bertujuan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat pelbagai kaum serta pentingnya semangat patriotisme, kesejahteraan dan keharmonian antara kaum;
- memperkenalkan Konsep Sekolah Wawasan sebagai salah satu pendekatan alternatif untuk memupuk nilai perpaduan kaum dan integrasi

nasional dengan menempatkan dua atau tiga jenis sekolah rendah yang berlainan bahasa pengantar dan pentadbiran dalam kawasan yang sama dan berkongsi kemudahan asas seperti padang permainan, dewan dan kantin. Pelaksanaan Sekolah Wawasan bertujuan mewujudkan persekitaran yang memberi peluang yang luas kepada murid pelbagai kaum untuk bergaul dan berinteraksi dalam pelbagai aktiviti. Sehingga kini, terdapat enam buah Sekolah Wawasan yang aktif beroperasi iaitu dua di Perak dan satu di Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan; dan

- melaksanakan beberapa aktiviti bagi menerapkan semangat patriotisme secara berterusan melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum termasuklah Perhimpunan Mingguan yang melibatkan aktiviti perbarisan, menaikkan bendera dan menyanyikan Lagu Kebangsaan serta lagu patriotik. Acara kemuncak kegiatan penerapan semangat patriotisme di kalangan pelajar adalah melalui Sambutan Bulan Kemerdekaan (SBK). Sepanjang tempoh SBK, pelbagai jenis aktiviti bahasa dan budaya seperti deklamasi sajak, pidato, syair dan nyanyian mengisi program-program berikut:
 - Kempen Kibar Jalur Gemilang menggalakkan sekolah-sekolah untuk menganjurkan pertandingan mencipta Jalur Gemilang secara kreatif menggunakan pelbagai bahan dan media. Di Sekolah Wawasan,

acara ini disambut secara serentak;

- Sambutan Detik Ambang Merdeka diadakan di semua sekolah berasrama dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru;
- Perhimpunan Khas sempena Hari Merdeka diadakan untuk memperdengarkan Perutusan Kemerdekaan;
- Sambutan Perayaan Hari Kemerdekaan melibatkan penyertaan pelajar dalam Acara Persembahan Padang dan Acara Perarakan; dan
- Aktiviti berbentuk deklamasi sajak, pidato, syair, nyanyian, pameran statik hasil karya pelajar, karya kreatif dan kerja sukarela juga diadakan untuk menyemarakkan SBK.

4.25 Pada tahun 2006, Jabatan Perdana Menteri telah mengetengahkan dasar perpaduan dan integrasi nasional dalam Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional (2006-2010) yang bertujuan untuk memperkukuh lagi perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat. Pelan tersebut merangkumi falsafah perpaduan dan integrasi nasional dengan merujuk dasar-dasar Kerajaan yang ada dan berteraskan Perlembagaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020. Ia bertujuan mencapai objektif khusus seperti berikut:

- memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotik serta bangga sebagai rakyat Malaysia;
- mengurangkan segregasi kaum dan kerenggangan dalam perhubungan inter dan intra kaum dan wilayah;
- meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum;
- meningkatkan integrasi wilayah antara Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan Semenanjung dan antara negeri-negeri di Semenanjung; dan
- menghadapi cabaran Wawasan 2020 untuk mewujudkan satu Bangsa Malaysia yang bersatu padu.

4.26 Pendidikan merupakan antara aspek penting yang diambil kira dalam merangka program-program di bawah Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional. Sistem pendidikan negara harus menyediakan persekitaran serta kemudahan bagi interaksi dan sosialisasi di kalangan sebilangan besar rakyat yang masih berusia muda.

- Menggalakkan wujudnya satu sistem persekolahan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah yang menggunakan satu bahasa perantaraan (Bahasa Kebangsaan), kurikulum dan kokurikulum yang seragam serta satu jenis peperiksaan dan pensijilan yang mempunyai pengiktirafan yang sama
- Penyediaan kemudahan dan pembelajaran bahasa kaum-kaum utama di negara ini pada peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai satu mata pelajaran pilihan oleh semua pelajar

- Mengambil langkah-langkah tertentu bagi membolehkan sekolah-sekolah yang pelajarannya terdiri daripada satu kaum sahaja (SJJC, SJKT, sekolah agama atau Sekolah Kebangsaan di kawasan yang penduduknya satu kaum sahaja) berinteraksi dan bergaul dengan pelajar dari sekolah lain
- Kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah memberi tumpuan kepada mata pelajaran Sejarah, budaya dan adat resam kaum-kaum di Malaysia, dan unsur-unsur penting agama dan kepercayaan utama negara ini
- Pendidikan dan aktiviti kokurikulum yang menerapkan sikap dan nilai-nilai yang mendukung kepada pencapaian perpaduan negara
- Pendidikan sepanjang hayat dijalankan oleh pelbagai agensi dan pihak di luar sistem pendidikan formal dalam usaha memupuk perpaduan menerusi penyerapan unsur-unsur perpaduan ke dalam kurikulum dan kokurikulum
- Infrastruktur pendidikan yang mencukupi disediakan di semua kawasan terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman

4.27 Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) ialah hasil ilham Perdana Menteri, Y.A.B Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi pada tahun 1986, ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran Malaysia. Pada peringkat awal, pelaksanaan RIMUP tertumpu pada peringkat sekolah rendah dan merangkumi pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan sukan secara bersama oleh pelajar pelbagai kaum. Kefahaman terhadap konsep serta perancangan aktiviti tidak diberi penekanan secara menyeluruh pada peringkat negeri, daerah dan sekolah.

4.28 KPM telah menggerakkan semula RIMUP dan memberikannya pendekatan yang lebih segar sebagai salah satu langkah untuk membolehkan pelajar di sekolah yang majoriti pelajarannya terdiri daripada satu kaum sahaja berinteraksi dan bergaul dengan pelajar pelbagai kaum dari sekolah lain. Konsep pelaksanaan RIMUP telah diperkukuhkan lagi dengan menggalakkan penyertaan masyarakat setempat, pentadbiran sekolah, guru dan pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga menengah dalam kegiatan khas secara bersama. Program RIMUP mempunyai tiga komponen utama iaitu akademik, kokurikulum dan sukan, serta e-integrasi dan akan dilaksanakan melalui kegiatan dalam enam bidang berikut:

- Aktiviti kecemerlangan akademik
- Aktiviti kesukanan dan permainan
- Aktiviti kokurikulum
- Aktiviti khidmat masyarakat
- Aktiviti meningkatkan patriotisme
- Aktiviti *virtual* melalui e-integrasi

Merakyatkan Seni, Warisan dan Budaya Bangsa

4.29 Seni, warisan dan budaya merupakan elemen penting bagi membentuk jati diri masyarakat Bangsa Malaysia yang mahu maju mengikut acuan sendiri. KPM berhasrat untuk memastikan pelajar menghayati, menghargai dan menyayangi seni, warisan dan budaya yang membentuk identiti unik Bangsa Malaysia. Ketika ini, KPM telah berusaha untuk merakyatkan seni, warisan dan budaya kepada semua rakyat melalui aktiviti kokurikulum. Seni, warisan dan budaya Bangsa Malaysia ialah seperti tarian, muzik, bangsawan, teater, kraf, tulisan Jawi, pantun, syair, gurindam, permainan tradisional dan sukan rakyat, seni mempertahankan diri, budi bahasa dan semangat bergotong royong.

4.30 Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah. Pada peringkat menengah rendah, mata pelajaran Muzik ditawarkan tetapi tidak dijadikan mata pelajaran peperiksaan dalam PMR. Manakala bagi menengah atas, ia merupakan mata pelajaran elektif dan diuji dalam peperiksaan SPM. Pada setiap peringkat, murid diajar bahasa muzik, kemahiran, kreativiti dan Apresiasi dengan 30 peratus bersifat pengetahuan akademik dan selebihnya 70 peratus lagi pengalaman amali.

4.31 Pada peringkat menengah rendah, terdapat sejumlah 132 sekolah yang menawarkan Pendidikan Muzik. Daripada 132 sekolah ini, 47 buah menawarkan Pendidikan Muzik pada peringkat menengah atas. Jumlah pelajar yang mengikuti Pendidikan Muzik pada setiap tahun adalah sekitar 13,500 orang. Dianggarkan sekitar 85 peratus sekolah rendah dan 90 peratus sekolah menengah menubuhkan kelab berkaitan kesenian. Walau bagaimanapun, dianggarkan 80 peratus sekolah rendah dan 90 peratus sekolah menengah yang menganjurkan aktiviti muzik berkumpulan seperti pasukan kompong, pasukan koir, gamelan, caklempong, pancaragam bras, orkestra bertali dan kombo tanpa menubuhkan sebarang kelab.

4.32 Aktiviti pengukuhan merakyatkan seni budaya seperti tarian, puisi dan lagu serta festival kebudayaan dijalankan seiringan dengan aktiviti yang dilaksanakan oleh KeKKWa. KeKKWa memantapkan lagi aktiviti tersebut dengan menyediakan kepakaran jurulatih seni kepada kelab anjurannya di sekolah seperti Kelab Tunas Budaya dan Kelab Kesenian Sekolah. Pada tahun 2005, dianggarkan 8,000 pelajar menyertai lebih daripada 200 Kelab Tunas Budaya di SK, SJKC dan SJKT yang menjalankan aktiviti tarian, lakonan teater, muzik dan silat. Kelab Kesenian Sekolah pula menjalankan

aktiviti seperti tarian, lakonan teater, muzik dan permainan gasing yang disertai 3,000 pelajar melalui lebih 200 kelab di sekolah rendah dan menengah.

4.33 Dalam RMKe-9, KPM akan menubuhkan Sekolah Seni bagi membolehkan pelajar yang mempunyai minat dan bakat dalam kesenian untuk mempelajarinya secara lebih mendalam. Melalui Sekolah Seni juga, diharapkan kesenian dan warisan bangsa akan dapat dipertahankan, dibangunkan dan diperkembangkan dengan lebih meluas.

4.34 KPM juga akan membudayakan semula tulisan Jawi melalui program j-QAF. Tulisan Jawi pernah digunakan sebagai tulisan rasmi dalam urusan pentadbiran, keagamaan dan budaya semenjak awal abad ke-15. Pada tahun 1980, penggunaan tulisan Jawi mula menurun di semua sektor. Bermula 1 Januari 2003, penerbitan Utusan Melayu yang merupakan satu-satunya akhbar dalam tulisan Jawi telah dihentikan. KPM juga telah bekerjasama dengan KeKKWa untuk menghidupkan kembali akhbar Utusan Melayu dengan membiayai sebagian daripada kos penerbitannya serta menyumbang pengisian dalam akhbar tersebut untuk menyemarakkan program penjiwaan dan pembudayaan Jawi.

FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN

4.35 Dalam tempoh PIPP, KPM akan membina Negara Bangsa melalui pendidikan dengan memberi tumpuan kepada fokus dan strategi pelaksanaan seperti berikut:

Memperkasakan Bahasa Kebangsaan

- Menggerakkan gelombang baru Gerakan Memperkasakan Bahasa Kebangsaan
- Memantapkan pelaksanaan Dasar Buku Negara
- Mengkoordinasi peranan semua pihak yang terlibat untuk menggiatkan aktiviti kebahasaan, kesusasteraan, pengkaryaan, penterjemahan dan penerbitan
- Mewujudkan Bulan Bahasa dan Sastera Negara

Memantapkan perpaduan negara dan integrasi nasional

- Meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman rakyat Malaysia supaya menghormati Perlembagaan Malaysia
- Meningkatkan semangat patriotik melalui aktiviti kokurikulum seperti Kelab Rukun Negara, penyebaran maklumat dan Kempen Cintakan Warisan Bangsa dan Negara.
- Menanamkan semangat hormat-menghormati dan peka terhadap sensitiviti masyarakat pelbagai kaum

- Memberi kefahaman yang menyeluruh tentang pentingnya semangat kejiranan ke arah perpaduan dan integrasi nasional
- Mempergiatkan aktiviti RIMUP

Memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa

- Membina kurikulum kesenian
- Membina Sekolah Seni
- Meningkatkan kerjasama dengan KeKKWa
- Membudayakan penggunaan tulisan Jawi

Memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari

- Mempelbagai aktiviti untuk membimbing pelaksanaan Islam Hadhari melalui seminar, ceramah, kursus dan penerbitan bacaan berkaitan Islam Hadhari

semua pihak. Semangat bersatu padu, cinta dan kesetiaan kepada negara, patriotisme, berorientasi glokal, keharmonian dan toleransi, berbudi bahasa dan beradab serta memahami, menyanjung budaya dan seni bangsa bukan saja perlu difahami tetapi diamalkan sepenuhnya. Pendidikan ialah pemangkin kepada pembinaan Negara Bangsa terutama bagi menyemai semangat kenegaraan khususnya pada peringkat awal perkembangan pelajar dan diteruskan pada peringkat pendidikan yang lebih tinggi. KPM akan terus berusaha untuk memperkukuh perpaduan melalui aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum dan etnik di Malaysia.

PENUTUP

4.36 Pembinaan Negara Bangsa amat penting bagi memastikan identiti nasional yang dihasratkan tercapai. Ia memerlukan usaha yang gigih dan kerjasama yang erat daripada

Jadual 4.1 Strategi Pelaksanaan bagi Membina Negara Bangsa

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|---------------------------------|--|--|--|---------------------------|------------------|
| Memperkasakan Bahasa Kebangsaan | <ul style="list-style-type: none"> • Menggerakkan gelombang baru gerakan memperkasakan Bahasa Kebangsaan | Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi | Bilangan aktiviti bersama dengan pelbagai agensi | Mengikut sasaran | 2006 |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan pelaksanaan Dasar Buku Negara (DBN) dengan membentuk Jawatankuasa Induk Penggerak Dasar Buku Negara dan Lima Jawatankuasa Kerja Penggerak DBN: | | | | |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa Kerja Pembentukan Dasar, Akta, Organisasi dan Amalan Keprofesionalan | Memastikan MBKM diberikan status, kuasa, struktur organisasi dan pembiayaan yang sesuai untuk menggerakkan DBN | <ul style="list-style-type: none"> • Akta Buku, DBN dan MBKM • Status baru dan pembiayaan MBKM | Digazet Dikuatkuasakan | 2008 2008 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|-------|--|---|---|---|--------------------------------------|
| | <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modal Insan Industri Penerbitan dan Perbukuan | Memantapkan, menyelaraskan dan memperbanyakkan latihan berkaitan kepengarangan dan penerbitan buku | <ul style="list-style-type: none"> Jumlah editor, pengarang, <i>illustrator</i>, penerbit Jumlah penerbitan buku judul umum | Peningkatan Peningkatan | 2007 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kerja Penggalakan Minat Membaca dan Pembangunan Perpustakaan Komuniti | Menjadikan Bulan Membaca sebagai salah satu program utama KPM | <ul style="list-style-type: none"> Geran penerbitan Bulan Membaca PCG untuk perpustakaan sekolah Jumlah Perpustakaan Komuniti Jumlah Perpustakaan bergerak | Diadakan Dilancarkan Peningkatan Peningkatan | 2007 2007 2007 2010 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kerja Pembangunan dan Penggalakan Industri Penterjemahan | <ul style="list-style-type: none"> Merancang aktiviti penterjemahan daripada bahasa asing kepada Bahasa Kebangsaan | <ul style="list-style-type: none"> Jumlah penerbitan dan judul buku umum yang diterjemahkan Geran penterjemahan | Peningkatan | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kerja Promosi, Penjenamaan, Pengiktirafan dan Pemasaran | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan aktiviti promosi penerbitan tempatan / karya terjemahan di dalam negara Meningkatkan aktiviti promosi penerbitan tempatan di luar negara Memastikan karya Malaysia dijenamakan secara berkesan | <ul style="list-style-type: none"> Tahap dan bilangan pesta buku di dalam negara Anugerah Buku Kebangsaan Insentif penghasilan karya Jumlah judul untuk dibawa ke Pesta Buku Frankfurt, Pesta Buku Kanak-kanak Bologna, Pesta Buku di negara-negara di mana rakyatnya masih belum tinggi penguasaan Bahasa Inggeris seperti China, Korea dan Jepun | Diadakan Diadakan Diadakan Peningkatan | 2007 2007 2007 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Mengkoordinasi peranan semua pihak yang terlibat untuk menggiatkan aktiviti kebahasaan, kesusasteraan, pengkaryaan, penterjemahan dan penerbitan | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan kursus dan latihan kebahasaan, kesusasteraan, pengkaryaan, penterjemahan dan penerbitan | Jumlah latihan/kursus | Peningkatan | 2006 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Bulan Bahasa dan Sastera Negara | <ul style="list-style-type: none"> Menaiktarafkan Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia sebagai pusat Bahasa Melayu serantau/ antarabangsa Menetapkan bulan yang sesuai | Jumlah Graduan Bahasa Melayu Bulan Bahasa dan Sastera Negara | Seperti yang disasarkan Terhasil | 2010 2007 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|--|-------------------|----------------------|------------------|
| Memantapkan perpaduan dan integrasi nasional | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman rakyat Malaysia supaya menghormati Perlembagaan Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan seminar/ forum perdana berkaitan Perlembagaan Malaysia Menekankan pembelajaran dan kokurikulum berkaitan Perlembagaan Malaysia Menganjurkan pertandingan/ peraduan menulis esei berkaitan Perlembagaan Negara | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan semangat patriotik melalui Kelab Rukun Negara, penyebaran maklumat, kempen cintakan warisan bangsa dan negara dan aktiviti kokurikulum | <ul style="list-style-type: none"> Menggiatkan aktiviti Kelab Rukun Negara Menyebarkan maklumat dan kefahaman tentang Rukun Negara Mengupas pengetahuan Rukun Negara melalui aktiviti ceramah, syarahan dan bahas Mengadakan kempen 'Cintai Warisan Bangsa dan Negara' Memperbanyakkan program berkonsepkan patriotisme melalui aktiviti kokurikulum | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Menanamkan semangat hormat-menghormati dan peka terhadap sensitiviti masyarakat pelbagai kaum | <ul style="list-style-type: none"> Memperbanyakkan pelaksanaan Kem Motivasi Mengadakan seminar, ceramah dan gotong-royong Menggalakkan ziarah serta sambutan perayaan Menganjurkan tayangan filem kebudayaan Mengadakan pesta makanan antara kaum Mengadakan pertandingan menulis esei adat resam suku kaum Mendokumentasikan kehidupan suku kaum Memperbanyakkan penerbitan bahan bacaan dan adat resam masyarakat Malaysia | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memberi kefahaman yang menyeluruh tentang pentingnya semangat kejiranan ke arah perpaduan dan integrasi nasional | <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan ceramah, seminar dan sesi dialog dengan masyarakat Mengadakan kursus tentang perkongsian kuasa dan kenegaraan Mengadakan kempen dan pelaksanaan aktiviti | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2006 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|--|---|-------------------------|------------------|
| | <ul style="list-style-type: none"> Mempergiatkan aktiviti RIMUP dengan mewujudkan Jawatankuasa RIMUP di semua peringkat merancang, melaksana dan memantau aktiviti RIMUP | <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) Mendapatkan kerjasama dan sumbangan Jabatan Perpaduan Negara bagi pelaksanaan RIMUP | Peratus penyertaan pelbagai jenis sekolah dalam RIMUP di daerah | 100% | 2010 |
| Memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa | <ul style="list-style-type: none"> Membina Kurikulum Kesenian | Membina Kurikulum Kesenian | Sukatan Pelajaran (SP) & Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) | SP rendah & HSP Tkt 1 | 2006 |
| | | | | SP menengah & HSP Tkt 2 | 2007 |
| | | | | HSP Tkt 3 | 2008 |
| | | | | HSP Tkt 4 | 2009 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Membina Sekolah Seni | Membina Sekolah Seni | Bilangan Sekolah Seni | 2 | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kerjasama dengan KeKKWa | Mewujudkan Kerjasama | Wujud kerjasama | Berterusan | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Membudayakan penggunaan tulisan Jawi | Mewujudkan pelbagai aktiviti menggalakkan penggunaan tulisan Jawi | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2007 |
| Memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari | Mempelbagai aktiviti untuk membimbing pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari dalam pembentukan pemikiran dan kehidupan | <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan seminar, ceramah dan kursus Memperbanyakkan penerbitan bahan bacaan berkaitan Islam Hadhari | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2007 |

5

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

- PENGENALAN
- DASAR DAN MATLAMAT
- STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKe-9
- FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN
- PENUTUP



BAB 5

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN



"Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan ... kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen ... Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat."

YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
(Perutusan Hari Pekerja, 1 Mei 2006)

PENGENALAN

- 5.01** Aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Modal insan inilah yang merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat meningkatkan bina upaya generasi muda Malaysia ke arah melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi dengan keperluan negara pada 2020.
- 5.02** Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju 2020. Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah.
- 5.03** Tugas KPM adalah untuk menyediakan generasi muda Malaysia dengan seluas-luas peluang bagi memperkembangkan potensi diri, melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan membentuk ciri-ciri keperibadian dan perspektif hidup yang membolehkan mereka berjaya dalam kehidupan dan mampu memajukan lagi negara di mata dunia, selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1986

DASAR DAN MATLAMAT

- 5.04** Dasar KPM adalah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Matlamat KPM adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri di kalangan pelajar.
- 5.05** Pembangunan modal insan bertujuan untuk memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan. Di samping itu pelajar-pelajar ini akan dilengkapi dengan kemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan ICT dengan baik, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional; mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat; mempunyai nilai yang tinggi serta berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat.
- 5.06** Bagi mencapai dasar dan matlamat tersebut, fokus pembangunan modal insan KPM sepanjang tempoh RMKe-9 adalah:
- Mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar;
 - Meningkatkan keupayaan dan minat pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran;
 - Membentuk keterampilan dan keperibadian pelajar melalui:
 - pemantapan kurikulum
 - pemantapan program kokurikulum
 - pemantapan program sukan
 - pembudayaan adab dan budi bahasa
 - pengukuhan program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan)
 - pengukuhan disiplin pelajar; dan
 - Memantapkan dan memperbaharui sistem pentaksiran dan penilaian pelajar.

STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKE-9

- 5.07** Salah satu hasrat KPM adalah untuk membangunkan modal insan yang memiliki penampilan unggul untuk mendukung cita-cita negara serta menyediakan kepimpinan yang utuh (*towering personality*). Seseorang dengan penampilan unggul mempunyai ciri-ciri berhemah mulia, berpendidikan serta berjaya dalam bidang yang diceburi. Di samping itu, seseorang yang memiliki penampilan unggul akan memiliki sifat-sifat seperti amanah, berbudi pekerti, rajin, berdisiplin, ikhlas dan tekun dalam semua usahanya. Cabaran KPM adalah untuk menyemai nilai-nilai yang akan menghasilkan perwatakan pelajar yang unggul. Menyedari bahawa perancangan untuk melahirkan generasi dengan sifat keunggulan adalah tanggungjawab yang berat, usaha ini harus dilakukan secara berterusan dengan penggembengan tenaga dan komitmen jitu daripada semua pihak.

Mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar

- 5.08** Sistem pendidikan di Malaysia mempunyai sejarah yang unik hasil pengaruh perkembangan agama Islam di rantau ini, dan juga zaman penjajahan Inggeris. Akibat pengaruh ini, sistem

pendidikan di Malaysia mempunyai jenis-jenis sekolah lain yang beroperasi seiring dengan sekolah kebangsaan. Di samping itu, bagi memenuhi permintaan masyarakat, kecenderungan pelajar serta keperluan pasaran, pelbagai mata pelajaran dan bidang pengkhususan telah diperkenalkan.

- 5.09** Hasil peninggalan sejarah, selain Sekolah Kebangsaan (SK), terdapat juga Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang terdiri daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).
- 5.10** Di kalangan SK dan SJK ini terdapat Sekolah Kerajaan iaitu sekolah yang dibina oleh Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu sekolah yang dibina oleh pihak lain dan ada antaranya dibina atas tanah milik pertubuhan tertentu atau persendirian. Pada masa ini terdapat sejumlah 310 buah SK yang merupakan Sekolah Bantuan Kerajaan. Hampir kesemua sekolah ini dibina oleh mubaligh. Terdapat 884 buah SJKC, 378 buah SJKT dan 183 buah SMK ialah Sekolah Bantuan Kerajaan.
- 5.11** Selain itu, terdapat Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat (SAR), iaitu SAR sepenuh masa dan SAR separuh masa yang mengendalikan kelas-kelas Fardu Ain (KAFA). Pada masa ini terdapat sejumlah 1,649 buah SAR separuh masa di seluruh negara. Pada tahun 2005, terdapat sebanyak 5,761 buah SK, 1,287 buah SJKC, 525 buah SJKT, 36 buah SRAN dan 42 buah SRAR.
- 5.12** Pada peringkat menengah, selain Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) harian, terdapat juga Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Sukan. Selain itu, terdapat 95 buah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) yang telah didaftarkan sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan. Bagi menambah pilihan dalam SBP, pada tahun 2002 konsep Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) yang menawarkan aliran Sains, Agama dan Teknikal telah diperkenalkan. Pada tahun 2005, terdapat sebanyak 1,823 buah SMK harian, 54 buah SBP (12 buah SPBI), 90 buah SMT, 55 buah SMKA dan 2 buah Sekolah Sukan.
- 5.13** SMT menyediakan pengetahuan dan kemahiran asas yang kukuh dalam bidang teknikal dan vokasional yang diperlukan oleh sektor industri dan perdagangan. SMT menyediakan kursus dalam bidang kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, pertanian, perdagangan, ekonomi rumah tangga dan teknologi.
- 5.14** Selain Sekolah Kerajaan dalam sistem pendidikan negara, terdapat juga sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan dan kurikulum luar negara. Terdapat 84 buah sekolah rendah swasta dan 90 buah sekolah menengah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan.
- 5.15** Kurikulum luar negara digunakan oleh sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat. Terdapat 32 buah sekolah antarabangsa yang menggunakan kurikulum luar negara seperti Britain, Australia dan Amerika. Sekolah ekspatriat pula menggunakan kurikulum negara asal seperti Jepun, Jerman dan India. Sekolah-sekolah ini menyediakan pendidikan untuk membolehkan pelajar menyambung pengajian pada peringkat lepasan menengah khususnya di luar negara.
- 5.16** Bagi memenuhi permintaan pelajar yang cenderung dalam bidang Vokasional, Mata Pelajaran Vokasional (MPV) telah diperkenalkan di SMK harian mulai 2004. Sebanyak 22 mata pelajaran telah ditawarkan meliputi bidang pembuatan, pembinaan, ekonomi rumah tangga, teknologi dan aplikasi komputer. Bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang mengkehendaki anak-anak mereka mendalami Pendidikan Islam, Kelas Aliran Agama (KAA) diperluaskan ke SMK harian. Sehingga tahun 2006, sejumlah 1,996 KAA telah ditawarkan di SMK harian di seluruh negara. Cabaran KPM adalah untuk memastikan sekolah-sekolah daripada pelbagai aliran ini dapat menyediakan pendidikan

berkualiti kepada setiap pelajar. Selain itu, KPM juga perlu memastikan setiap bidang pengkhususan dan mata pelajaran terus relevan dengan kehendak pasaran dalam negara dan juga peringkat antarabangsa.

Meningkatkan keupayaan dan minat bagi menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran

Penguasaan Bahasa Inggeris

5.17 Penguasaan Bahasa Inggeris penting dalam pembangunan sumber manusia negara. Pada masa ini, KPM telah menjalankan beberapa program untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar seperti:

- *The Teaching of Speaking* untuk memberikan kemahiran pertuturan pelajar;
- *English for Science and Technology*, iaitu mata pelajaran elektif bagi membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran memperoleh dan memproses maklumat;
- *Literature in English*, iaitu mata pelajaran elektif yang merangkumi kesemua *genre* iaitu novel, cerpen, puisi dan drama dalam karya sastera Bahasa Inggeris;
- Program Bacaan Awal Berstruktur Sekolah Rendah bagi menanam tabiat membaca di kalangan pelajar Tahun 1 dan 2 di 2,000 buah sekolah luar bandar terpilih;
- Program Bacaan Ekstensif Sekolah Rendah bagi memperluas kosa kata, tatabahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan pelajar Tahun 3 dan 4 di 2,880 buah sekolah luar bandar terpilih;
- Program Sastera Kontemporari Kanak-Kanak Sekolah Rendah bagi mempertingkatkan minat membaca, kemahiran berfikir, bertutur, membaca, menulis dan memperluas kosa kata di kalangan pelajar Tahun 4, 5 dan 6; dan
- Rancangan Kegiatan Sekolah selepas peperiksaan UPSR bagi menyediakan pelajar Pelajar Tahun 6 mempelajari Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris melalui aktiviti yang bercirikan Sains dan Matematik.

Cabaran KPM adalah untuk memastikan guru Bahasa Inggeris mencukupi dan terlatih serta berupaya menggunakan pendekatan p&p Bahasa Inggeris yang mampu meningkatkan minat dan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

5.18 KPM menyediakan bahan bantu mengajar menggunakan ICT bagi membantu guru mempelbagaikan p&p seperti melalui penggunaan:

- *Teaching Courseware* Bahasa Inggeris iaitu perisian yang dibangunkan dengan kerjasama pihak swasta; dan
- *On the Shelf Courseware* melibatkan 850 set perisian yang menggunakan bahan elektronik interaktif multimedia.

5.19 KPM mengadakan program-program peningkatan kemahiran guru Bahasa Inggeris seperti melalui program:

- *English Teacher Assistant* (ETA), iaitu program kerjasama di antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kedutaan Amerika Syarikat untuk guru-guru di negeri Terengganu;
- Felo Bahasa Inggeris, iaitu program kerjasama KPM dan Kedutaan Amerika Syarikat dengan menempatkan Felo Bahasa Inggeris di Institut Perguruan Sultan Abdul Halim (IPSAH) bagi membantu pembangunan dan perancangan program Bahasa Inggeris yang dilaksanakan di maktab-maktab perguruan;
- penempatan penutur jati dari United Kingdom bagi program *District English Language Coordinator* (DELCO), *Project English Teachers* (PETs) dan *State English Language Coordinator* (SELC) secara kerjasama dengan Centre for British Teachers (M) Sdn Bhd (CfBT); dan
- kerjasama dengan IPT luar negara bagi melatih guru-guru baru Bahasa Inggeris melalui program berkembar Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL). Fasa pertama telah bermula pada tahun 1992 dan dimantapkan lagi pada tahun 2002. Bilangan

pelajar akan ditambah ke College of St Mark and St John (United Kingdom), Queensland University of Technology (Australia), Macquarie University (Australia), Auckland University (New Zealand) dan Victoria University of Wellington (New Zealand).

5.20 Dalam RMKe-9, KPM akan memantapkan lagi program-program sedia ada di samping memperuntukkan RM80 juta untuk pembinaan English Language Training Centre (ELTC) di Nilai dan RM10 juta untuk peluasan Pusat Pengajian dan Latihan Bahasa Inggeris (TELTraC) di Terengganu.

Pendidikan Sains dan Teknologi

5.21 Pendidikan Sains merupakan usaha berterusan untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif serta berilmu dan membentuk warganegara kritis, kreatif dan berketerampilan yang mengamalkan sains dan teknologi. Ia memberi tumpuan kepada kemahiran seperti kemahiran proses sains, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran manipulatif dan kemahiran saintifik. Strategi p&p Sains adalah berfokus kepada sains sebagai proses inkuiri dan berasaskan konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri dan pendekatan sains, teknologi dan masyarakat.

5.22 Kaedah p&p akan dipelbagaikan dan lebih berpusatkan pelajar, misalnya dengan menjalankan lebih banyak eksperimen, perbincangan, simulasi, lawatan, penyelesaian masalah, penggunaan sumber luar bilik darjah dan penggunaan teknologi dalam ICT. Dalam RMKe-9, KPM juga akan memperkenalkan beberapa pendekatan p&p baru supaya dapat menarik minat para pelajar seperti melalui pelaksanaan program *F1 Technology Challenge* dan Robotik.

Pembestarian Sekolah

5.23 Dasar utama KPM berkaitan ICT adalah:

- memastikan semua pelajar celik ICT;
- mengutamakan peranan dan fungsi ICT dalam pendidikan, sebagai mata pelajaran atau pengupaya dalam p&p; dan
- menggalakkan penggunaan ICT bagi meningkatkan produktiviti, kecemerlangan dan keberkesanan sistem pengurusan.

5.24 Pembestarian sekolah merupakan proses berterusan ke arah pembudayaan penggunaan ICT dalam pendidikan bagi meningkatkan lagi kualiti p&p, keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kompetensi guru. Pada masa ini terdapat 5 inisiatif ICT utama KPM, iaitu projek pengkomputeran dan makmal komputer, projek rintis Sekolah Bestari, penyediaan infrastruktur dan rangkaian jalur lebar SchoolNet, PPSMI dan TV Pendidikan. Sekolah-sekolah juga turut melaksanakan program ICT di atas inisiatif sendiri.

5.25 Pelaksanaan pembestarian sekolah mengambil kira semua inisiatif ICT sedia ada di sekolah seperti projek rintis Sekolah Bestari, projek pengkomputeran dan makmal komputer, PPSMI, SchoolNet dan TV Pendidikan yang melibatkan aspek-aspek infrastruktur ICT dan aplikasi pengurusan, pengisian dan latihan. Cabaran KPM adalah untuk membestarian semua sekolah di bawah KPM menjelang tahun 2010. KPM akan menyelaraskan semua inisiatif ICT bagi meningkatkan produktiviti, kecemerlangan dan keberkesanan sistem pengurusan supaya boleh dilaksanakan secara cekap dan efektif, tanpa pertindihan dan pembaziran.

5.26 Dalam proses pembestarian sekolah, KPM telah:

- membekal sejumlah 5,809 unit komputer, 261 unit pelayan, 1,494 judul perisian kursus, 243 judul perisian khusus berasaskan web, dan 33 aplikasi sistem pengurusan melalui projek rintis Sekolah Bestari;

- mengadakan kursus dan latihan ICT kepada 200,000 orang guru;
- membina makmal komputer di 4,500 buah sekolah yang dilengkapi dengan 99,000 unit komputer dan 4,500 unit pelayan menerusi program pengkomputeran dan makmal komputer sekolah;
- membekal 97,000 unit komputer riba, 70,000 unit projektor LCD, 67,439 unit skrin dan 2,000 judul perisian kursus menerusi PPSMI;
- membekal 11,709 unit TV dan menyiarkan 3,531 rancangan melibatkan 10 mata pelajaran melalui TV Pendidikan; dan
- merangkaikan 8,120 buah sekolah dengan akses jalur lebar SchoolNet.

5.27 Dalam RMKe-9, untuk memastikan program Pembestarian Sekolah berjalan dengan lancar, cekap dan efektif, KPM akan:

- menjadikan 88 buah sekolah di bawah projek rintis Sekolah Bestari sebagai penanda aras kepada program Pembestarian Sekolah;
- menyelaraskan semua inisiatif ICT di bawah Jawatankuasa Maklumat Perkomputeran Kementerian (JMPK);
- menilai semula setiap perisian kursus yang telah dihasilkan dan melantik juru audit untuk mengkaji dan menilai kesemua inisiatif ICT daripada aspek p&p, pentadbiran dan pengurusan serta mencadangkan pelan strategik ICT yang baru;
- membekalkan infrastruktur, perkakasan dan aplikasi pengurusan yang mencukupi;
- meningkatkan jumlah pengisian bagi membantu p&p;
- memantapkan program latihan dan bimbingan ICT kepada pentadbir sekolah, guru dan pelajar; dan
- menggalakkan perkongsian pintar dengan pihak luar KPM.

Membentuk keterampilan dan keperibadian

Pemantapan kurikulum

5.28 KPM berusaha memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar secara merentasi mata pelajaran dan melalui mata pelajaran khusus seperti Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Pada tahun 2005, mata pelajaran Pendidikan Islam dimantapkan lagi melalui pengenalan program j-QAF secara berperingkat di sekolah rendah. Mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan juga telah diperkenalkan pada tahun 2005 kepada pelajar Tahun 4 dan Tingkatan 1 bagi meningkatkan kesedaran pelajar terhadap peranan, hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. Cabaran KPM adalah untuk memastikan kurikulum yang dibangunkan dapat membentuk sahsiah pelajar agar menjadi warga

yang berdisiplin, bermoral, berpegang kepada nilai-nilai murni, bersifat patriotik dan bertanggungjawab.

5.29 Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (Seksualiti) dirangka agar murid memperoleh pengetahuan tentang perubahan fizikal, emosi dan sosial, memupuk sikap dan nilai positif terhadap perkembangan seksualiti, serta membina kemahiran diri untuk memelihara perhubungan peribadi, kehidupan keluarga dan keahlian dalam masyarakat. KPM bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersetuju perkara ini tidak dijadikan satu mata pelajaran khusus, sebaliknya akan dipelajari melalui mata pelajaran seperti bahasa, Pendidikan Kesihatan, Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

5.30 KPM telah menghasilkan Garis Panduan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (GPPKRSK) untuk kegunaan semua lapisan masyarakat. GPPKRSK mensasarkan kepada lima kategori umur mengikut tahap perkembangan individu iaitu:

- Tahap 1 (4 hingga 6 tahun): Prasekolah
- Tahap 2 (7 hingga 9 tahun): Kanak-kanak
- Tahap 3 (10 hingga 12 tahun): Awal Remaja
- Tahap 4 (13 hingga 18 tahun): Remaja

- Tahap 5 (19 tahun ke atas):
Dewasa (pelajar IPT, ibu bapa dan warga emas)

5.31 Matlamat GPPKRSK ialah untuk:

- membantu ke arah pertumbuhan dan pembinaan individu yang sihat sejahtera di kalangan masyarakat terutamanya golongan muda;
- memupuk sikap dan nilai tentang kesihatan reproduktif dan sosial manusia sebagai sebahagian daripada kewujudan manusia yang normal dan positif;
- menyediakan maklumat tepat kepada persoalan dan kemusykilan yang ditimbulkan oleh ahli masyarakat yang disasarkan;
- meningkatkan kemahiran untuk membolehkan masyarakat, terutamanya golongan muda mengamalkan gaya hidup sihat, selamat dan bertanggungjawab; dan
- menggalakkan penglibatan ibu bapa, guru dan masyarakat dalam Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial.

Pemantapan Program Kokurikulum

5.32 Aktiviti kokurikulum dan sukan adalah pemangkin kepada perpaduan dan pelengkap kepada p&p di bilik darjah. Dasar mengenai pelaksanaan program kokurikulum dan sukan di sekolah bermula melalui pengubalan

peraturan-peraturan pendidikan sekolah 1956. Dalam peraturan ini program kokurikulum dan sukan disebut sebagai kegiatan kumpulan meliputi aktiviti-aktiviti seperti kelab mata pelajaran/gabungan, kegiatan kesusasteraan, olahraga dan permainan serta latihan pemuda. Cabaran KPM adalah untuk memantapkan program kokurikulum dan sukan, memastikan pelaksanaannya dibuat secara cekap bagi mendapat penyertaan menyeluruh agar dapat melahirkan pelajar yang seimbang perkembangan jasmani, emosi, rohani dan inteleknya.

5.33 Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 memperakukan kepentingan kegiatan kokurikulum dan sukan pada semua peringkat persekolahan. Semua pelajar diwajibkan mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu kelab atau persatuan mata pelajaran/gabungan, pasukan beruniform dan aktiviti permainan/sukan. Memorandum Langkah Untuk Memantapkan Program Kurikulum pada tahun 2005 memutuskan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum menyumbang sebanyak 10 peratus kepada syarat kelayakan masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), SBP dan SMT. Memorandum ini juga turut mencadangkan penerusan wajaran 10 peratus merit kurikulum bagi pemilihan guru pelatih untuk KPLI, PPC, PISMP serta untuk memasuki Kolej Matrikulasi.

5.34 Penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan sukan membantu menyediakan pendidikan yang holistik daripada segi:

- meningkatkan perkembangan kemahiran sosial pelajar dan seterusnya mengukuhkan interaksi dan integrasi di kalangan mereka;
- melengkapkan pelajar dengan sifat-sifat kecemerlangan diri seperti kepimpinan, daya saing, jati diri, kreatif, kritis, berkeyakinan tinggi dan daya tahan;
- meningkatkan tahap disiplin pelajar melalui penyemaian dan pemupukan nilai-nilai murni dan sikap positif selaras dengan hasrat Rukun Negara;
- mengukuh dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, minat dan bakat pelajar dalam pelbagai bidang;
- mencungkil bakat dan potensi pelajar;
- meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental pelajar; dan
- menyediakan dan mendedahkan pelajar untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) secara lebih aktif dan berkesan.

5.35 Walaupun program kokurikulum dan sukan diwajibkan, masih terdapat sekolah dan pelajar yang tidak memberi keutamaan dan perhatian serius kepada program tersebut. Ini bermakna nilai-nilai murni, kepimpinan, disiplin dan perpaduan tidak dapat diterapkan secara berkesan. Di samping itu, sikap ibu bapa dan masyarakat yang lebih

mementingkan pencapaian akademik mengakibatkan aktiviti kokurikulum dan sukan di sekolah tidak berjalan lancar. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk memperkukuh tujuh aspek dalam kokurikulum iaitu:

- pemantapan dasar bagi meningkatkan penyertaan murid, guru pelatih, guru, pensyarah maktab dan pensyarah kolej matrikulasi;
- pemantapan kurikulum guru dan kejurulatihan;
- pengukuhan struktur organisasi yang terlibat dengan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di jabatan, bahagian dan sekolah;
- penyediaan norma khas peruntukan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti kokurikulum;
- penyediaan infrastruktur yang sesuai dan mencukupi bagi semua sekolah, maktab perguruan dan kolej matrikulasi;
- pemantapan hala tuju serta pengukuhan aspek ganjaran dan hukuman menerusi peruntukan undang-undang, peraturan dan insentif; dan
- pemantapan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain dan pihak-pihak di luar kementerian.

Pemantapan Program Sukan

5.36 Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan secara prinsipnya telah bersetuju dan meluluskan pelan pembangunan Sukan Sekolah. Pelan pembangunan ini memerihalkan strategi dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan oleh KPM dalam tempoh RMKe-9. Sebagai langkah awal, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan pada tahun 2005 bagi menaik taraf 15 Pusat Sukan Negeri dan beberapa SBP serta Sekolah Premier yang terpilih. Strategi yang telah dirangka meliputi aspek infrastruktur, pembangunan tenaga pengajar dan pencapaian prestasi. Ketiga-tiga aspek ini menjurus kepada dua fokus iaitu sukan untuk semua (*sports for all*) dan sukan untuk prestasi tinggi (*sports for excellence*). Strategi tersebut adalah untuk:

- memantapkan p&p mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan;
- melaksanakan program pem-bangunan sukan yang menyeluruh di peringkat akar umbi dengan Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara;
- menyediakan kemudahan dan peralatan bersukan yang mencukupi tanpa mengira lokasi sekolah;
- menambahkan bilangan guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah; dan
- mempertingkatkan tahap pro-fesionalisme guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Jurulatih Sukan.

KOKURIKULUM DAN SUKAN

Terdapat 126 jenis Pasukan Pakaian Seragam, persatuan dan kelab yang boleh dipilih oleh pelajar di sekolah:

- Pasukan Pakaian Seragam – 23 jenis
 - Persatuan dan kelab – 51 jenis
 - Persatuan sukan dan permainan – 24 jenis
- a. Pasukan Pakaian Seragam:
 - i. Pasukan anjuran Kementerian/Agensi Kerajaan – 6 jenis
 - ii. Pasukan Agensi Bukan Kerajaan – 7 jenis
 - iii. Pasukan seni bela diri – 7 jenis
 - iv. Pasukan berasaskan sekolah – 3 jenis
 - b. Persatuan dan kelab
 - i. Perkhidmatan – 6 jenis
 - ii. Kurikulum/akademik – 23 jenis
 - iii. Hobi dan rekreasi – 13 jenis
 - iv. Agensi luar – 9 jenis
 - c. Sukan dan permainan meliputi 24 jenis permainan
 - i. Pasukan sekolah

5.37 KPM akan memperkasakan Sekolah Sukan sedia ada melalui program kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS). Jawatankuasa tersebut mempersetujui antaranya:

- KPM mengguna pakai sebahagian

daripada prinsip pentadbiran Maktab Tentera DiRaja dalam mentadbir Sekolah Sukan;

- Menubuhkan Jawatankuasa Bersama Pengurusan Sekolah Sukan Malaysia yang dianggotai oleh KPM, KBS, MSN dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM);
- Skop Jawatankuasa Bersama diperluaskan kepada mengkaji bidang kurikulum (akademik), latihan tenaga pengajar dan kemudahan fizikal sekolah;
- Pengurusan Sekolah Sukan dilaksanakan secara usaha sama antara KPM dengan MSN. KPM dipertanggungjawabkan dalam bidang akademik manakala KBS (MSN) pula akan bertanggungjawab mengenai pembangunan latihan;
- Dua Sekolah Sukan sedia ada dan tiga yang akan dibina dalam RMKe-9 akan dijadikan sebagai Pusat Pembangunan Sukan Elit, manakala Pusat Sukan Negeri dan SBP akan menjadi *feeder* kepadanya;
- Sistem pembelajaran akademik dan pentaksiran di Sekolah Sukan perlu lebih fleksibel (anjai) bagi memudahkan pelajar mengikuti program latihan dalam bidang sukan;
- Kadar makan bagi pelajar di Sekolah Sukan dikaji semula agar sejajar dengan keperluan atlet sukan;
- Visi dan objektif Sekolah Sukan perlu diubah sejajar dengan hasrat

negara untuk melahirkan atlet negara yang menunjukkan prestasi tinggi; dan

- Sekolah Sukan yang akan dibina dalam RMKe-9 mempunyai fokus dalam sukan tertentu sahaja.

Pembudayaan adab dan budi bahasa

5.38 Kehebatan sesuatu bangsa tidak sahaja diukur dengan kemajuannya tetapi juga keupayaannya mengamalkan budi bahasa dan budi pekerti yang mulia. Dalam konteks pendidikan, budi bahasa dan adab sopan telah dimaktubkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menerusi pelaksanaan KBSR dan KBSM, penggabungjalinan ilmu dan penerapan nilai merentasi kurikulum. Cabaran KPM adalah untuk memastikan budi bahasa dan nilai-nilai murni dibudayakan pada peringkat sekolah secara berterusan agar para pelajar dapat menghargai dan mengamalkan nilai dan budaya bangsa dalam kehidupan seharian.

5.39 KPM sentiasa menyokong dan melaksanakan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni yang dianjurkan oleh KeKKWa. Melalui Kempen ini, KPM berharap dapat:

- menggalakkan pelajar memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- menyedarkan keperluan amalan budi bahasa di kalangan generasi muda;
- menggalakkan generasi muda sentiasa dididik dengan perilaku berbudi bahasa;
- mempersiapkan generasi akan datang untuk meneruskan budaya budi bahasa; dan
- meneguhkan pendidikan nilai-nilai murni merentasi kurikulum.

Pengukuhan program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan)

Kebersihan

5.40 Amalan kebersihan perlu disemai dan dipupuk sejak awal dari rumah dan diperkukuh serta diperkembangkan di sekolah agar dapat menjadi amalan sepanjang hayat. Program Amalan Kebersihan Sekolah mempunyai lima objektif utama, iaitu:

- membina perlakuan amalan kebersihan sebagai budaya hidup yang berterusan dalam menjalani kehidupan seharian;
- meningkatkan keprihatinan dan komitmen warga sekolah terhadap kebersihan, keindahan dan keceriaan, serta menghargai kemudahan yang disediakan;
- memupuk semangat kepunyaan serta kesediaan bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat amalan kebersihan sekolah;

- melaksanakan aktiviti amalan kebersihan sekolah; dan
- mewujudkan iklim, serta identiti sekolah sebagai institusi yang sihat, bersih, indah dan ceria.

5.41 Piawaian amalan kebersihan sekolah menetapkan bahawa sekolah bukan sahaja perlu bersih malah mesti berfungsi dan selamat. Sekolah yang bersih ialah sekolah yang ceria, indah dan wangi, tanpa contengan, sampah, sawang serta tidak berbau, berhabuk dan berlumut. Pada waktu yang sama, kemudahan sekolah perlu dijaga dan diselenggarakan dengan baik agar ia terus berfungsi. Sekolah juga perlu selamat dan tidak menjadi tempat pembiakan serangga atau haiwan perosak.

5.42 Bagi memastikan sekolah membudayakan amalan kebersihan, KPM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti pertandingan keceriaan dan juga gotong-royong. KPM turut mengeluarkan Buku Panduan Aktiviti Amalan Kebersihan Sekolah yang memperincikan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi memastikan kebersihan di bilik darjah, tandas, kantin, bilik-bilik khas seperti pusat sumber, makmal, bilik sakit, stor, parit, taman dan padang sekolah.

5.43 Sepanjang tempoh RMKe-9, KPM akan memantapkan lagi Program Amalan Kebersihan Sekolah melalui penyelarasan yang dilakukan di bawah Jawatankuasa Kabinet Kebersihan dan Kesihatan Nasional. Cabaran KPM adalah untuk memastikan amalan kebersihan, disiplin diri, cara hidup sihat dan kesedaran terhadap aspek keselamatan disemai dan dipupuk sejak peringkat awal persekolahan lagi.

Kesihatan

5.44 Rancangan Kesihatan Sekolah (RKS) telah dimulakan di sekolah sejak tahun 1967 lagi. Walau bagaimanapun, pada tahun 1996, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), KPM telah memberi nafas baru kepada RKS dengan mewujudkan Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS).

5.45 PBSS diwujudkan bagi menyatupadukan dan menyelaraskan semua aktiviti berkaitan kesihatan sekolah yang mampu meningkatkan kesihatan warga sekolah. Matlamat PBSS adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai amalan kesihatan diri, menggalakkan amalan cara hidup sihat dan memastikan persekitaran sekolah yang bersih, ceria, selamat dan sihat.

5.46 Perkhidmatan kesihatan di bawah PBSS termasuklah menilai status kesihatan murid, memberi khidmat rawatan dan rujukan, memberi bimbingan dan kaunseling, memberi penjagaan rawatan / kecemasan, mencegah dan mengawal kejadian penyakit serta mendiagnosis dan membantu penempatan kanak-kanak berkeperluan khas. Antara program berkaitan kesihatan yang dilaksanakan di sekolah adalah Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, Perkhidmatan Pergigian, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah (PSS), Pendidikan Pencegahan Denggi, menjadikan sekolah kawasan larangan merokok, menyediakan pertolongan cemas dan bilik khas kesihatan (*sick-bay*), mewujudkan Program Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja (PROSTAR), mengadakan program bebas dadah dan kempen cara hidup sihat.

5.47 Selain PBSS, KPM melaksanakan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJPK) di sekolah rendah dan menengah. Kesedaran terhadap kesihatan turut disokong oleh aktiviti kokurikulum yang ditawarkan oleh pihak sekolah seperti Kelab Kesihatan Sekolah, Kelab Doktor Muda, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) dan Saint John Ambulance.

5.48 Sebagai garis panduan kepada pihak sekolah bagi melaksanakan program

berkaitan kesihatan, KPM telah mengeluarkan beberapa pekeliling ikhtisas, surat siaran dan buku-buku panduan seperti Garis Panduan Amalan Kebersihan Sekolah 1997, Panduan Melaksanakan PBSS, Buku Panduan PROSTAR dan Modul Latihan PROSTAR, Garis Panduan Rancangan Makanan Tambahan, Garis Panduan Program Susu Sekolah dan Panduan Pengurusan Pendidikan Pencegahan Denggi di Sekolah 2005.

Keselamatan

5.49 Matlamat Program Sekolah Selamat adalah untuk mewujudkan budaya selamat di sekolah dan menjadikan persekitaran sekolah selamat tanpa gangguan mana-mana pihak sama ada dari dalam mahupun dari luar melalui kerjasama keluarga, komuniti dan pihaksekolah. Sebagai panduan kepada pihak sekolah, KPM telah mengadakan manual Sekolah Selamat bagi lima bidang tumpuan, iaitu aktiviti pelajar, bencana alam, fizikal dan bangunan sekolah, sosial serta persekitaran dan lokasi sekolah.

5.50 Bagi memupuk sikap yang betul dan kesedaranpelajarterhadapkeselamatan jalan raya, KPM telah mengadakan:

- Pasukan Kadet Trafik Sekolah yang telah ditubuhkan pada tahun 2001 dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR).

Ketika ini terdapat 211 buah sekolah menengah yang menawarkan program ini dengan penglibatan seramai 17,732 orang pelajar;

- Kelab Keselamatan Jalan Raya yang terdapat di 626 buah sekolah menengah dengan 45,613 orang ahli dan 633 buah sekolah rendah dengan 51,880 orang ahli;
- Karnival Keselamatan Jalan Raya yang telah bermula sejak tahun 1957 sebagai *Shell Traffic Games* dengan aktiviti bercorak pertandingan yang menarik minat pelajar;
- 20,000 pek Kit Pembelajaran CD Interaktif *Walk Safely* dengan kerjasama MKJR dan telah mengedarkannya ke sekolah-sekolah rendah di seluruh negara; dan
- program rintis Pendidikan Keselamatan Jalan Raya pada tahun 2005 dan akan dilaksanakan di sekolah rendah secara berperingkat untuk pelajar Tahap I mulai tahun 2007 dengan menerapkannya ke dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

5.51 Selain itu dengan bantuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, warden trafik sekolah akan dilantik untuk membantu memastikan keselamatan pelajar di sekolah. Sejumlah 590 jejantas akan dibina bagi sekolah-sekolah yang memerlukannya di seluruh negara dengan bantuan Kementerian Kerja Raya. Jejantas-jejantas ini akan direka bentuk agar membolehkannya dinaiki oleh basikal dan motosikal, mempunyai ruang untuk menurunkan pelajar dan dibina berhampiran dengan pintu pagar sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang lain, KPM akan menyediakan sistem lampu isyarat dan lintasan pejalan kaki (*zebra crossing*).

5.52 KPM juga menjadi ahli kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat, Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri yang sentiasa meneliti bencana yang berlaku seperti jerebu, tanah runtuh dan banjir. Jawatankuasa ini akan memastikan semua mangsa bencana mendapat bantuan sewajarnya. KPM telah mencadangkan bagi meringankan beban mangsa banjir yang mempunyai anak bersekolah dengan pemberian bantuan sebanyak RM100 kepada setiap pelajar sama ada pelajar sekolah rendah atau menengah dengan menggunakan peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat. KPM menganggarkan lebih 42,000 pelajar akan mendapat manfaat daripada bantuan ini. Selain itu, Malaysia dan negara serantau juga telah bersetuju melalui *Asean Disaster Preparedness Center* untuk melaksanakan dasar *mainstreaming disaster risk reduction into development policies, planning and implementation* ke dalam beberapa sektor termasuk pendidikan. Dasar ini mencadangkan supaya elemen *Disaster Risk Management* diperkenalkan dalam kurikulum dan memastikan pembinaan sekolah mengambil kira aspek keselamatan serta menyediakan tempat perlindungan sekiranya berlaku malapetaka.

Pengukuhan disiplin pelajar

5.53 Pada tahun 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan Memorandum KPM bagi menangani masalah salah laku murid dan meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM6.1 juta setahun. KPM telah mengambil langkah proaktif bagi menangani gejala disiplin murid dengan:

- menubuhkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid dan Sekretariat Tetap Menangani Gejala Salah Laku Murid bagi menyelaraskan segala tindakan yang hendak dilaksanakan;
- memperkukuh usaha menangani gejala disiplin melalui empat Jawatankuasa Bertindak iaitu:
 - Jawatankuasa Bertindak Menangani Isu di Sekolah;
 - Jawatankuasa Bertindak dalam Aspek Perundangan dan Penguatkuasaan;
 - Jawatankuasa Bertindak Melalui Pendekatan Psikologi dan Kesihatan; dan
 - Jawatankuasa Bertindak Bagi Pendekatan Kemasyarakatan.
- mewujudkan Majlis Pemuafakatan Tindakan KPM dan PDRM pada peringkat Kementerian, negeri dan daerah untuk memerangi ancaman kumpulan samseng, gengster dan kongsi gelap;
- membangunkan Sistem Aduan Disiplin (SAD) bagi menggantikan pengurusan secara manual melalui talian (*online*), talian terus (*hotline*), e-mel, faksimili dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS); dan
- menugaskan *flying squads* turun ke sekolah-sekolah yang mempunyai masalah salah laku murid.

5.54 Menerusi Jawatankuasa Bertindak yang telah diwujudkan, KPM akan melaksanakan pendekatan secara holistik bagi menangani gejala disiplin pelajar. KPM akan memperhebatkan Kempen Anti Buli, Kempen Anti Ponteng, kempen untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam PIBG dan Kempen Pencegahan Salah Laku. KPM juga akanewartakan Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) yang baru dan mencadangkan pindaan terhadap undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) berhubung pengeluaran lesen dan penganan syarat-syarat ke atas kafe siber, Akta Polis 1967 (Akta 344) dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

5.55 Dalam RMKe-9, KPM akan meneruskan dasar untuk melibatkan pelbagai pihak yang berkepakaran bagi memastikan kempen dan program mengurangkan salah laku disiplin dapat dilaksanakan secara berkesan.

MENANGANI GEJALA DISIPLIN DI SEKOLAH

Hasil kerjasama semua pihak, kes disiplin murid di sekolah telah menurun. Penurunan adalah sebanyak 0.04 peratus iaitu daripada 2.11 peratus pada tahun 2003 kepada 2.07 peratus bagi tahun 2004.

Penurunan adalah sebanyak 0.33 peratus iaitu daripada 2.07 peratus bagi tahun 2004 kepada 1.74 peratus bagi tahun 2005.

Program Antidadah

5.56 KPM mengadakan kerjasama berterusan dengan agensi bertanggungjawab untuk membanteras dadah seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM). Program antidadah bertujuan untuk mem-beri pengetahuan, kefahaman, penghayatan dan kemahiran pendidikan pencegahan dadah kepada pelajar, guru dan ibu bapa. KPM turut mengadakan kerjasama dengan AADK untuk mengesan pelajar yang terlibat dengan dadah melalui ujian air kencing di beberapa sekolah terpilih.

5.57 Sepanjang tempoh RMKe-9, KPM akan memberi nafas dan penjenamaan baru terhadap pelaksanaan PBSS serta

memantapkan lagi kerjasama dengan KKM bagi tujuan pelaksanaannya. KPM juga akan bekerjasama rapat dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi melaksanakan program-program seperti yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD).

5.58 Menteri Pelajaran merupakan Pengerusi kepada Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Pencegahan dan Publisiti (JPPP) bagi Program Antidadah di bawah JKMD. Fungsi JPPP adalah untuk bertindak menyelesaikan isu atau masalah pelaksanaan dasar dan program yang dihadapi dalam bidang atau aspek pendidikan, pencegahan dan publisiti.

5.59 Di bawah penyeliaan JPPP, KPM telah melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah (PPDa) dan mengenal pasti isu atau masalah yang perlu ditangani iaitu kekurangan guru terlatih dalam PPDa, ketiadaan buku teks, kekurangan penyertaan daripada ibu bapa, kekurangan penyertaan kaum bukan Melayu, pemantauan selepas tamat sekolah dan kekurangan peruntukan kewangan. KPM merangka lima strategi bagi mencapai matlamat Sekolah Bebas Dadah tahun 2012 iaitu:

- Program Peningkatan Kesedaran seperti Mesej Jauhi Dadah dan PPDa dalam KBSM;
- Program Pendidikan Pencegahan

Awalan kepada murid berisiko melalui Program Gerak Bersepadu (PROGRESS), Minggu Antidadah, Program Intelok Asuhan Rohani dan ujian air kencing;

- Program Intervensi dan Pemulihan Sahsiah kepada murid yang terlibat dengan dadah di sekolah menengah melalui Program Intervensi Pelajar (PIP) dan Kaunseling PPDa;
- Program Perkembangan Kemanusiaan seperti Skim Lencana Anti Dadah (SLAD), Seminar PPDa, Kursus PPDa dan Program Keibubapaan; dan
- Penerbitan dan publisiti seperti Karnival Seni PPDa.

Bagi mengatasi masalah kurang penyertaan ibu bapa dalam pelaksanaan PPDa, satu akta dicadangkan supaya bon atau denda dikenakan kepada ibu bapa yang tidak memberi kerjasama dalam menangani masalah anak-anak.

Memantapkan dan memperbaharui dalam sistem pentaksiran dan penilaian

5.60 Sistem pentaksiran dan penilaian merupakan salah satu aspek yang perlu diberi penekanan dalam menentukan kualiti pendidikan dan pencapaian pelajar. Sistem pentaksiran dan penilaian yang baik mampu mencungkil potensi dan bakat pelajar. Pentaksiran dan penilaian adalah salah satu komponen utama proses pembelajaran dan merangsang pembelajaran bagi memotivasikan pelajar untuk memperbaiki mutu prestasi dan pencapaian akademik. Pada masa ini penekanan banyak diberi kepada pentaksiran sumatif yang hanya mampu memberi maklumat tentang pencapaian pelajar dalam pembelajaran tetapi tidak berupaya mengenal pasti kelemahan dan masalah pelajar dalam pembelajaran.

5.61 Cabaran KPM adalah untuk memantapkan sistem pentaksiran berasaskan sekolah. Kaedah ini akan memastikan pencapaian pelajar diukur bersandarkan ujian rujukan kriteria yang memberi penekanan kepada *task-based assessment*. Dengan pentaksiran berasaskan sekolah, semua bentuk pentaksiran yang lebih bersifat holistik boleh dilaksanakan. Sistem pentaksiran dan penilaian akan dikaji semula untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasi peperiksaan. Antara lain, KPM akan mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata pelajaran tertentu pada peringkat sekolah. KPM juga akan mengkaji semula sistem penggal dan menggantikannya dengan sistem semester.

FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN

5.62 Dalam tempoh PIPP ini, KPM akan membangunkan modal insan dengan memberi fokus dan strategi pelaksanaan berikut:

Mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar

- Meneruskan kewujudan pelbagai jenis sekolah, aliran, mata pelajaran dan bidang pengkhususan
- Meningkatkan peruntukan belanja mengurus kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan
- Meneruskan pendaftaran SAR dan SAN di seluruh negara
- Memperluas dan memantapkan lagi pelaksanaan MPV di sekolah-sekolah

Meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan

- Mengkaji pelaksanaan KBSR dan KBSM supaya lebih menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (*higher order thinking skills*)
- Memupuk budaya cintakan ilmu pengetahuan.
- Melaksanakan Program Pembestarian Sekolah
 - Menyediakan infrastruktur dan perkakasan yang mencukupi
 - Menyediakan perisian yang lengkap dan pelbagai
 - Mengadakan latihan dan bimbingan
 - Mewujudkan sistem penyelenggaraan yang berterusan

Memupuk pelajar memiliki kemahiran dan keterampilan

- Melengkapkan diri pelajar dengan pelbagai jenis kemahiran *hard and soft skills*
- Membina penampilan diri yang positif
- Memupuk pelajar supaya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, budi bahasa dan adab
- Menekan aspek nilai murni termasuklah keselamatan, kesihatan dan kebersihan (3K) dalam pengajaran dan pembelajaran aktiviti kokurikulum
- Memastikan sekolah memberi penekanan kepada keselamatan dan kebersihan dan kesihatan pelajar
- Melipatgandakan program pembangunan insan bagi menangani gejala sosial melalui penerapan nilai-nilai murni
- Memantapkan program 3K

Memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistik

- Menyediakan pentaksiran alternatif
- Mengkaji semula sistem pentaksiran dan penilaian untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasi peperiksaan
- Memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian

Memantapkan program kokurikulum dan sukan

- Menambah baik aktiviti sukan dan kokurikulum
- Meningkatkan semangat patriotik kepada semua lapisan masyarakat dengan memastikan Rukun Negara dipelajari dan dihayati sepenuhnya bermula daripada peringkat awal persekolahan
- Memperkasakan sukan di sekolah ke arah sukan untuk semua
- Memantapkan pelaksanaan kokurikulum bagi menggalakkan penglibatan pelajar yang lebih menyeluruh
- Memantapkan program kejuruan dalam kokurikulum dan sukan serta kejurulatihan
- Menyediakan infrastruktur dan peralatan yang lebih lengkap di sekolah, pusat kokurikulum, kolej matrikulasi dan IPG
- Meningkatkan kerjasama KPM dengan kementerian dan pihak luar KPM

Memperkukuh disiplin pelajar

- Penggubalan peraturan disiplin baru
- Menubuhkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid dan Sekretariat Tetap menangani gejala salah laku murid
- Memantau sekolah-sekolah yang menghadapi masalah disiplin
- Meningkatkan kerjasama antara KPM dengan agensi keselamatan berkaitan
- Memperkukuh usaha menangani gejala disiplin melalui Jawatankuasa Bertindak

Mempercepat perkhidmatan sistem aduan masalah disiplin

- Mempelbagaikan saluran aduan terus

Memantapkan kurikulum

- Meneruskan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan
- Penyediaan infrastruktur dan perkakasan mencukupi bagi pembestarian sekolah

Meningkatkan kerjasama KPM dengan pelbagai agensi

- Pelaksanaan aktiviti dengan pelbagai agensi

PENUTUP

5.63 Pertumbuhan ekonomi negara amat bergantung kepada modal insan terutamanya dalam proses Malaysia mencapai status negara maju. Dalam tempoh RMKe-9, kejayaan Misi Nasional dan seterusnya Wawasan 2020 amat bergantung kepada modal insan yang dihasilkan oleh sistem pendidikan kebangsaan. KPM akan memastikan tidak ada pihak yang tercicir dari sistem pendidikan dan setiap pelajar yang melalui sistem ini bukan sahaja dapat memenuhi kehendak pasaran dalam negara malah kehendak peringkat antarabangsa. Menyedari kepentingan ini, KPM akan terus berusaha menggembeng tenaga dengan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk membangunkan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kecemerlangan akademik tetapi memiliki nilai-nilai insaniah.

Jadual 5.1 Strategi Pelaksanaan bagi Membangunkan Modal Insan

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|--------------------------------|----------------------|-----------------------------|------------------|
| Mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar | • Meneruskan kewujudan pelbagai jenis sekolah, aliran, mata pelajaran dan bidang pengkhususan | Membina pelbagai jenis sekolah | Bilangan sekolah | Peningkatan | 2006-2010 |
| | • Meningkatkan peruntukan belanja mengurus kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan | Mengkaji keperluan sekolah | Laporan | Perubahan jumlah peruntukan | 2007 |
| | • Meneruskan pendaftaran SAR dan SAN di seluruh negara | Mendaftar SAR dan SAN | Bilangan SAR dan SAN | Peningkatan | 2006-2010 |
| | • Memperluas dan memantapkan lagi pelaksanaan MPV di sekolah-sekolah | Peluasan penawaran MPV | Bilangan sekolah | Peningkatan | 2007 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN | | | | | |
|--|--|---|---|---|------------------|------|------|------|------------------------|------------------------|
| Meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan | <ul style="list-style-type: none"> Mengkaji pelaksanaan KBSR dan KBSM supaya lebih menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (<i>higher order thinking skills</i>) | Mengkaji semula pelaksanaan KBSR dan KBSM | Kajian semula <ul style="list-style-type: none"> KBSR KBSM | Dapatan kajian dibentangkan | 2008 | | | | | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memupuk budaya cintakan ilmu pengetahuan | <ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan tabiat membaca melalui program Nilam dan kempen membaca | Purata bilangan buku yang dibaca seorang pelajar | Peningkatan | 2010 | | | | | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menggiatkan penerbitan dan penterjemahan pelbagai jenis bahan bacaan dalam bentuk bercetak dan bukan bercetak | <ul style="list-style-type: none"> Purata bilangan bahan bacaan yang dihasilkan Bilangan bahan yang dibaca | Peningkatan | 2010 | | | | | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan Program Pembestarian Sekolah <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan infrastruktur dan perkakasan yang mencukupi | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pusat akses | 3,000 | 100% | 2010 | | | | | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan <i>hardware</i> yang lengkap <ul style="list-style-type: none"> Komputer TV/DVD Meningkatkan penggunaan <i>hardware</i> | <ul style="list-style-type: none"> Komputer <ul style="list-style-type: none"> Nisbah komputer: guru Nisbah komputer: pelajar Peratus guru menggunakan komputer bagi p&p TVP/DVD <ul style="list-style-type: none"> Nisbah TV/DVD: sekolah Kadar penerbitan program TVP Peratus penggunaan program TVP/ DVD | 1:2 | 1:20 | 100% | 2010 | | | |
| | | | 1:1 | 1100 | 100% | 2010 | | | | |
| | | | 100% | 2010 | | | | | | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perisian yang lengkap dan pelbagai | Menyediakan perisian dan bahan-bahan digital seperti perisian sistem dan aplikasi yang lengkap | <ul style="list-style-type: none"> Peratus penghasilan perisian dan bahan digital Sekolah Bestari mengikut tahap dan mata pelajaran Peratus penghasilan perisian PPSMI dan TVP Peratus jam penggunaan perisian dan bahan digital | <ul style="list-style-type: none"> 30% (Thn 4 & Tkt 4; Thn 5 & Tkt 5) 30% Thn 5 & Tkt 5; Thn 6 & Tkt 6) | 100% | 100% | 2006 | 2007 | Mengikut tahun sasaran | Mengikut tahun sasaran |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|---|---|--|--------------------------------------|
| | <ul style="list-style-type: none"> – Mengadakan latihan dan bimbingan | Melaksanakan program bimbingan dan latihan: <ul style="list-style-type: none"> – Latihan Asas Penggunaan Komputer – Latihan Penggunaan Komputer untuk p&p – Latihan Penggunaan Perisian Kursus – Latihan Penggunaan TVP dalam p&p | Peratus pentadbir sekolah / guru / staf sokongan mengikuti setiap program bimbingan dan latihan ICT | 100% | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> – Mewujudkan sistem penyelenggaraan yang berterusan | Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan di sekolah dilaksanakan | Kontrak penyelenggaraan berpusat beroperasi | 100% | 2010 |
| Memupuk pelajar supaya memiliki kemahiran dan keterampilan | <ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan diri pelajar dengan pelbagai jenis kemahiran <i>hard and soft skills</i> | <ul style="list-style-type: none"> • Membina kemahiran berkomunikasi merentas kurikulum dan kokurikulum dengan memperbanyak aktiviti literasi dan <i>hands-on</i> | Bilangan pelajar yang dapat berkomunikasi dengan fasih | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Mata Pelajaran Teknikal <ul style="list-style-type: none"> – Penandaarasan kepada Mayer Competencies (Aus) dan SCAN (US) – Melaksanakan kurikulum baru berteraskan kompetensi | Bilangan pelajar berkemahiran komunikasi dan kebolehpasaran | <ul style="list-style-type: none"> • Kajian awal • Cadangan pelaksanaan • Penggubalan kurikulum • Pelaksanaan kurikulum baru | 2006 2007 2008 2009 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Mata Pelajaran Vokasional <ul style="list-style-type: none"> – Melaksanakan pendidikan berteraskan kompetensi | Pelaksanaan mata pelajaran | 12 MPAV 16 MPAV 39 MPAV | 2006 2007 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> – Memperluas dan memantapkan program MPV di sekolah | Bilangan mata pelajaran elektif | Pertambahan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> – Memastikan pelajar menguasai kemahiran ICT | <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan sekolah yang dibestarikan | Pertambahan | 2010 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • Mata pelajaran ICT (elektif) sekolah menengah | 100 sekolah 50 sekolah 50 sekolah 50 sekolah 50 sekolah | 2006 2007 2008 2009 2010 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • Program Literasi Komputer sekolah menengah | Tkt 1 & 2 Diganti dengan Program ICTL Menengah | 2006 2007-2010 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|-------|---|--|--|--|--------------------------------------|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Program ICT Literasi sekolah rendah | Thn 1 & 2 Thn 1, 2 & 3 Thn 1, 2,3 & 4 Thn 1, 2,3,4 & 5 Thn 1, 2, 3, 4, 5 & 6 | 2006 2007 2008 2009 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Membina penampilan diri yang positif | Memperbanyak aktiviti bina diri seperti kerja berpasukan dan <i>character building</i> | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan aktiviti Bilangan pelajar yang menyertai | Peningkatan | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memupuk pelajar supaya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, budi bahasa dan adab | <ul style="list-style-type: none"> Memperbanyak aktiviti ceramah, seminar, motivasi dan bengkel yang berunsur pembangunan insan | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan aktiviti penghayatan kerohanian | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memperluas aktiviti Kempen budi bahasa | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memperbanyak aktiviti kesedaran kepentingan berbudi bahasa dan adab seperti tayangan filem, dan dokumentasi serta menulis esei | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan aktiviti yang berkaitan berbudi bahasa dan beradab Bilangan pelajar yang mengamalkan sifat berbudi bahasa dan adab | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membuat kerja amal dalam masyarakat setempat (seperti rumah orang tua dan rumah anak yatim) | Bilangan penglibatan dalam kerja amal | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memperbanyak penerbitan bahan bacaan tentang budi bahasa dan adab masyarakat Malaysia | Bilangan penerbitan | Peningkatan | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Menekan aspek nilai murni termasuklah keselamatan, kesihatan dan kebersihan (3K) dalam pengajaran dan pembelajaran aktiviti kokurikulum | Menekankan penghayatan nilai murni dan 3K dalam pengajaran dan pembelajaran | Bilangan pelajar yang mengamalkan nilai murni | Peningkatan | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan sekolah memberi penekanan kepada keselamatan dan kebersihan dan kesihatan pelajar | <ul style="list-style-type: none"> Menekan penghayatan 3K | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan kes disiplin Bilangan kemalangan Bilangan ketidakhadiran | Peningkatan Pengurangan Pengurangan | 2010 2010 2010 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|---|--|--------------------------------------|----------------------|
| | | • Mewujudkan peraduan pertandingan berkaitan nilai murni dan 3K | Bilangan sekolah yang ceria dan bersih | Peningkatan | 2010 |
| | | • Melaksanakan kempen kesedaran pelajar | Bilangan pelajar yang mengambil bahagian | Peningkatan | 2010 |
| | | • Memperbanyak ceramah, seminar dan bengkel motivasi, kem penghayatan kerohanian serta kempen budi bahasa | Bilangan aktiviti dan pelajar yang mengambil bahagian | Penurunan | 2010 |
| | • Melipatgandakan program pembangunan insan bagi menangani gejala sosial melalui penerapan nilai-nilai murni | | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2010 |
| | • Memantapkan program 3K | Meningkatkan penguatkuasaan, aktiviti dan kerjasama dalam pelaksanaan program 3K | Bilangan sekolah bersih, sihat dan selamat | Peningkatan | 2010 |
| Memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistik | • Menyediakan pentaksiran alternatif | • Mengubah penekanan peperiksaan awam daripada berasaskan kandungan kepada lebih berasaskan kemahiran atau daripada bersifat ujian pencapaian kepada ujian kebolehan am | • Konsep pentaksiran alternatif • Pentaksiran alternatif • Sistem Penilaian <i>Key-stage</i> | Disediakan Terlaksana Terhasil | 2006 2010 2010 |
| | | • Mengubah pentaksiran sedia ada kepada – ujian rujukan kriteria yang menekankan pentaksiran berasaskan tugas kerja – kaedah pentaksiran yang mampu menggalakkan pembinaan karakter | Pentaksiran alternatif | Terlaksana | 2008 |
| | • Mengkaji semula sistem pentaksiran dan penilaian untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasi peperiksaan | • Mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata pelajaran tertentu di peringkat sekolah | Model peperiksaan awam baru | Diperkenalkan | 2010 |
| | | • Mengkaji semula sistem penggal dan menggantikannya dengan sistem semester | Model sistem semester | Terhasil | 2008 |
| | • Memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian | • Menghasilkan standard prestasi kebangsaan berbanding standard negara lain | Standard prestasi kebangsaan | Terhasil | 2008 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN | |
|---|--|---|---|---------------------------------|--------------------------------------|------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Meningkat jalinan kerjasama dengan badan-badan pentaksiran negara maju <ul style="list-style-type: none"> Pertukaran pegawai Penyelidikan bersama Pengendalian peperiksaan dan pengeluaran sijil secara bersama | Bilangan jalinan kerjasama dengan badan-badan pentaksiran negara maju | Peningkatan | 2010 | |
| Memantapkan program kokurikulum dan sukan | <ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan aktiviti sukan dan kokurikulum | <ul style="list-style-type: none"> Membudayakan sukan untuk semua (<i>Sports for all</i>) | Peratus pelajar bersukan secara aktif | 75% 80% 85% 90% 95% | 2006 2007 2008 2009 2010 | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan pelajar menyertai aktiviti kokurikulum | Peratus pelajar menyertai kokurikulum secara aktif | 75% 80% 85% 90% 95% | 2006 2007 2008 2009 2010 | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menambahkan jurulatih yang bertauliah dalam kokurikulum | Bilangan jurulatih yang bertauliah | 75% 80% 85% 90% 95% | 2006 2007 2008 2009 2010 | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkat semangat patriotik dengan memastikan Rukun Negara dipelajari dan dihayati daripada awal persekolahan | <ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah dan menengah | Bilangan sekolah yang mempunyai Kelab Rukun Negara | Peningkatan | 2010 | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menyebarkan maklumat dan kefahaman tentang Rukun Negara | Bilangan pelajar yang menyertai Kelab Rukun Negara | Peningkatan | 2010 | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengupas pengetahuan tentang Rukun Negara melalui aktiviti ceramah, syarahan dan bahas Pelaksanaan Program Membudayakan Rukun Negara | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2010 | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan sukan di sekolah ke arah sukan untuk semua | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan kemudahan dan peralatan bersukan yang mencukupi tanpa mengira lokasi sekolah | Peralatan sukan di semua sekolah | Sek. Ren. | 88% | 2006 |
| | | | | | 91% | 2007 |
| | | | | | 94% | 2008 |
| | | | | | 97% | 2009 |
| | | | | 100% | 2010 | |
| | | | | Sek Men | | |
| | | | | 78% | 2006 | |
| | | | | 81% | 2007 | |
| | | | | 84% | 2008 | |
| | | | | 88% | 2009 | |
| | | | | 90% | 2010 | |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|-------|---|--|---|--|--------------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menambah bilangan guru beropsyen PJK | Bilangan guru beropsyen PJK | 3706 4202 4702 5202 5702 | 2006 2007 2008 2009 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan tahap keprofesionalisme guru PJK dan jurulatih sukan | Bilangan guru mengikuti kursus | 11 (440) 14 (560) 17 (680) 20 (800) 23 (920) | 2006 2007 2008 2009 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan pelaksanaan kokurikulum bagi menggalakkan penglibatan pelajar yang lebih menyeluruh | <ul style="list-style-type: none"> Mengkaji semula pelaksanaan kokurikulum Memberi kelonggaran dan pengubahsuaian dasar dan peraturan pelaksanaan di SKM | Penglibatan pelajar | Peningkatan | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan program keguruan dalam kokurikulum dan sukan serta kejurulatihan | <ul style="list-style-type: none"> Meneliti dan menambah baik program pra dan dalam perkhidmatan di IPG dan IPTA bagi guru yang melaksanakan aktiviti kokurikulum | Penambahbaikan program pra dan dalam perkhidmatan dan latihan di IPG dan IPTA | Dilaksanakan | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melatih dan menyerap jurulatih kokurikulum dan sukan dari bekas polis dan tentera ke sekolah, kolej matrikulasi dan IPG | Bilangan jurulatih dilatih dan diserap di sekolah | Mengikut sasaran | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan infrastruktur dan peralatan yang lebih lengkap di sekolah, pusat kokurikulum, kolej matrikulasi dan IPG | <ul style="list-style-type: none"> Menaik taraf infrastruktur serta menambah peralatan dan bilangan jurulatih di pusat kokurikulum negeri | Bilangan pusat kokurikulum negeri dinaiktarafkan | 5 | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan pusat kokurikulum di peringkat daerah | Bilangan pusat kokurikulum daerah ditubuhkan | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan infrastruktur di kolej matrikulasi dan IPG | Jenis infrastruktur yang dipertingkatkan | | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kerjasama KPM dengan Kementerian dan pihak luar KPM | <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kerjasama antara KPM dengan KBS serta MSN untuk mengenal pasti sekolah yang dapat dijadikan Pusat Sukan Daerah dan Negeri | Wujud kerjasama | Pusat Sukan Daerah 45 60 75 90 | 2007 2008 2009 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program pembangunan sukan yang menyeluruh dengan kerjasama KBS dan MSN | Bilangan penyertaan | Johan keseluruhan SIPMA | 2007-2010 2010 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|------------------------------|---|---|---|--|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum dan sukan di sekolah dengan melibatkan beberapa kementerian seperti Kem. Pertahanan, KPKT, KeKKWa, dan Kem. Penerangan | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2010 |
| Memperkukuh disiplin pelajar | <ul style="list-style-type: none"> Penggubalan peraturan disiplin baru | Menggubal peraturan-peraturan disiplin | Peraturan baru | Pelaksana peraturan baru | 2006 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid dan Sekretariat Tetap menangani gejala salah laku murid | Memantau dan mengesan kes-kes jenayah, disiplin dan salah laku | <ul style="list-style-type: none"> Bil. kes diselesaikan Bilangan pelajar terlibat dalam kes jenayah, disiplin dan salah laku | <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan Penurunan setiap tahun | 2010 2006 - 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memantau sekolah-sekolah yang menghadapi masalah disiplin | Menugaskan <i>flying squads</i> turun ke sekolah-sekolah bermasalah disiplin | Bilangan sekolah bermasalah disiplin | Penurunan | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kerjasama antara KPM dengan agensi keselamatan berkaitan | <ul style="list-style-type: none"> Mengeratkan kerjasama dengan PDRM Mewujudkan Majlis Pemuafakatan Tindakan KPM dan PDRM di peringkat Kem.enterian, Negeri, Daerah dan Sekolah | Bilangan aktiviti Bilangan dan jenis aktiviti | Mengikut sasaran Mengikut sasaran | 2010 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memperkukuh usaha menangani gejala disiplin melalui Jawatankuasa Bertindak | <ul style="list-style-type: none"> Menggerakkan JK Bertindak menangani isu-isu di sekolah <ul style="list-style-type: none"> Kursus kemahiran menyiasat aduan Program anti buli Konvensyen pembudayaan adab pelajar Program pembentukan jati diri pelajar Kempen anti ponteng Memantapkan program kokurikulum | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan program, kursus, kempen dan konvensyen Bilangan pelajar | Mengikut sasaran Mengikut sasaran | 2010 2010 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Menggerakkan JK Bertindak dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan <ul style="list-style-type: none"> Kursus <i>task-force</i> penguatkuasaan disiplin sekolah Kursus literasi undang-undang guru disiplin | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan kursus dan pelajar Keberkesanan kursus | Mengikut sasaran Mengikut objektif dan matlamat kursus |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|---|---|---|--------------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menggerakkan JK Bertindak melalui aspek psikologi dan kesihatan <ul style="list-style-type: none"> Program kemahiran psikologi kanak-kanak dan remaja bermasalah disiplin Program kemahiran sosial dan kaunseling Menjalankan kajian kegiatan buli pelajar Menjalankan kajian perbandingan tabiat pelajar mengikut lokasi Menjalankan kajian gejala ponteng pelajar Program pemupukan minda sihat Program MEKAR | Bilangan program dan kajian | Mengikut sasaran | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menggerakkan JK Bertindak <ul style="list-style-type: none"> Program gerakan kecemerlangan sekolah bersama ibu bapa Program rakan kasih dan kempen budi bahasa Pameran masalah sosial pelajar Kempen melalui media elektronik | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan program, pameran dan kempen Bilangan peserta terlibat | Mengikut sasaran | 2010 |
| Mempercepat perkhidmatan sistem aduan masalah disiplin | Mempelbagaikan saluran aduan terus | Memantapkan saluran aduan terus melalui talian terus, emel, faksimili dan SMS | <ul style="list-style-type: none"> Masa yang diambil memproses aduan Bilangan kes yang boleh diselesaikan | Penurunan Peningkatan | 2007 2007 |
| Memantapkan kurikulum | Meneruskan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan | <ul style="list-style-type: none"> Memperluas pelaksanaan j-QAF kepada murid Islam dan Pendidikan Moral kepada murid bukan Islam Memperluas pelaksanaan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ke Tahap 2 sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah | Bilangan sekolah | 1235 1247 1260 1273 1599 | 2006 2007 2008 2009 2010 |
| | | | Bilangan sekolah | Thn 4,5 & Tkt 1,2 Thn 4,5,6 & Tkt 1,2,3 Tkt 1,2,3,4 Tkt 1,2,3,4,5 | 2006 2007 2008 2009 |
| Meningkatkan kerjasama KPM dengan pelbagai agensi | Pelaksanaan aktiviti dengan pelbagai agensi | Menjalankan pelbagai aktiviti untuk membangunkan modal insan | Bilangan aktiviti | Pertambahan | 2006 |

BAB 6

MEMPERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN

- PENGENALAN
- DASAR DAN MATLAMAT
- STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKe-9
- FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN
- PENUTUP



BAB 6

MEMPERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN



PENGENALAN

- 6.01** Sejak sebelum merdeka, hasrat penubuhan Sekolah Kebangsaan (SK) telah diilhamkan oleh para pemimpin negara sebagai wahana untuk perpaduan rakyat pelbagai kaum. SK diharap dapat dijadikan tempat untuk generasi muda hidup bermasyarakat, saling bekerjasama antara satu sama lain serta melahirkan rakyat yang setia dan menyumbang kepada kesejahteraan negara seperti yang dinyatakan dalam Ordinan Pelajaran 1952. Hal ini ditegaskan semula oleh Aminuddin Baki seperti berikut:

"... national school which will be a place of social and co-operative living of the future generations of Malaysians and a place where they will be trained and educated to be worthy and loyal Malaysian citizens. It aims at establishing a system of education which can serve as a real meeting place of the children of the different races. It aims at training its multi-racial pupils in the art of "living, learning, working and thinking together", thus giving them the opportunity to know and understand each other right from childhood. The fault of the existing educational structure with its multi-vernacular system has been and is that it encourages segregation. The boys and girls of the different races tend to be antagonistic to one another and are not provided with the opportunity of meeting one another on equal and friendly terms"

(Aminuddin Baki, Penerbitan 1981)

Seterusnya, pendidikan sebagai wahana untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum jelas dinyatakan dalam Penyata Razak 1956 dan menjadi cabaran negara dalam usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

- 6.02** Dalam PIPP ini, SK merujuk kepada sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah harian yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sekolah-sekolah ini ditubuhkan sebagai sekolah aliran perdana bagi memupuk perpaduan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi

"KPM akan berusaha menjadikan Sekolah Kebangsaan lebih beraspirasi nasional, meningkatkan pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar, membangunkan budaya sekolah yang cemerlang, meningkatkan kualiti kepimpinan, pengurusan dan guru-guru, menyeimbangkan nisbah guru dari pelbagai etnik serta meningkatkan penglibatan dan rasa kepunyaan ibu bapa serta komuniti terhadap Sekolah Kebangsaan."

(YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, 2005)

supaya SK menjadi sekolah pilihan utama masyarakat. Sehingga kini, masih terdapat SK yang mempunyai prasarana kurang memuaskan, terutama di kawasan pedalaman. Selain itu, terdapat anggapan masyarakat bahawa pencapaian akademik di SK adalah lebih rendah berbanding sekolah rendah aliran Cina. Masyarakat bukan Bumiputera mempunyai tanggapan bahawa SK juga terlalu bercirikan Islam manakala masyarakat Islam pula menyatakan sebaliknya.

6.03 Sehubungan itu, KPM telah pun memperkenalkan Dasar Memperkasakan SK supaya SK kekal sebagai sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Walaupun dasar ini memberi keutamaan kepada SK, namun KPM sentiasa memberi perhatian yang seimbang untuk Sekolah Rendah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) supaya pendidikan untuk anak bangsa Malaysia yang belajar di sekolah tersebut tidak dipinggirkan. KPM memperuntukkan belanja mengurus termasuk emolumen guru, LPBT dan geran per kapita yang sama kepada semua sekolah ini. Selain itu, untuk SK, SABK, SJJC dan SJKT yang berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan, KPM telah memperuntukkan RM100 juta di bawah peruntukan pembangunan dalam RMKe-9.

DASAR DAN MATLAMAT

6.04 Dalam PIPP, tumpuan memperkasakan SK akan diberikan kepada sekolah rendah kerana sekolah ini mempunyai peranan penting sebagai tapak untuk menyemai dan memupuk perpaduan di antara kaum daripada peringkat awal persekolahan. Dasar memperkasakan SK diwujudkan bagi memastikan semua sekolah rendah yang berbahasa pengantar Bahasa Melayu dan sekolah menengah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkatkan dan memperkukuh perpaduan di kalangan pelajar pelbagai kaum. Justeru, pelajar-pelajar ini dapat dilatih hidup saling bekerjasama dan mempunyai semangat patriotisme serta toleransi yang tinggi selaras dengan aspirasi nasional.

6.05 Fokus memperkasakan SK pada peringkat sekolah rendah dan menengah adalah untuk menjadikan sekolah-sekolah ini lebih beraspirasi nasional, meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan meningkatkan kualiti prasarana. Sasaran jangka panjang KPM adalah untuk menjadikan SK pusat kecemerlangan pendidikan daripada semua segi seperti prasarana, disiplin dan keselamatan pelajar, pencapaian kokurikulum dan sukan, penguasaan ICT, kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Satu penanda aras akan ditetapkan bagi memastikan agenda memperkasakan SK akan terus berada pada landasan yang betul dan usaha akan dilaksanakan bagi mengenal pasti SK yang cemerlang untuk dijadikan model kepada SK lain. Walaupun KPM memberikan penekanan kepada usaha memperkasakan SK, namun SJK tidak akan diabaikan supaya pendidikan kepada anak bangsa Malaysia di sekolah-sekolah tersebut terjamin.

6.06 SK yang telah diperkasa akan diterajui oleh Pengetua/Guru Besar yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan berkesan, mempunyai kumpulan guru terdiri daripada pelbagai kaum yang cekap, terlatih, komited bagi menjamin budaya sekolah yang sihat dan kondusif serta dapat mengeratkan hubungan dan penglibatan masyarakat, ibu bapa dan warga sekolah. SK ini juga akan mempunyai infrastruktur yang lengkap dan berkualiti bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik dan kokurikulum serta sahsiah yang cemerlang. Ciri-ciri tersebut ditunjukkan dalam Rajah 6.1.

STATUS SEMASA , CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKE-9

Jumlah, taburan dan status sekolah

6.07 Sehingga Jun 2005, terdapat 5,761 (75.8%) SK daripada keseluruhan sekolah

rendah termasuk SJKC dan SJKT. Manakala terdapat 1,823 (89.9%) sekolah menengah harian daripada keseluruhan jenis sekolah menengah. Dari segi enrolmen pula, terdapat seramai 2.3 juta (74.2%) murid di sekolah kebangsaan daripada 3.1 juta murid sekolah rendah, manakala terdapat 2.1 juta (93.3%) pelajar di sekolah menengah harian daripada 2.2 juta pelajar daripada keseluruhan sekolah menengah.

6.08 Daripada aspek lokasi, 33.2 peratus sekolah rendah terletak di bandar dan 66.8 peratus di luar bandar. Rajah 6.2 menunjukkan sebanyak 29.4 peratus SK di bandar dan 70.6 peratus di luar bandar. Manakala 49.5 peratus SJKC di bandar dan 50.5 peratus di luar bandar, dan 32.2 peratus SJKT di bandar dan 67.8 peratus di luar bandar.

6.09 Enrolmen mengikut jenis sekolah, lokasi dan kaum pula menunjukkan bagi SK, peratusan murid Bumiputera adalah hampir sama di bandar dan luar bandar iaitu 50.2 peratus bandar dan 49.8 peratus luar bandar. Bagi SJKC dan SJKT, peratusan murid bukan Bumiputera lebih tinggi di bandar iaitu masing-masing 75.6 peratus dan 59.3 peratus. Sehingga kini, enrolmen murid Cina hanya 6 peratus di SK manakala murid India 45 peratus. Cabaran KPM adalah bagi meningkatkan peratusan

Rajah 6.1 Ciri-Ciri SK Perkasa



murid bukan Bumiputera di SK yang terletak di kawasan yang mempunyai pelbagai kaum khususnya di bandar.

Prasarana dan kemudahan

6.10 Daripada 5,761 SK pada peringkat rendah, 1,642 merupakan sekolah kurang murid (SKM) dan kebanyakannya adalah lama dan daif. Selain itu, daripada keseluruhan bilangan sekolah rendah, 1,513 buah tidak mempunyai bekalan air awam, 767 buah tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan 1,639 buah masih belum mempunyai

makmal komputer atau bilik komputer, dan 858 buah merupakan sekolah dua sesi. Manakala daripada keseluruhan sekolah menengah, sebanyak 28 buah tiada bekalan elektrik 24 jam, 68 buah tiada bekalan air awam dan 748 buah sekolah mengamalkan dua sesi. Cabaran KPM adalah untuk menyediakan dan meningkatkan kualiti prasarana dan kemudahan fizikal SK termasuk kemudahan asas.

Penyertaan pelajar

6.11 Daripada 3.1 juta enrolmen sekolah rendah, 76.3 peratus pelajar berada di SK, 20.6 peratus di SJKC dan 3.1 peratus di SJKT. Berdasarkan komposisi kaum, terdapat 93.0 peratus murid Bumiputera dan 7.0 peratus murid bukan Bumiputera di SK. Manakala, di SJKC, 93.0 peratus murid bukan Bumiputera dan 7.0 peratus Bumiputera. Bagi SJKT, 99.7 peratus murid bukan Bumiputera dan 0.3 peratus Bumiputera. Cabaran utama KPM adalah untuk meningkatkan lagi penyertaan murid bukan Bumiputera di SK khususnya di kawasan yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum.


6.12 Sehingga Jun 2005, enrolmen di SMK harian ialah sebanyak 2.07 juta (93.3%). Pada masa ini terdapat enam jenis sekolah menengah iaitu :

- Sekolah Menengah Kebangsaan Harian (SMK)
- Sekolah Berasrama Penuh (SBP)
- Sekolah Menengah Teknik (SMT)
- Sekolah Sukan (SS)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
- Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)


Taburan dan penempatan guru

6.13 Jumlah keseluruhan guru di sekolah rendah sehingga Jun 2005 adalah seramai 190,336 orang. Daripada jumlah ini, seramai 149,852 berada di SK. Pada peringkat menengah, jumlah keseluruhan guru seramai 136,598 orang. Daripada jumlah ini 122,253 mengajar di SMK harian. Sehingga tahun 2005, jumlah guru siswazah di sekolah rendah adalah seramai 11,539 (6.1%) orang manakala di sekolah menengah pula seramai 112,578 (82.4%) orang. Sasaran KPM adalah untuk memastikan 25 peratus guru di sekolah rendah dan 100 peratus guru di sekolah menengah ialah guru siswazah menjelang 2010. Cabaran KPM adalah untuk menyediakan guru siswazah yang mencukupi melalui program pensiswazahan dan menempatkan guru-guru ini mengikut keperluan opsyen. Selain itu, sebagai salah satu langkah untuk menjadikan SK lebih beraspirasi nasional, KPM mendasarkan penempatan guru daripada pelbagai kaum secara lebih seimbang,

Rajah 6.2 Peratus Sekolah Rendah mengikut Lokasi dan Jenis Sekolah, 2005



Rajah 6.3 Peratus Guru Mengikut Kelayakan 2005



terutamanya di lokasi yang mempunyai penduduk pelbagai kaum.

Program-program pendidikan

- 6.14** Sehingga 2005, KPM telah mengadakan pendidikan prasekolah kepada 92,303 kanak-kanak berumur 5+ tahun dengan menyediakan 3,868 kelas prasekolah. Manakala agensi lain di luar KPM serta agensi swasta telah menyediakan sebanyak 13,130 prasekolah kepada 610,714 orang kanak-kanak. Cabaran KPM adalah untuk memperluas pendidikan prasekolah ke semua SK terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. KPM akan menambah kelas prasekolah baru di bawah RMKe-9 dan menyediakan guru prasekolah terlatih di semua kelas prasekolah. Selain itu, KPM juga akan menaikkan kadar peruntukan geran per kapita dan memantapkan pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan untuk kanak-kanak 5+ tahun.
- 6.15** Bagi menarik minat murid pelbagai kaum belajar di SK serta memberi peluang kepada mereka mempelajari bahasa-bahasa lain, KPM telah memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK), Bahasa Cina Komunikasi (BCK) dan Bahasa Tamil Komunikasi (BTK). BAK telah diperkenalkan mulai tahun 2003 kepada 7,520 murid di 97 buah sekolah. BCK telah diperkenalkan pada tahun 2005 kepada 14,289 murid di 153 buah SK, dan BTK pula diperkenalkan kepada 6,973 murid di 76 buah SK. Mulai tahun 2007, KPM akan menggantikan BCK dan BTK dengan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Mata pelajaran Bahasa Cina akan dirintis di 150 buah SK pilihan, manakala mata pelajaran Bahasa Tamil di 70 buah SK pilihan. Cabaran KPM adalah untuk memperluas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil ke SK yang mempunyai pelbagai kaum. Manakala, BAK telah diserapkan sebagai salah satu bidang yang dipelajari dalam program Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu 'Ain (j-QAF).
- 6.16** Sebagai langkah untuk memantapkan Pendidikan Islam, pada tahun 2005 program j-QAF telah dirintis di 1,221 SK di seluruh negara dengan bilangan guru seramai 3,663 orang. Menerusi program j-QAF, disasarkan pelajar yang beragama Islam di SK, SJKC dan SJKT dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam tulisan Jawi, berjaya khatam Al-Quran, dapat membina asas untuk memahami dan berkomunikasi dalam Bahasa Arab dan berjaya mempraktikkan Fardu Ain sebelum tamat pendidikan rendah. Pada tahun 2006, j-QAF telah diperluaskan ke 1,235 sekolah rendah dengan seramai 376,768 murid. Cabaran KPM adalah untuk memperluas program j-QAF ke semua SK.
- 6.17** Pada tahun 2005, 4.4 peratus murid sekolah rendah dan 0.8 peratus pelajar sekolah menengah masih belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Peratusan ini termasuk juga pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran. Mulai tahun 2006, KPM telah memperkenalkan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) bagi memastikan murid-murid Tahun 1 dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis selepas enam bulan mengikuti persekolahan. Murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran akan mengikuti kelas pemulihan. Cabaran KPM adalah untuk mengurangkan masalah tidak menguasai 3M dan memastikan semua kanak-kanak 5+ tahun terutama kanak-kanak yang tinggal di luar bandar dan pedalaman, kanak-kanak berkeperluan khas, anak Orang Asli dan suku minoriti di Sabah dan Sarawak mengikuti prasekolah sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan formal di sekolah rendah. KPM juga akan terus memperluas Program Pemulihan dengan menaik taraf 2,800 kelas pemulihan dan menyediakan guru pemulihan yang secukupnya, sejajar dengan Keputusan Kabinet tahun 2005 untuk memantapkan lagi program tersebut.
- 6.18** Penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan sukan masih tidak menyeluruh. Hanya 80 peratus pelajar di sekolah menengah dan sekolah rendah yang menyertai aktiviti ini. Bagi meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, geran per kapita aktiviti kokurikulum telah dinaikkan daripada RM2.50 kepada RM10.00 untuk sekolah rendah dan RM12.00 untuk sekolah menengah mulai tahun 2006. Selain itu, penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum telah dijadikan syarat kemasukan ke IPTA mulai

tahun 2006. Cabaran KPM adalah untuk memantapkan program kokurikulum dan sukan supaya menarik penyertaan pelajar serta memperluas pilihan aktiviti kokurikulum dan sukan pada semua peringkat pendidikan.

- 6.19** Sehingga tahun 2005, program ICT yang telah dilaksanakan KPM adalah seperti:
- Projek Penyediaan Infrastruktur dan Pengkomputeran Sekolah (Makmal Komputer);
 - Penyediaan akses jalur lebar Schoolnet;
 - Projek Rintis Sekolah Bestari;
 - Program Pengajaran dan Pembelajaran dalam Bahasa Inggeris (PPSMI); dan
 - Program TV Pendidikan.

Melalui program-program tersebut, KPM telah menyediakan infrastruktur seperti makmal/bilik komputer, perkakasan seperti komputer, komputer riba, projektor LCD dan pelayan bagi p&p serta melatih guru berkaitan ICT.

- 6.20** Bagi memperluas penggunaan ICT di sekolah, program Pembestarian Sekolah diperkenalkan dalam RMKe-9 secara berperingkat. KPM mensasarkan semua SK dilengkapi infrastruktur, peralatan dan perisian yang lengkap dan mencukupi, serta guru dan kakitangan mendapat latihan yang mencukupi untuk memastikan pengintegrasian ICT berlaku dalam p&p dan urusan pentadbiran sekolah. Pelaksanaan pembestarian sekolah merangkumi tiga perkara iaitu:
- *Hardware* – perkakasan ICT yang dibekalkan ke sekolah seperti Pusat Akses yang berfungsi ala kafe siber untuk menyokong sistem sedia ada seperti makmal komputer sekolah;
 - *Courseware* – perisian kursus dan sistem aplikasi; dan
 - *Wetware* – bimbingan dan latihan kepada pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan komuniti setempat.

Ketiga-tiga perkara ini menjadi pemacu dalam meningkatkan keberkesanan p&p serta pengurusan sekolah. Cabaran KPM adalah untuk menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap untuk p&p serta pengurusan.

FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN

- 6.21** Dalam tempoh PIPP ini, fokus dan strategi pelaksanaan berikut akan diberi tumpuan bagi memperkasakan SK:

Meningkatkan kecemerlangan SK

Peluasan Program Prasekolah

- Menambahkan bilangan kelas prasekolah KPM
- Menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
- Memastikan murid berkeperluan khas mendapat program prasekolah
- Memastikan guru dan pembantu guru prasekolah mencukupi dan terlatih

Pemantapan Kepimpinan Pengetua/Guru Besar dan Kualiti Guru

- Memantapkan kepimpinan Pengetua / Guru Besar
- Meningkatkan kualiti guru

Pengukuhan Budaya Sekolah

- Mewujudkan SK yang berbudaya cemerlang, iklim dan budaya sekolah yang sihat

Pemantapan Kurikulum

- Memastikan semua murid Tahap 1 menguasai 3M
- Memperluas j-QAF
- Memperkenalkan Bahasa Cina dan Tamil
- Memperkenalkan program bagi pelajar berkeperluan khas
- Meningkatkan akses dan pilihan program di peringkat menengah

Pemantapan Aktiviti**Kokurikulum dan Sukan**

- Menambah baik aktiviti kokurikulum dan sukan
- Meningkatkan penyertaan pelajar

Penambahbaikan Sistem**Sokongan**

- Menambah baik sistem sokongan
- Menambah bilangan jawatan pembantu guru

Peningkatan prestasi akademik**SK**

- Memastikan semua pelajar mendapat peluang bersekolah
- Memantapkan program intervensi

Meningkatkan kualiti prasarana dan prestasi SK

- Meningkatkan kualiti prasarana SK
- Meningkatkan kualiti infrastruktur dan kemudahan pendidikan
- Menambah bilangan sekolah satu sesi sekolah rendah
- Menambah bilangan sekolah satu sesi sekolah menengah

6.22 Pembangunan infrastruktur dalam RMKe-9 memberi penekanan kepada projek sekolah dan kemudahan baru, tambahan, gantian dan naik taraf seperti pada Jadual 6.1.

PENUTUP

6.23 Dalam negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, SK merupakan wahana terbaik untuk memupuk perpaduan kaum sejak dari peringkat awal persekolahan kanak-kanak. SK perlu mencerminkan budaya Malaysia, menunjukkan pencapaian yang cemerlang dari segi akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah, mempunyai persekitaran yang kondusif, budaya kerja yang positif dan mampu menawarkan program pendidikan yang berasaskan pelanggan bagi menarik minat semua ibu bapa dan pelajar dari pelbagai latar belakang, kaum dan agama.

Jadual 6.1 Penyediaan Infrastruktur dalam RMKe-9 bagi Memperkasakan SK

| Memperkasa SK | Anggaran Bilangan Projek* | | | | | Jumlah Projek | Jumlah Kos |
|-----------------------|---------------------------|------------|------------|------------|----------|---------------|----------------------|
| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | | |
| Prasekolah | | | | | | | |
| Projek baru | 1,247 | 717 | 246 | 57 | | 2,267 | 282,300,000 |
| Projek tambahan | 67 | 75 | 43 | | | 185 | 18,720,000 |
| Projek gantian | 122 | 30 | 1 | 21 | | 174 | 26,300,000 |
| Jumlah | 1,436 | 822 | 290 | 78 | | 2,626 | 327,320,000 |
| Sekolah Rendah | | | | | | | |
| Projek baru | 35 | 54 | 89 | - | - | 178 | 1,296,855,000 |
| Projek tambahan | - | 203 | 113 | 21 | - | 337 | 656,828,000 |
| Projek gantian | 22 | 360 | 375 | 133 | - | 890 | 2,170,507,000 |
| Projek sambungan | 206 | - | - | - | - | 206 | 229,870,111 |
| Jumlah | 263 | 617 | 577 | 154 | - | 1,611 | 4,354,060,111 |

| Memperkasa SK | Anggaran Bilangan Projek* | | | | | Jumlah Projek | Jumlah Kos |
|---|---------------------------|------------|------------|------------|------------|---------------|----------------------|
| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | | |
| Sekolah Menengah | | | | | | | |
| Projek baru | 42 | 58 | 118 | - | - | 218 | 2,318,440,000 |
| Projek tambahan | - | 210 | 115 | 73 | - | 398 | 845,969,000 |
| Projek gantian | 10 | 136 | 26 | 122 | 1 | 295 | 1,293,811,000 |
| Projek sambungan | 216 | | | | | | |
| Projek sambungan | 216 | 4 | 3 | | | 223 | 220,511,601 |
| Jumlah | 268 | 408 | 262 | 195 | 1 | 1,134 | 4,678,731,601 |
| Teknologi Pendidikan | | | | | | | |
| Bangunan tambahan pejabat pembangunan pendidikan bestari | - | 1 | - | - | - | 1 | 3,600,000 |
| Naik taraf kelengkapan penerbitan & penyuntingan TVP BTP, PSPN, PKG | - | 42 | - | - | - | 42 | 12,800,000 |
| Jumlah | - | 43 | - | - | - | 43 | 16,400,000 |
| Program Sekolah Bestari | | | | | | | |
| Bekalan sistem pengurusan sekolah bestari versi web kepada sekolah | - | 1 | - | - | - | 9,467 | 70,000,000 |
| Pusat Akses Sekolah | 500 | 800 | 600 | 600 | 500 | 3,000 | 120,000,000 |
| Menaik taraf perkakasan ICT di Sekolah Bestari Rintis | - | - | 1 | - | - | 87 | 12,000,000 |
| Menaik taraf Pusat Repositori BTP | - | 1 | - | - | - | 1 | 2,000,000 |
| Jumlah | 500 | 802 | 601 | 600 | 500 | 12,555 | 204,000,000 |

*Anggaran bilangan projek merujuk tahun projek dimulakan

Jadual 6.2 Strategi Pelaksanaan bagi Memperkasakan SK

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|-------------------------------|---|---|---|----------------------|------------------------------|
| MENINGKATKAN KECEMERLANGAN SK | | | | | |
| Peluasan Program Prasekolah | • Menambahkan bilangan kelas prasekolah KPM | Menambah 2,626 kelas prasekolah (80% kelas ini terletak di luar bandar) | Peratus penyertaan kanak-kanak 5+ tahun | 100% | 2010 |
| | • Menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan | • Menaikkan kadar per-untukan geran per kapita | • Peratus kesediaan murid ke sekolah | 100% setiap tahun | 2006 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|--|---|--|---|----------------------|------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) untuk kanak-kanak +^a tahun Pengubahsuaian kurikulum bagi prasekolah pendidikan Khas | <ul style="list-style-type: none"> Sukatan dan huraian Sukatan Pelajaran | Terhasil | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan murid berkeperluan khas mendapat program prasekolah | Mewujudkan 100 kelas prasekolah pendidikan khas | Peratus penyertaan kanak-kanak berkeperluan khas | 100% | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan guru dan pembantu guru prasekolah mencukupi dan terlatih | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan guru prasekolah terlatih di semua kelas prasekolah | Bilangan jawatan guru | 100% | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melantik pembantu pengurusan murid untuk semua prasekolah KPM | Bilangan jawatan pembantu | 100% | 2007 |
| Pemantapan kepimpinan Pengetua/Guru Besar dan kualiti guru | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan kepimpinan Pengetua/Guru Besar | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan latihan yang mencukupi | Peratus pentadbir sekolah yang mengikuti latihan kepimpinan pengajaran | 100% | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan kriteria pemilihan calon guru besar dan pengetua | Peratus guru besar dan pengetua yang memiliki ciri-ciri kepimpinan | 80% | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melantik guru besar dan pengetua yang layak melalui pelaksanaan <i>fast track</i> | Peratus guru besar dan pengetua yang dipilih melalui <i>fast track</i> | 20% | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kualiti guru | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan guru mempunyai watak pendidik | Peratus guru yang mempunyai watak pendidik | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan guru mengajar di sekolah mengikut opsyen | Peratus guru yang mengajar mengikut opsyen | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan setiap guru mendapat latihan dalam perkhidmatan sekurang – kurangnya 7 hari setahun | Peratus guru yang mengikuti latihan dalam perkhidmatan | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menambah bilangan guru pelbagai kaum | Peratus guru bukan Bumiputera di SK | Peningkatan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan 350 buah sekolah rendah diperkasa | Bilangan sekolah rendah | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memperluas program pensiswazahan guru besar | Peratus guru besar yang mengikuti program pensiswazahan | 50% | 2010 |
| | | | | | |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|--------------------------|---|--|--|---|--------------------------------------|
| Penguatan budaya sekolah | Mewujudkan SK yang berbudaya cemerlang, iklim dan budaya sekolah yang sihat | <ul style="list-style-type: none"> Membangunkan iklim sekolah yang kondusif (etos, sekolah berwatak) | Peratus sekolah yang mempunyai iklim sekolah yang kondusif | 55% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Meminimumkan masalah disiplin dengan pewujudan Jawatankuasa Bertindak di peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM | Peratus murid yang terlibat dalam masalah disiplin | 1.5% | 2008 |
| Pemantapan kurikulum | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan semua murid Tahap 1 menguasai 3M Memperluas j-QAF | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan program pemulihan dan KIA2M | Peratus murid menguasai tahap minima 3M | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan semua murid Islam dapat menguasai j-QAF | Peratus murid menguasai j-QAF – akhir Tahap 1 – akhir Tahap 2 | Jawi - 80% Al-Quran - 75% B. Arab - 89% Wuduk - 90% Solat - 77% | 2006 |
| | | | | Jawi - 85% Al-Quran - 85% B. Arab - 90% Wuduk - 92% Solat - 84% | 2007 |
| | | | | Jawi - 90% Al-Quran - 90% B. Arab - 94% Wuduk - 94% Solat - 90% | 2008 |
| | | | Jawi - 95% Al-Quran - 95% B. Arab - 97% Wuduk - 97% Solat - 95% | 2009 | |
| | | | Jawi - 100% Al-Quran - 100% B. Arab - 100% Wuduk - 100% Solat - 100% | 2010 | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan SK menawarkan j-QAF | Jumlah pelajar Islam di SK – 890,671 murid | Berdasarkan unjuran murid masuk ke Tahun 1 144,559 147,450 150,399 153,406 156,474 | 2006 2007 2008 2009 2010 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|-------|--|--|--|---|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan Bahasa Cina dan Tamil | <ul style="list-style-type: none"> Menawarkan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di SK terpilih | <ul style="list-style-type: none"> Bahasa Cina | 150 sekolah dan tambahan 100 sekolah setiap tahun | 2007 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Bahasa Tamil | 100 sekolah dan tambahan 70 sekolah setiap tahun | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan program bagi pelajar berkeperluan khas | <ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan program untuk pelajar pintar cerdas dan berbakat Memantapkan kurikulum pendidikan khas bagi murid bermasalah pembelajaran Memantapkan modul p&p murid pemulihan khas Mengkaji kerelevanan kurikulum sedia ada | Program pelajar pintar cerdas dan berbakat satu sekolah di setiap negeri | 100% | 2010 |
| | | | Bilangan murid pendidikan bermasalah pembelajaran yang menguasai kemahiran asas | 100% | 2008 |
| | | | Modul pengajaran dan pembelajaran yang dikemas kini | Terhasil | 2008 |
| | | | Kurikulum baru diguna pakai | 100% | 2008 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan akses dan pilihan program di peringkat menengah | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penyertaan di peringkat menengah Memperluas mata pelajaran MPV Memperluas penawaran bahasa antarabangsa di sekolah harian Menjalankan <i>tracer study</i> Memastikan pelajar meneruskan pendidikan ke peringkat tertiar dalam dan luar negara | Kadar penyertaan | 90% | 2008 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan 22 mata pelajaran MPV Bilangan sekolah menawarkan MPV | 123 sekolah 177 sekolah 180 sekolah | 2007 2008 2009 |
| | | | Memperkenalkan sekurang-kurang di satu sekolah di setiap daerah | 2 sekolah 12 sekolah 15 sekolah 15 sekolah 14 sekolah 11 sekolah | 2006 2008 2009 2010 2009 2008 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Peratus pelajar melanjutkan pelajaran ke IPT dalam dan luar negara serta ke pasaran kerja Kurikulum baru diguna pakai | 50% | 2010 |
| | | | Laporan kajian | 100% | 2010 |
| | | | | | |
| | | | | | |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|---|--|---|---|--|--------------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengkaji kerelevanan kurikulum yang sedia ada | | Laporan kajian siap | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan kod tangan kejuruteraan | Kod tangan kejuruteraan | Terhasil | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membina kurikulum kemahiran yang sesuai | Kurikulum kemahiran | Terhasil | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pentaksiran alternatif | Pentaksiran alternatif | Terhasil | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memperluas Pendidikan Khas Integrasi | Bilangan kelas Pendidikan Khas Integrasi | 1,200 kelas | 2010 |
| Penambahbaikan aktiviti kokurikulum dan sukan | <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik aktiviti kokurikulum dan sukan | <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) | Peratus penyertaan pelbagai jenis sekolah dalam RIMUP di daerah | 80% | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membudayakan sukan (Sukan Untuk Semua (SUS)/ Sukan Prestasi Tinggi (SPT)) | Peratus murid bersukan secara aktif | (SUS) / (SPT) 75% / 23% 80% / 26% 85% / 29% 90% / 32% 95% / 35% | 2006 2007 2008 2009 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penyertaan pelajar | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan pelajar menyertai aktiviti kokurikulum | Peratus pelajar menyertai kokurikulum secara aktif | 100% | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menambah jurulatih yang bertauliah dalam kokurikulum | Bilangan jurulatih yang bertauliah | Peningkatan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan kurikulum untuk aktiviti kokurikulum | Kurikulum Kokurikulum | Terhasil | 2007 |
| | Penambahbaikan sistem sokongan | <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik sistem sokongan | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan pemuafakatan warga sekolah, keluarga dan komuniti | Bilangan program pemuafakatan | Penambahan |
| <ul style="list-style-type: none"> Memperluas perkhidmatan pembantu murid di sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan khas Integrasi | | | Bilangan jawatan pembantu guru dalam Program Pendidikan Khas Integrasi | Peningkatan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membekalkan guru beredar bagi Program Pendidikan Khas, Pendidikan Muzik, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan bahasa-bahasa Antarabangsa | Jawatan guru beredar | Diwujudkan | 2008 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|---|---|--|--|---|------------------------------|
| Peningkatan prestasi akademik SK | • Memantapkan program intervensi | • Memastikan prestasi SK melepasi standard minimum pencapaian UPSR, SPM dan STPM | Lebih 50% murid mendapat 5A dalam UPSR di SK terpilih | 100% | 2008 |
| | | • Memperluas program latihan guru untuk kelas bercantum, kelas pemulihan khas dan kelas pendidikan khas | Program latihan guru untuk kelas bercantum, kelas pemulihan khas dan kelas pendidikan khas | Diwujudkan | 2008 |
| | | • Memantapkan program pemulihan, pengayaan, pengukuhan dan kelas pembelajaran ringan | Peratus murid menguasai 3M | 98% | 2010 |
| | • Memastikan semua pelajar mendapat peluang bersekolah | Memastikan tiada murid tercicir daripada sistem persekolahan | <ul style="list-style-type: none"> • Kadar penyertaan murid (termasuk murid khas) • Peratus murid yang tamat pendidikan rendah | 100% | 2007 |
| MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS | | | | | |
| Menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas mencukupi dan berkualiti | • Meningkatkan kualiti prasarana SK | Melengkapkan kemudahan dan prasarana SK (termasuk kelas pendidikan khas) | • Peratus SK yang ada kemudahan lengkap | 100% | 2010 |
| | | | • Peratus kelas terapung sifar | 100% | 2010 |
| | • Meningkatkan kualiti infrastruktur dan kemudahan pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan infrastruktur sekolah rendah mengikut piawai KPM • Mengubahsuaikan dan Menaiktarafkan sekolah yang lama dan kurang selamat | Peratus sekolah yang mengikut piawai (termasuk sekolah pendidikan khas) | 100% | 2010 |
| | | | Bilangan sekolah yang lama dan kurang selamat diubahsuaikan dan dinaiktarafkan (termasuk pendidikan khas) | 2440 | 2010 |
| | • Menambah bilangan sekolah satu sesi sekolah rendah | Menambah bilangan bilik darjah | • Peratus sekolah satu sesi | Penambahan daripada 86% kepada 90% | 2010 |
| | | | • Saiz kelas | Pengurangan daripada 31 kepada 30 per kelas | 2008 |
| | • Menambah bilangan sekolah satu sesi sekolah menengah | Menambah bilangan bilik darjah | • Peratus sekolah satu sesi | Bertambah daripada 65% kepada 70% | 2010 |
| | | | • Saiz kelas | Berkurang daripada 32 kepada 30 per kelas | 2010 |

BAB 7

MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN

- PENGENALAN
- DASAR DAN MATLAMAT
- STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKe-9
- FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN
- PENUTUP



BAB 7

MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN



"... merapatkan jurang pendidikan, yang merangkumi jurang di antara bandar dengan luar bandar; jurang di antara yang miskin dengan yang kaya; jurang digital dan jurang antara mereka yang berkeperluan khas; agar tidak ada sebarang golongan yang tercicir dari arus pembangunan negara."

YB Dato' Sri Hishammuddin
Tun Hussein
(Perutusan Tahun Baru, 2006)

PENGENALAN

- 7.01** Pembangunan pendidikan di Malaysia pada peringkat awal tertumpu kepada pembinaan sekolah di bandar dan kawasan pertumbuhan ekonomi utama negara. Sekolah-sekolah di bandar dibekalkan dengan kemudahan bangunan dan peralatan yang baik dan lengkap, guru terlatih dan sumber mencukupi. Sebaliknya, peluang menikmati pendidikan bagi penduduk di luar bandar dan pedalaman amat terhad. Malah sekolah luar bandar mengalami pelbagai kekurangan daripada segi infrastruktur dan peralatan, kemudahan asas, guru serta sokongan ibu bapa dan masyarakat. Ketidaksamarataan dan jurang pendidikan ini wujud disebabkan keutamaan pada masa itu tertumpu kepada usaha memastikan lebih ramai pelajar mendapat pendidikan berbanding dengan kualiti pendidikan yang disediakan.
- 7.02** Selain lokasi, jurang pendidikan juga wujud antara jenis sekolah, kaum, jantina, taraf sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar. Jurang ini menyebabkan perbezaan prestasi dan pencapaian pelajar, penyediaan kemudahan fizikal dan bukan fizikal serta keciciran pelajar. Impak jurang pendidikan telah menyumbang kepada keadaan tidak seimbang yang ketara daripada segi sosioekonomi antara penduduk luar bandar dan bandar. Usaha menangani jurang ini terus mendapat perhatian Kerajaan sejak Rancangan Malaysia Ketiga (RMKe-3):

"... merapatkan jurang perbezaan dalam peluang-peluang pendidikan antara yang kaya dengan yang miskin serta antara wilayah dan antara kaum melalui pembahagian sumber-sumber dan kemudahan-kemudahan negara dengan lebih saksama ..."

(RMKe-3, 1976-1980)

7.03 Usaha merapatkan jurang pendidikan telah berkembang pesat dan mencapai banyak kemajuan sejak RMKe-3. Walau bagaimanapun, tugas ini belum selesai dan akan terus diberi keutamaan dalam RMKe-9.

DASAR DAN MATLAMAT

7.04 Dasar KPM adalah untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar. Matlamat KPM adalah untuk memastikan semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang termasuklah daripada SK dan SJK. KPM telah mengenal pasti jurang pendidikan yang perlu dirapatkan supaya akses, ekuiti dan kualiti dapat ditingkatkan, iaitu:

Jurang bandar dan luar bandar

Jurang antara bandar dan luar bandar merujuk kepada ketidaksamarataan daripada segi penyediaan infrastruktur dan penempatan guru terutama di Sekolah Kurang Murid (SKM), sekolah Orang Asli dan sekolah di pedalaman.

Jurang digital

Jurang digital merupakan perbezaan daripada segi akses kepada kemudahan ICT antara lokasi dan penguasaan kemahiran ICT di kalangan pelajar dan guru.

Jurang antara tahap pencapaian pelajar

Jurang antara tahap pencapaian pelajar merujuk kepada kesulitan menguasai 3M, kegagalan mencapai standard minimum dan pelajar berisiko tinggi untuk cicir daripada sistem pendidikan.

Jurang antara pelajar normal dan pelajar berkeperluan khas

Jurang antara pelajar normal dan pelajar berkeperluan khas merujuk kepada perbezaan penyediaan pelbagai kemudahan yang sesuai untuk menyokong proses p&p pelajar berkeperluan khas termasuklah yang kurang upaya, pintar cerdas dan berbakat.

Jurang sosioekonomi

Jurang sosioekonomi merujuk kepada perbezaan daripada segi tahap kesihatan, disiplin, kebajikan pelajar dan kemiskinan termasuklah kemiskinan dalam bandar.

7.05 KPM akan merapatkan jurang pendidikan dengan memberi fokus kepada:

- membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan di kawasan luar

bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak;

- meningkatkan kadar penyertaan pelajar dan mengurangkan risiko keciciran;
- meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman;
- menambah baik sistem pengagihan bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti; dan
- membaikpulih dan meningkatkan infrastruktur SKM termasuk SK dan SJK yang terpilih.

STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKE-9

Taburan Sekolah dan Prasarana


7.06 Pada tahun 2005, terdapat 5,077 (66.8%) buah sekolah rendah dan 792 (39.0%) buah sekolah menengah di luar bandar. Sekolah rendah dan menengah khususnya di luar bandar masih kekurangan infrastruktur serta kemudahan pendidikan (Rajah 7.1 dan 7.2). Terdapat 5,951 (78.3%) sekolah rendah dan 870 (42.9%) sekolah menengah berusia melebihi 30 tahun dan memerlukan penyelenggaraan tinggi. KPM akan terus memastikan sekolah khususnya di luar bandar dilengkapi infrastruktur mengikut standard minimum dan diselenggarakan, sekolah usang dan

daif dinaiktaraf dan dibaik pulih supaya lebih selamat dan kondusif serta disediakan kemudahan asas.

7.07 Di kalangan sekolah tersebut, terdapat 767 buah sekolah rendah dan 28 buah sekolah menengah yang masih belum mempunyai bekalan elektrik 24 jam. Janakuasa yang dibekalkan pula berkuasa rendah dan tidak mencukupi untuk menampung penggunaan ICT di sekolah, di samping menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan diesel terutama sekolah-sekolah yang jauh di pedalaman. Cabaran KPM adalah untuk membekalkan janakuasa yang berkuasa tinggi iaitu 30-35KV_a, menyediakan mekanisme penyelenggaraan janakuasa dan pembekalan diesel agar sekolah-sekolah ini dapat memanfaatkan penggunaan ICT sepenuhnya untuk p&p.

7.08 Kebanyakan sekolah mempunyai bekalan air awam kecuali di 1,517 sekolah rendah dan 68 sekolah menengah. Bagi sekolah-sekolah tersebut, bekalan air disediakan melalui kaedah bekalan air graviti, penuaian hujan (*rain harvesting*) dan telaga tiub (*tube well*). Bekalan air graviti menggunakan air dari sungai atau air terjun manakala penuaian hujan pula menggunakan air tadahan hujan. Terdapat beberapa cara untuk menjana air dari telaga tiub iaitu


Rajah 7.1 Bilangan Sekolah Rendah yang Kekurangan Infrastruktur dan Kemudahan Asas




dengan menggunakan genset, pam, penapisan atau *reverse osmosis*.

7.09 Sebanyak 1,639 buah sekolah rendah tidak mempunyai bilik sains, dan 42 buah sekolah masih menumpang di sekolah lain. Bagi sekolah menengah, 138 buah tidak mempunyai makmal komputer, 25 buah tidak mempunyai makmal sains dan 26 buah masih menumpang di sekolah lain. Terdapat juga sekolah yang beroperasi dalam dua sesi iaitu 858 sekolah rendah dan 748 sekolah menengah.


Rajah 7.2 Bilangan Sekolah Menengah yang Kekurangan Infrastruktur dan Kemudahan Asas



Rajah 7.3 Bilangan dan Peratus Sekolah Kurang Murid mengikut Jenis Sekolah

Sekolah Kurang Murid

7.10 Sehingga tahun 2005, terdapat 2,261 (29.7%) sekolah rendah yang dikategorikan sebagai SKM, iaitu sekolah yang enrolmennya kurang daripada 150 orang. Hampir 90 peratus SKM ini berada dalam keadaan daif dan menghadapi masalah kekurangan peruntukan, kemudahan dan guru terlatih. Norma perjawatan sedia ada tidak bersesuaian dengan keperluan SKM seperti ketiadaan perjawatan guru pemulihan. Selain itu, penempatan guru di SKM sukar dilakukan kerana kebanyakannya berada jauh di pedalaman. Jumlah murid yang terlalu kecil pula menyebabkan SKM mengamalkan pengajaran kelas bercantum atau *multigrade teaching* iaitu mengajar sebuah kelas yang terdiri daripada pelbagai tahun persekolahan.

Rajah 7.4 Peratus Sekolah Kurang Murid mengikut Bilangan Murid

Taburan Guru

7.11 Terdapat seramai 190,336 orang guru di sekolah rendah dan 136,598 orang guru di sekolah menengah. Daripada jumlah ini, 15,444 guru di sekolah rendah dan 2,895 guru di sekolah menengah ialah Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), guru dalam latihan dan guru sambilan/semntara. KPM menghadapi kesukaran menempatkan guru-guru terlatih dan berpengalaman, terutamanya bagi mata pelajaran kritikal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi menyelesaikan masalah ini, KPM melaksanakan program Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) dan pengambilan GSTT. Cabaran KPM adalah untuk memastikan guru terlatih mengikut opsyen ditempatkan di semua sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan p&p berjalan dengan lancar dan berkesan.

Jurang Digital

7.12 Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menuntut KPM mengurangkan jurang digital yang wujud di kalangan murid dan guru terutamanya di sekolah luar bandar dan pedalaman. Dalam RMKe-8, KPM telah:

- menyediakan infrastruktur seperti makmal atau bilik komputer; perkakasan seperti komputer,

komputer riba, projektor LCD dan pelayan (server);

- membangunkan perisian khusus dan program TV Pendidikan bagi membantu p&p;
- melatih guru bagi meningkatkan kompetensi mengintegrasikan ICT dalam p&p; dan
- melatih pentadbir sekolah menggunakan ICT dalam pengurusan.

Bagi memastikan pembudayaan ICT juga berlaku di luar bandar, KPM telah menghubungkan sekolah dengan akses jalur lebar melalui kerjasama Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK) serta merangkaikan infrastruktur dan perkakasan ICT melalui rangkaian setempat atau teknologi tanpa wayar.

- 7.13** Cabaran KPM adalah untuk memastikan agar infrastruktur, perkakasan, perisian dan latihan yang mencukupi diberi kepada sekolah-sekolah di kawasan luar bandar yang kurang terdedah dengan ICT berbanding kawasan bandar. Dalam program pembestarian sekolah, semua sekolah luar bandar akan dilengkapi dengan makmal komputer, bilik komputer dan perkakasan yang mencukupi. Sekolah-sekolah juga akan dirangkaikan dengan akses jalur lebar SchoolNet dan bagi sebahagian sekolah di luar bandar dan pedalaman, pusat akses akan dibina.

Pada waktu yang sama, KPM akan menambah baik kaedah penyampaian program TV Pendidikan dan merintis penggunaan video *teleconferencing* sebagai kaedah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan bahan-bahan p&p kepada pelajar dan guru di kawasan pedalaman.


Kadar Penyertaan

- 7.14** Kadar penyertaan pelajar dalam sistem pendidikan adalah sebanyak 96.0 peratus bagi sekolah rendah, 84.4 peratus bagi sekolah menengah rendah dan 71.7 peratus bagi sekolah menengah atas. Cabaran KPM adalah untuk meningkatkan kadar penyertaan di sekolah rendah dan menengah khususnya di kalangan Orang Asli dan kaum minoriti.

Penguasaan 3M

- 7.15** Kegagalan menguasai 3M dikenal pasti menyebabkan defisit akademik kumulatif dan perbezaan tahap pencapaian di kalangan pelajar. Walaupun murid Tahap I yang mengalami defisit akademik telah berkurangan daripada 9.1 peratus pada tahun 2003 kepada 7.7 peratus pada tahun 2004, ia masih berada di atas paras normal iaitu 5 peratus bagi sesuatu sistem pendidikan. Bagi mengatasi masalah ini, KPM telah melaksanakan program rintis Kelas Bermasalah Pembelajaran Ringan KBSR di 71 buah sekolah pada tahun 2004. Pada tahun 2006, program ini diganti dengan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) bagi murid Tahun 1. Murid yang tidak melepasi standard yang ditetapkan akan mengikuti Kelas Pemulihan Khas. Cabaran KPM adalah untuk meminimumkan defisit akademik terutama di negeri dan lokasi yang masih tinggi kadarnya. Penguasaan 3M akan terus dipertingkatkan melalui peluasan dan peningkatan Program Pemulihan dengan menyediakan Guru Pemulihan Khas Terlatih, Bilik Pemulihan Khas dan peruntukan yang mencukupi.

Rajah 7.5 Kadar Penyertaan mengikut Peringkat Pendidikan



Kadar Keciciran

- 7.16** Kadar kecaciran di sekolah rendah dan menengah telah menunjukkan penurunan sepanjang tempoh RMKe-8. Bagi sekolah rendah, kadar kecaciran telah menurun daripada 20,560 (4.2%) murid bagi kohort 1997/2002 kepada 9,713 (1.9%) murid bagi kohort 2000/2005. Bagi sekolah menengah, kadar kecaciran telah menurun daripada 60,413 (14.5%) pelajar bagi kohort 1998/2002 kepada 43,586 (10.3%) pelajar bagi kohort 2001/2005. Kadar kecaciran di sekolah rendah ialah 1.9 peratus di bandar dan 1.2 peratus di luar bandar bagi kohort 1999/2004. Manakala, pada peringkat menengah kadar kecaciran ialah sebanyak 10.1 peratus daripada saiz kohort di bandar dan 16.7 peratus daripada saiz kohort di luar bandar bagi kohort 2000/2005.
- 7.17** Walau bagaimanapun, data yang ada menunjukkan jumlah pelajar yang cicir dan terkeluar daripada sekolah di bawah KPM sahaja. Data tidak mengambil kira pelajar yang telah menyambung persekolahan di sekolah-sekolah di luar KPM seperti di Sekolah Agama Negeri, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Swasta, Sekolah Antarabangsa atau ke luar negara. Cabaran KPM adalah untuk mengenal pasti jumlah kecaciran sebenar daripada sistem pendidikan negara dan mengurangkan kadar kecaciran pada semua peringkat pendidikan.

Pendidikan Pelajar Berkeperluan Khas

- 7.18** KPM juga menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar kurang upaya yang terdiri daripada pelajar bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran. Pelajar yang dikategorikan bermasalah pembelajaran ialah mereka yang mengalami masalah kognitif ringan, masalah tingkah laku, autisme, sindrom down, *Attention Deficit Disorder* (ADD), *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) dan masalah pembelajaran khususnya disleksia. Sehingga 2005, terdapat 28 Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK), dua Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK), dua Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan 973 Program Pendidikan Khas Integrasi.
- 7.19** Program Pendidikan Prasekolah Khas diwujudkan pada tahun 2004 di semua SKPK. Dalam tahun 2005, sebanyak 32 Program Pendidikan Khas Integrasi untuk pelajar bermasalah pembelajaran diwujudkan di sekolah harian biasa. Kanak-kanak kurang upaya memasuki sistem pendidikan KPM seawal umur 4+ tahun, iaitu pada peringkat prasekolah jika ada kekosongan. Kanak-kanak kurang upaya yang berusia kurang daripada 4 tahun mendapat pendidikan intervensi awal di pusat kelolaan Kementerian

Kesihatan atau di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau di pusat-pusat kelolaan badan sukarela. PDK juga menyediakan pendidikan kepada pelajar kurang upaya dengan lebih daripada satu jenis kecacatan kerana pada ketika ini, KPM hanya menyediakan pendidikan bagi pelajar yang mempunyai satu jenis kecacatan sahaja serta boleh mengurus diri seperti yang tertakluk dalam Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1995. KPM akan berusaha menyediakan kemudahan yang sesuai agar lebih ramai pelajar kurang upaya yang kini ditempatkan di PDK mendapat pendidikan formal di sekolah-sekolah anjuran KPM.

- 7.20** Kepakaran pendidikan bagi pelajar kurang upaya telah berkembang dengan pesat di negara-negara maju terutama bagi pelajar yang mengalami ADD, ADHD, disleksia atau lain-lain permasalahan. Pelajar ini memerlukan pendekatan spesifik bagi menangani masalah dengan berkesan, contohnya tidak dinaikkan kelas secara automatik. Di samping KPM, terdapat juga sekolah antarabangsa yang menyediakan program bagi pelajar kurang upaya.
- 7.21** KPM perlu mempertimbangkan untuk menyediakan perkhidmatan

pendidikan kepada pelajar kurang upaya yang mempunyai sekurang-kurangnya dua jenis kecacatan dan menambah baik program yang bersesuaian dengan kategori permasalahan pelajar terbabit. KPM juga menghadapi cabaran untuk memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat lebih peluang mengikuti pendidikan aliran akademik dan vokasional.

7.22 KPM perlu menyediakan lebih banyak infrastruktur, kemudahan dan program pendidikan khas yang relevan. KPM akan memperluas dan mempertingkatkan pengisian Program Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran, menyediakan guru pendidikan khas terlatih dan pembantu pengurusan murid yang mencukupi, menyediakan pentaksiran alternatif, menyediakan kemudahan ICT yang sesuai, menjalin perkongsian pintar dengan badan sukarela dan Kementerian lain yang juga menyediakan perkhidmatan untuk pelajar kurang upaya.

7.23 Kanak-kanak pintarcerdas dan berbakat (*gifted and talented*) memerlukan program yang khusus bagi memenuhi keperluan mereka. Cabaran KPM adalah untuk menyediakan kurikulum yang sesuai bagi kanak-kanak pintar cerdas dan menyediakan Sekolah Seni bagi mereka yang berbakat dan cenderung kepada bidang kesenian.

Kemiskinan dalam Bandar

7.24 Golongan berpendapatan rendah di bandar biasanya berada di luar tahap kelayakan untuk diberi bantuan tambahan daripada KPM. Walau bagaimanapun, kos sara hidup yang tinggi di bandar menyebabkan anak-anak daripada kalangan keluarga ini juga memerlukan bantuan sama seperti anak-anak daripada kalangan keluarga miskin di luar bandar. Selain menerima bantuan daripada KPM seperti Buku Teks, Rancangan Makanan Tambahan dan KWAPM, pelajar-pelajar ini juga mendapat bantuan daripada pihak luar KPM. Pihak luar KPM ini termasuklah Pusat Pungutan Zakat, badan-badan korporat dan badan-badan bukan kerajaan. Cabaran KPM adalah untuk menyediakan lebih banyak bantuan bagi pelajar kumpulan ini.

Bantuan dan Program Sokongan

7.25 KPM memperuntukkan lebih daripada RM1.0 bilion setiap tahun bagi membantu pelajar dari keluarga miskin dan golongan kurang upaya melalui pelbagai program bantuan seperti:

Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS)

RMT telah dilaksanakan mulai tahun 1979 sebagai langkah untuk menyediakan bantuan makanan berkhasiat kepada murid miskin. Mulai tahun 2003, murid-murid ini juga menerima susu segar melalui PSS. Kriteria pemilihan murid yang layak menerima RMT dan PSS adalah daripada keluarga berpendapatan kurang RM400 atau per kapita RM80 dan ke bawah. Seramai 700,000 murid menerima RMT manakala anggaran 550,000 murid menerima PSS setiap tahun. Bagi murid negeri Sabah, PSS dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

KWAPM diwujudkan berikutan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib pada tahun 2003 untuk membantu murid miskin membayar yuran dan membeli pakaian seragam agar tidak tercicir daripada sistem persekolahan akibat kemiskinan. Pada tahun 2005, seramai 350,000 murid sekolah rendah diberi bantuan KWAPM.

Bantuan Makanan Asrama

Pada tahun 2005, sebanyak 260,000 pelajar sekolah rendah dan menengah diberi kemudahan makanan asrama. Syarat kelayakan adalah pendapatan isi rumah RM1,000 dan ke bawah.

Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid

KPM menyediakan bantuan perjalanan dan pengangkutan untuk kemudahan pelajar.

Bagi SBP, bantuan diberikan kepada pelajar dalam bentuk tambang pergi dan balik dari rumah ke sekolah dan sebaliknya. Sekolah yang mempunyai asrama harian menggunakan peruntukan ini untuk program lawatan dan sebagai tambang ke sekolah agama atau ke masjid. Bagi sekolah-sekolah lain, bantuan ini digunakan untuk menyokong program lawatan sambil belajar.

Jaket Keselamatan

KPM menyediakan jaket keselamatan kepada pelajar yang menggunakan pengangkutan air untuk ke sekolah. Bagi tahun 2005, KPM telah membekalkan 37,000 unit jaket keselamatan bernilai lebih RM1.4 juta ke sekolah-sekolah.

Elaun Bulanan Pelajar Kurang Upaya

KPM menyediakan Elaun Bulanan Pelajar Kurang Upaya sebanyak RM25 sebulan. Pada tahun 2005, seramai 20,355 pelajar telah menerima bantuan ini.

Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)

SPBT disediakan kepada pelajar daripada keluarga yang pendapatan isi rumah RM2,000 dan ke bawah bagi sekolah kebangsaan serta RM1,000 dan ke bawah bagi sekolah jenis kebangsaan dan sekolah menengah. Mulai tahun 2005, SPBT telah diperluas kepada anak-anak Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

Skim Baucar Tuisyen (SBT)

KPM menyediakan bantuan SBT kepada murid sekolah rendah yang lemah dalam pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sejak dilancarkan pada tahun 2004, seramai 450,000 murid telah menerima bantuan SBT setahun.

Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU)

KPM menganugerahkan BKP dan BKPU kepada pelajar sekolah menengah yang menunjukkan prestasi akademik, kokurikulum dan sukan yang cemerlang. Setiap tahun, dianggarkan 200,000 pelajar dianugerahkan BKP dan 30,000 pelajar dianugerahkan BKPU.

Asrama Harian

KPM menyediakan asrama harian bagi mengurangkan risiko keciciran di kalangan pelajar luar bandar dan pedalaman. Sehingga kini, terdapat 1,371 buah asrama harian yang menempatkan lebih 220,000 pelajar.

JADUAL 7.1 PERUNTUKAN BANTUAN PELAJAR 2006

| | |
|--|----------------------|
| Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin | RM200 juta |
| Biasiswa | RM200 juta |
| Skim Pinjaman Buku Teks | RM160.4 juta |
| Elaun Orang Kurang Upaya | RM6.8 juta |
| Rancangan Makanan Tambahan | RM183.2 juta |
| Program Susu Sekolah | RM21.8 juta |
| Skim Baucar Tuisyen | RM181.9 juta |
| Pelajar Miskin Sekolah Berasrama Penuh | RM2.8 juta |
| Bantuan pengangkutan | RM7.4 juta |
| Bantuan makanan | RM531.6 juta |
| Bantuan jaket keselamatan | RM2 juta |
| JUMLAH | RM 1.5 Bilion |

7.26 Cabaran KPM adalah untuk mengenal pasti dan mengesahkan kesahihan pelajar yang layak diberikan bantuan serta memastikan tidak berlaku pertindihan dalam pemberian bantuan dengan pihak luar KPM. KPM juga sedang berusaha untuk meningkatkan lagi jumlah bantuan kepada pelajar miskin dan meneliti kaedah untuk menambah baik sistem pengagihan bantuan-bantuan ini.

Bantuan Pihak Luar KPM

7.27 Kementerian dan agensi kerajaan yang lain, badan korporat, pihak swasta dan pihak media, Pertubuhan Bukan Kerajaan, parti politik, PIBG dan Alumni banyak memberi sokongan dan bantuan kepada pelajar. Program sokongan dan bantuan yang disediakan adalah:

- bantuan kepada pelajar miskin;
- bantuan bagi program-program akademik;
- bantuan bagi program-program kokurikulum;
- sumbangan perkakasan ICT;
- bantuan bagi melaksanakan acara-acara di sekolah; dan
- program sekolah angkat.

24 jam termasuk membekal genset berkapasiti 30-35 KVa ke sekolah pedalaman, merintis penggunaan *solar hybrid* dan merintis penggunaan empangan mini

- menyediakan bekalan air ke sekolah
- Menambah baik Sekolah Kurang Murid
 - Menilai pelaksanaan Sekolah Pusat bagi tujuan peluasan
 - Mewujudkan norma baru untuk guru di Sekolah Kurang Murid
 - Mengkaji pemberian geran per kapita
- Merapatkan jurang pencapaian akademik
 - menambah bilangan komputer, TV Pendidikan, video *teleconferencing*, SchoolNet, makmal komputer, kemudahan perkakasan, pengisian dan tenaga kerja
- Merapatkan jurang digital
 - Menyediakan makmal komputer
 - Menyediakan Pusat Akses
 - Menambah bilangan komputer
 - Merangkaikan semua sekolah dengan SchoolNet berjalur lebar
 - Pembestarian sekolah luar bandar
 - Menambah baik TV Pendidikan
 - Merintis penggunaan video *teleconferencing*

FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN

7.28 Dalam tempoh PIPP ini, KPM akan merapatkan jurang pendidikan dengan memberi tumpuan kepada fokus dan strategi pelaksanaan seperti berikut:

Membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar

- Menambah baik Program Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Sabah dan Sarawak
 - menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas
 - menyediakan bekalan elektrik

Meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran

- Penguasaan 3M
 - Memperluas Program KIA2M untuk Tahun 1
 - Menambah baik Program Pemulihan Khas Tahap I
 - Menggiatkan Program Gerak Gempur
 - Memperkenalkan program khusus Orang Asli dan suku minoriti
- Pengurangan kadar keciciran
 - Menguatkuasakan Pendidikan Wajib
 - Memperluas MPV di Sekolah Menengah Harian
 - Memperbanyak program motivasi
 - Menjalinkan pemuafakatan antara warga sekolah, keluarga dan komuniti
 - Memperkenalkan pentaksiran dan penilaian yang sesuai
 - Menyediakan sistem penyampaian alternatif berorientasikan *emotional quotient* (EQ) dan kebolehan murid
 - Memperatkan kerjasama dengan pihak luar KPM dalam mengenal pasti punca dan cara mengatasi keciciran
- Pemantapan program pendidikan bagi pelajar kurang upaya

- Membuka kelas khas bagi murid autisme dan ADHD serta yang mempunyai dua kecacatan
- Memantapkan program pendidikan khas inklusif
- Menghasilkan kaedah penilaian yang diiktiraf
- Menyediakan perkhidmatan pendidikan khas kepada kanak-kanak dari umur satu hari di pusat perkhidmatan
- Meminda Peraturan- Peraturan Pendidikan Khas 1997 untuk menerima pelajar dua kecacatan
- Memantapkan instrumen saringan untuk kenal pasti murid berkeperluan khas
- Menyediakan kemudahan pengangkutan untuk murid pendidikan khas
- Mengeratkan kerjasama antara KPM, Kem. Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kem. Kesihatan, KPT dan Kem. Sumber Manusia
- Penyediaan pendidikan bagi pelajar mengikut keperluan
 - Mewujudkan Sekolah Seni
 - Merintis program khusus bagi pelajar pintar cerdas dan berbakat
 - Mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi mengadakan program pendidikan untuk kanak-kanak yang direman dan mencadangkan Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
 - Menyediakan kemudahan pendidikan kepada pelajar yang kini berada di Pusat Pemulihan Komuniti

Meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman

- Peningkatan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman
 - Mewajibkan guru baru berkhidmat di kawasan pedalaman
 - Menambah baik insentif khusus kepada guru yang berkhidmat di pedalaman
 - Menyediakan asurans kepada guru-guru yang berkhidmat di luar bandar
 - Menyediakan rumah guru dan kemudahan asas yang sempurna

Menambah baik sistem pengagihan bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti

- Pemantapan sistem pengagihan bantuan
 - Memantapkan Sistem Maklumat Murid (SMM)
 - Memantau pelaksanaan program bantuan secara berterusan
 - Menilai impak program secara berkala
 - Mewujudkan Majlis Tindakan Pendidikan Daerah (MTPD)

- Mengukuhkan kerjasama antara sekolah, sektor awam dan swasta

PENUTUP

7.29 Jurang pendidikan terutamanya antara bandar dan luar bandar merupakan tinggalan sejarah pembangunan pendidikan yang tidak setara antara lokasi. Fenomena ini amat merugikan pelajar berkaitan serta boleh menjejaskan perpaduan, pembangunan tenaga manusia, keharmonian dan kemajuan negara. Oleh itu, KPM sentiasa memberi penekanan bagi merapatkan jurang tersebut dengan melaksanakan pelbagai usaha secara serentak dan berterusan.

Jadual 7.2 Penyediaan Infrastruktur dalam RMKe-9 bagi Merapatkan Jurang Pendidikan

| Merapatkan Jurang Pendidikan | Anggaran Bilangan Projek* | | | | | Jumlah Projek | Jumlah Kos |
|--|---------------------------|------------|------------|------------|-----------|---------------|----------------------|
| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | | |
| Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Minimum | | | | | | | |
| Bekalan air | 193 | – | – | – | – | 193 | 48,250,000 |
| Bekalan elektrik | 167 | 98 | – | – | – | 265 | 32,060,000 |
| Bilik darjah | – | 706 | – | – | – | 706 | 259,120,000 |
| Rumah guru | 393 | 20 | – | – | – | 413 | 119,770,000 |
| Jumlah | 753 | 824 | – | – | – | 1,577 | 459,200,000 |
| Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Minimum | | | | | | | |
| Bekalan elektrik | 399 | – | – | – | – | 399 | 48,210,000 |
| Sekolah Rendah L/B | 21 | 46 | 29 | – | – | 96 | 553,120,000 |
| Sekolah Menengah L/B | – | 1 | 2 | – | – | 3 | 35,000,000 |
| Asrama Sekolah Harian | 6 | – | 1 | – | – | 7 | 49,000,000 |
| Rumah guru | – | 1 | – | – | – | 1 | 2,970,000 |
| Jumlah | 426 | 48 | 32 | – | – | 506 | 688,300,000 |
| Projek Pengkomputeran bagi P&P | 3 | 8 | – | – | – | 11 | 2,044,800,000 |
| Projek Ubah Suai Naik Taraf | | | | | | | |
| Sekolah Rendah | 947 | 545 | 684 | 264 | – | 2,440 | 722,805,000 |
| Sekolah Menengah | 400 | 183 | 228 | 136 | – | 947 | 509,080,000 |
| Kemudahan SMT | 56 | – | – | – | – | 56 | 22,000,000 |
| Keperluan khusus | – | – | – | – | – | 1 | 203,500,000 |
| Jumlah | 1,403 | 728 | 912 | 400 | – | 3,444 | 1,458,385,000 |
| Asrama Sekolah Harian | | | | | | | |
| Projek baru | – | 19 | 92 | 6 | 4 | 121 | 552,830,000 |
| Projek tambahan | 1 | 15 | 55 | – | 2 | 73 | 278,477,000 |
| Projek gantian | 3 | 33 | 83 | 2 | 6 | 127 | 528,593,000 |
| Jumlah | 4 | 67 | 230 | 8 | 12 | 321 | 1,359,900,000 |

*Anggaran bilangan projek merujuk kepada tahun projek dimulakan

Jadual 7.3 Strategi Pelaksanaan bagi Merapatkan Jurang Pendidikan

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|---|--|---|---|---|------------------|
| Membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar | <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik Program Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Sabah & Sarawak | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas melalui projek: <ul style="list-style-type: none"> Bilik darjah - 805 sekolah dan 5,138 bilik darjah Asrama - 2,800 kapasiti penghuni Rumah guru - 414 projek, 841 unit Menyediakan bekalan elektrik 24 jam ke 664 sekolah rendah Menyediakan bekalan air ke 193 sekolah | <ul style="list-style-type: none"> Peratus gantian/naik taraf bilik darjah bagi sekolah yang dikenal pasti | 100% | 2010 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Peratus penyediaan asrama yang dikenal pasti | 100% | 2010 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Peratus penyediaan rumah guru yang dikenal pasti | 100% | 2010 |
| | | | Peratus sekolah menerima bekalan elektrik | 100% | 2007 |
| | | | Peratus sekolah menerima bekalan air bersih | 100% | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik Sekolah Kurang Murid | <ul style="list-style-type: none"> Menilai pelaksanaan Sekolah Pusat bagi tujuan peluasan Mewujudkan norma baru untuk guru di Sekolah Kurang Murid Mengkaji pemberian geran per kapita | Kajian dijalankan | Laporan kajian | 2007 |
| | | | Pelaksanaan norma perjawatan guru | Norma baru dilaksanakan | 2007 |
| | | | Pemberian geran per kapita | Kadar PCG baru | 2006 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Merapatkan jurang pencapaian akademik | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan guru terlatih yang mencukupi mengikut opsyen | Pencapaian peperiksaan awam | Tiada perbezaan signifikan dalam peperiksaan awam antara lokasi | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Merapatkan jurang digital | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan makmal komputer Menyediakan Pusat Akses Menambah bilangan komputer Merangkaikan semua sekolah dengan SchoolNet berjalur lebar Pembestarian sekolah luar bandar Menambah baik TV Pendidikan Merintis penggunaan video <i>teleconferencing</i> | <ul style="list-style-type: none"> Nisbah komputer : pelajar Nisbah komputer : guru | 1 :20 1 : 2 | 2010 |
| Meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran | <ul style="list-style-type: none"> Penguasaan 3M | <ul style="list-style-type: none"> Memperluas Program KIA2M | Pelaksanaan Program KIA2M | 100% | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik Program Pemulihan Khas | Tiada perbezaan dalam penguasaan tahap minimum pencapaian 3M | 100% | 2010 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN | | |
|--|---|---|--|---|--|--|---|
| | | • Menggiatkan Program Gerak Gempur | Bilangan program | Peningkatan | 2007 | | |
| | | • Memperkenal program khusus kepada Orang Asli dan suku minoriti | Kanak-kanak Orang Asli dan Kaum Minoriti | 100% | 2008 | | |
| | | • Mengkaji pemberian per kapita pemulihan | Per kapita geran pemulihan | Terhasil | 100% | | |
| | | • Mewujudkan program khas berorientasikan minat dan kebolehan pelajar | Program Pemulihan Khas di SM Rendah | Wujud program | 2008 | | |
| | • Pengurangan kadar keciciran | • Menguatkuasakan Pendidikan Wajib bagi memastikan kanak-kanak 6+ tahun bersekolah | • Peratus penyertaan - SR - SM | Peningkatan | 2010 | | |
| | | | • Peratus keciciran SR | Pengurangan | 2010 | | |
| | | • Memperluas MPV di Sekolah Menengah Harian | Bilangan sekolah | Tambahan 600 sekolah menawarkan MPV | 2009 | | |
| | | | Kadar transisi SR ke SM | 100% | 2010 | | |
| | | | • Memperbanyak program motivasi | • Menjalin pemuafakatan antara warga sekolah, keluarga dan komuniti | • Memperkenalkan pentaksiran dan penilaian yang sesuai | • Menyediakan sistem penyampaian alternatif berorientasikan EQ dan kebolehan murid | • Mempereratkan kerjasama dengan pihak luar KPM dalam mengenal pasti punca dan cara mengatasi keciciran |
| | | | | | | | |
| | • Pemantapan program pendidikan bagi pelajar orang kurang upaya | • Membuka kelas khas bagi murid autisme dan ADHD serta yang mempunyai dua kecacatan | Peratus penyertaan pelajar OKU sehingga SM | 100% | 2010 | | |
| | | | Peratus penyertaan | 100% | 2010 | | |
| | | | Penilaian alternatif | Diwujudkan | 2010 | | |
| Perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak bagi kanak-kanak khas | | | Terlaksana | 2007 | | | |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|--|--|-------------------------|------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Meminda Peraturan- Peraturan Pendidikan Khas 1997 untuk menerima pelajar dua kecacatan | Pindaan Peraturan | Digubal | 2008 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan instrumen saringan untuk kenal pasti murid berkeperluan khas | Instrumen saringan baru | Terhasil | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan kemudahan pengangkutan untuk murid pendidikan khas | Pengangkutan untuk murid pendidikan khas | Wujud | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Mengeratkan kerjasama antara KPM, KPWK, Kem. Kesihatan, KPT dan Kem. Sumber Manusia | Bilangan Program | Peningkatan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Menjadikan sekolah mesra orang kurang upaya | Peratus Sekolah mesra OKU | 10% setiap tahun | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Melatih guru dalam bidang kemahiran dan kategori permasalahan | Bilangan guru | Peningkatan | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan pendidikan bagi pelajar mengikut keperluan | <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan Sekolah Seni • Merintis program khusus bagi pelajar pintar cerdas dan berbakat | Bilangan Sekolah Seni | 2 | 2010 |
| | | | Peratus ambilan pelajar pintar dan berbakat | Menepati keperluan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan kerjasama dengan KPWK & KDN • Menyediakan kemudahan pendidikan kepada pelajar yang kini berada di Pusat Pemulihan Komuniti | Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) | SP rendah & HSP Tkt 1 | 2006 |
| | | | | SP menengah & HSP Tkt 2 | 2007 |
| | | | | HSP Tkt 3 | 2008 |
| | | | | HSP Tkt 4 | 2009 |
| | | | | HSP Tkt 5 | 2010 |
| | | Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 | Pindaan Akta | 2008 | |
| Program Intervensi Khas | Terhasil | 2007 | | | |
| Meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman | Peningkatan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman | <ul style="list-style-type: none"> • Mewajibkan guru baru berkhidmat di kawasan pedalaman | Bilangan guru terlatih mengikut opsyen | Peningkatan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Menambah baik insentif khusus kepada guru berkhidmat di pedalaman | Insentif khusus | Wujud | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan asurans kepada guru-guru berkhidmat di luar bandar | Skim Asurans | Disediakan | 2007 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|--------------------------------------|--|--|----------------------|------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan rumah guru dan kemudahan asas yang sempurna | Peratus rumah guru dan kemudahan asas | Peningkatan | 2007 |
| Menambah baik sistem pengagihan bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti | Pemantapan sistem pengagihan bantuan | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan Sistem Maklumat Murid (SMM) | Peratus pelajar layak yang terima bantuan secara pakej | 100% | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memantau pelaksanaan program bantuan secara berterusan | Kajian Penilaian | Laporan Kajian | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menilai impak program secara berkala | Kajian Impak | Laporan Kajian | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Majlis Tindakan Pendidikan Daerah (MTPD) | MTPD | Wujud | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengukuhkan kerjasama antara sekolah, sektor awam dan swasta | Bilangan program | Peningkatan | 2007 |

BAB 8

MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN

- PENGENALAN
- DASAR DAN MATLAMAT
- STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKe-9
- FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN
- PENUTUP



BAB 8

MEMARTABATKAN
PROFESION KEGURUAN

"Hasrat kita adalah untuk memastikan bukan sahaja kita dapat melahirkan guru yang berkualiti, tetapi lebih jauh daripada itu, iaitu untuk memastikan mereka yang berkualiti ini kekal di dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka."

(YB Dato' Sri Hishammuddin
Tun Hussein
Perutusan Tahun Baru 2006)

PENGENALAN

8.01 Pendidikan merupakan salah satu faktor utama dalam mencapai Misi Nasional dan guru memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan ini. Justeru itu, guru perlu memahami, memberi komitmen dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan inisiatif dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

"...as the most significant and costly resource in schools, teachers are central to school improvement efforts. Improving the efficiency and equity of schooling depends, in large measure, on ensuring that competent people want to work as teachers, that their teaching is of high quality, and that all students have access to high quality teaching."

(Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), 2005)

8.02 Peredaran masa membawa perubahan dan cabaran terhadap profesion keguruan termasuk pengubahsuaian fungsi dan peranan guru. Peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudahcara dalam p&p, agen perubahan dan sumber inspirasi kepada pelajar. Guru harus kreatif dan inovatif untuk menjadikan sistem penyampaian p&p menjadi efektif, menarik dan menyeronokkan.

DASAR DAN MATLAMAT

8.03 Dasar KPM adalah untuk memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti guru, kerjaya guru dan kebajikan guru. Matlamat KPM adalah untuk menjadikan profesion keguruan dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipikul dalam pembinaan generasi masa hadapan negara.

8.04 Bagi mencapai matlamat dan dasar tersebut, fokus memartabatkan profesion keguruan adalah:

- menambah baik sistem pemilihan calon guru;
- memantapkan latihan perguruan;
- memantapkan kerjaya guru;
- menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru; dan
- memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia.

8.05 KPM berhasrat bukan sahaja melahirkan guru yang berkualiti, tetapi juga memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Mulai tahun 2005, syarat-syarat pengambilan calon guru diperketatkan bagi memastikan KPM mendapat hanya calon guru yang berkualiti bagi profesion ini. Usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru-guru berkualiti dalam profesion keguruan ini akan dimantapkan lagi dengan menaiktarafkan maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG), dan meneruskan pelbagai latihan dalam perkhidmatan di Institut Aminuddin Baki (IAB). Dalam masa yang sama, usaha diteruskan bagi menambah baik laluan kerjaya dan kebajikan guru.

8.06 KPM juga akan melahirkan guru Pendidikan Islam yang berkualiti dan berkesan dengan menubuhkan Institut Pembangunan Pendidikan Islam (IPPI) yang telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri semasa menutup Majlis Khatam Al-Quran Perdana Sekolah-Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Kali Pertama 2006. IPPI yang dicadangkan ialah sebuah institusi penyelidikan, latihan dan pengajian yang bertanggungjawab terhadap perkembangan, pembangunan dan kemajuan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Malaysia.

STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKE-9

8.07 Pada tahun 2005, terdapat lebih kurang 327,000 orang guru iaitu 58.2 peratus di sekolah rendah dan 41.8 peratus di sekolah menengah. Daripada segi kelulusan akademik, 38.0 peratus adalah guru siswazah dan 56.4 peratus guru bukan siswazah. Manakala 5.60 peratus adalah guruambilan secara kontrak atau mereka yang tidak mempunyai latihan perguruan. Sebanyak 6.1 peratus guru sekolah rendah dan 82.4 peratus guru sekolah menengah adalah guru siswazah. Cabaran KPM adalah untuk meningkatkan kelayakan guru dengan sasaran 50 peratus guru di sekolah rendah dan 100 peratus guru di sekolah menengah terdiri daripada siswazah terlatih menjelang tahun 2010.

8.08 KPM telah mencipta sejarah baru dengan menaik taraf maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru seperti yang diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Julai 2005. Dalam usaha meningkatkan jumlah guru siswazah dan menyediakan guru yang berkualiti, peranan IPG telah diperkembangkan untuk melatih guru pada peringkat ijazah berbanding dengan hanya pada peringkat sijil dan diploma. IPG memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan pra dan dalam perkhidmatan. Kini, terdapat 27 IPG di seluruh negara dengan bilangan pensyarah 3,129 orang dan enrolmen 28,755. Dalam usaha untuk meningkatkan kelayakan guru ke tahap siswazah dan memastikan tenaga pengajar berkualiti, satu garis panduan iaitu *Malaysian Quality Framework* digunakan. Cabaran KPM adalah untuk menjenamakan dan merangkaikan IPG dengan universiti dan kolej terkenal di luar negara serta dalam negeri seperti mewujudkan Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Program Berkembar Praperkhidmatan (B.Ed TESL) dan Program Bahasa-Bahasa Antarabangsa.

8.09 Dalam usaha menghasilkan guru yang cemerlang, berkualiti dan bertaraf dunia, pemilihan calon guru pelatih

yang berminat dalam profesion keguruan dibuat dengan teliti. Cabaran KPM adalah bagi memantapkan sistem pemilihan calon guru pelatih supaya mereka yang berminat dan mempunyai sahsiah yang baik sahaja dipilih. Langkah-langkah inovatif juga akan dipergiatkan bagi menarik lebih ramai pelajar cemerlang menyertai profesion keguruan.

8.10 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2006 telah meluluskan Memorandum Bersama KPM dan KPTM yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dan penyelarasan antara Kementerian dalam latihan keguruan dan keluaran guru. Memorandum ini juga telah meluluskan norma guru daripada 1.5n yang diguna pakai sejak 1982 kepada 1.7n (n ialah bilangan kelas). Peningkatan norma ini adalah satu kejayaan kepada KPM dalam usaha mengurangkan beban tugas guru seperti yang disyorkan dalam Laporan Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru yang dijalankan oleh KPM.

8.11 KPM juga berusaha untuk menangani masalah ketidaksepadanan (*mismatch*) antara opsyen semasa latihan dengan keperluan mata pelajaran yang diajar di sekolah terutama mata pelajaran kritikal. Cabaran KPM adalah untuk memastikan jurang ketidaksepadanan

ini diatasi. Antara usaha yang diambil adalah dengan mengawal jumlah pengambilan ke program bidang pendidikan di IPG dan IPT. Pendekatan ini juga untuk memastikan tidak berlakunya masalah graduan menganggur.

8.12 Kerajaan sentiasa berusaha agar keperluan dan kemudahan guru dipenuhi. Bagi memastikan keselesaan ketika menjalankan tugas, persekitaran kerja dipertingkatkan supaya lebih kondusif. Kesanggupan dan pengorbanan guru untuk mendidik anak luar bandar perlu diberi pengiktirafan dan sokongan. Kemudahan tempat tinggal terutama di kawasan pedalaman dan bandar besar akan disediakan secukupnya. Cabaran KPM adalah untuk membina lebih banyak rumah guru dan menyediakan kemudahan asas terutamanya di kawasan pedalaman.

8.13 Bagi menjaga kebajikan guru, pada tahun 2005 KPM telah melancarkan dasar pemberian Skim Pinjaman Buku Teks kepada anak-anak guru dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan termasuk yang telah bersara atau telah meninggal dunia. Cabaran KPM adalah untuk memastikan kebajikan guru sentiasa diberikan perhatian.

8.14 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) yang melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana dan kedoktoran juga tidak mendapat pengiktirafan yang setimpal terutamanya yang berkhidmat pada peringkat pengurusan. Malah kepakaran mereka tidak diiktiraf berbanding dengan guru cemerlang dan guru pakar yang mengajar di sekolah. Cabaran KPM adalah untuk menyediakan insentif yang sewajar dengan kelayakan dan kepakaran seseorang bagi mengelakkan pengaliran keluar PPPS yang berpengalaman dan berkelulusan tinggi. Bilangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkhidmat di Jabatan/Bahagian di KPM seramai 1,549 orang iaitu 1,086 adalah siswazah dan 453 bukan siswazah. Bilangan pegawai PPPS di JPN dan PPD/G adalah seramai 2,730 orang iaitu 1,884 siswazah dan 846 bukan siswazah. Cabaran KPM adalah untuk memastikan pegawai-pegawai diberi peluang menikmati laluan kerjaya yang lebih menarik dan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN

8.15 Dalam tempoh PIPP ini, KPM akan memartabatkan profesion keguruan dengan memberi tumpuan kepada fokus dan strategi pelaksanaan berikut:

Menambah baik sistem pemilihan calon guru

- Memperketat syarat dan kriteria pengambilan calon
 - Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia (*Malaysian Teachers Selection Test - MTeST*), temu duga individu dan berkumpulan serta ujian bertulis Bahasa Inggeris
 - Syarat tambahan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) yang bersesuaian dengan keperluan opsyen
 - Pemilihan Guru Siswazah Sandaran Terlatih melalui iklan dan tapisan rapi
 - Pemantapan proses perlantikan dan pengesahan PPPS oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi memastikan setiap guru mencapai standard minimum

Memantapkan latihan perguruan

- Menaik taraf maktab perguruan kepada IPG yang menawarkan program pada peringkat ijazah sarjana muda pendidikan
- Mereka bentuk dan menggubal Kurikulum IPG secara berpusat dan mendapat kelulusan Majlis Kurikulum Pendidikan Guru
 - Memberi penekanan kepada elemen baru dalam kurikulum pendidikan guru
 - Membangunkan infrastruktur yang meliputi Pusat Maklumat Latihan Keguruan, Sistem Penyaluran, Rangkaian ICT, *Portal* Pendidikan Guru dan *Total Campus Management System*
 - Memantapkan profesionalisme keguruan dengan memberi latihan dalam aspek pedagogi, kokurikulum, ICT, penyelidikan dan *pastoral care*
 - Memastikan setiap IPG mempunyai pengkhususan bidang tertentu iaitu Teknologi Maklumat, Bahasa, Sains dan Matematik, Sains Sosial, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Islam, Teknik dan Vokasional, dan Pendidikan Khas
 - Memberi penekanan kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi menjadikan penyelidikan sebagai budaya kerja pendidik guru
 - Mempereratkan kerjasama dengan KPTM dan semua IPT yang menawarkan program ijazah pendidikan untuk memastikan penggubalan kurikulum pendidikan guru dibuat menepati kehendak dan keperluan sistem pendidikan negara

- Memperkasakan peranan IAB untuk kursus dalam perkhidmatan bagi membina sumber tenaga pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang terbaik ke arah meningkatkan profesionalisme guru
- Meningkatkan kelayakan tenaga pengajar IPG dengan mengadakan Program Peningkatan Akademik PPP yang dijalankan secara sepenuh masa, Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) serta gabungan PJJ dan sepenuh masa
- Meningkatkan pemantapan dan peluasan kursus dan latihan
- Meluaskan dan meningkat R&D

Memantapkan kerjaya guru

- Menambah baik penjawatan guru
- Menambah perjawatan dan peluasan naik pangkat untuk PPPS di KPM / JPN / PPD/G

Menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru

- Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif
 - Menyediakan kemudahan tempat tinggal yang mencukupi di kawasan pedalaman, luar bandar dan bandar melalui pembinaan rumah guru baru dan membaik pulih rumah guru sedia ada

- Memperkasa peranan Yayasan Guru Malaysia untuk meningkatkan inisiatif menjaga dan memelihara kepentingan dan kebajikan guru
- Mensifarkan GSTT
- Memantapkan pelaksanaan Guru Simpanan
- Mewujudkan tambahan jawatan kumpulan sokongan bagi mengurangkan beban tugas dan tanggungjawab guru dalam kerja-kerja pentadbiran
- Mengkaji keperluan kemudahan asurans bagi guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman
- Menyediakan kemudahan bilik guru dan bilik darjah yang kondusif untuk meningkatkan kualiti kerja dan p&p melalui projek naik taraf, bangunan tambahan dan pembinaan baru
- Menempatkan guru mengikut opsyen dan keperluan
 - Menyediakan perancangan bagi mengatasi masalah kekurangan guru mengikut opsyen
 - Menyediakan data dan unjuran bilangan guru yang tidak mencukupi mengikut opsyen dan lokasi

Memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia

- Penyediaan mekanisme bekalan guru
 - Mewujudkan kerjasama dengan IPT tentang latihan guru
 - Memantapkan mekanisme unjuran guru
 - Menambahbaik sistem maklumat guru
 - Mewajibkan guru baru berkhidmat di kawasan pedalaman

PENUTUP

8.16 Perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan hari ini menuntut perubahan perspektif masyarakat terhadap profesion keguruan. Profesion keguruan tidak boleh dianggap sebagai satu kerjaya yang boleh diceburi oleh sesiapa sahaja. Hanya mereka yang mempunyai kualiti, keterampilan, kewibawaan, kelayakan, minat, iltizam dan berjiwa pendidik layak menjadi guru. Di samping menuntut kesungguhan dan tanggungjawab guru, pemantapan kebajikan dan kerjaya akan terus diberi penekanan. Skim perkhidmatan guru akan terus diperbaiki bermula daripada pengambilan, latihan dan penempatan bagi memastikan guru-guru berpeluang menikmati skim yang setara atau lebih baik daripada skim perkhidmatan lain. Pendekatan ini akan meningkatkan persepsi masyarakat terhadap profesion keguruan dan sekali gus memartabatkan profesion ini.

Jadual 8.1 Pelaksanaan Projek Pendidikan Guru dalam RMKe-9

| Pendidikan Guru | *Anggaran Bilangan Projek | | | | | Jumlah Projek | Jumlah Kos |
|--|---------------------------|------------|------------|------------|-----------|---------------|--------------------|
| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | | |
| ELTEC | 1 | - | - | - | - | 1 | 80,000,000 |
| TELTraC | 1 | - | - | - | - | 1 | 10,000,000 |
| Projek tambahan dan gantian | - | 8 | - | - | - | 8 | 330,000,000 |
| <i>Teaching Schools</i> | 4 | - | - | - | - | 4 | 20,000,000 |
| Prasekolah di IPG | - | 10 | - | - | - | 10 | 1,000,000 |
| Projek ICT di IPG (27 IPG) | - | 1 | - | - | - | 1 | 54,000,000 |
| Buku dan bahan rujukan (27 IPG) | 1 | - | - | - | - | 1 | 14,000,000 |
| Jumlah | 7 | 19 | - | - | - | 26 | 509,000,000 |
| Kuarters Pendidikan | | | | | | | |
| Projek baru | - | 68 | 68 | 69 | - | 205 | 379,124,000 |
| Projek tambahan | 28 | 29 | 29 | 29 | 29 | 144 | 182,872,000 |
| Projek gantian | 27 | 27 | 27 | 28 | 28 | 137 | 147,224,000 |
| Projek sambungan | 18 | - | - | - | - | 18 | 26,863,823 |
| Jumlah | 73 | 124 | 124 | 126 | 57 | 504 | 736,083,823 |
| Ubah Suai Naik Taraf | | | | | | | |
| Maktab | 13 | 6 | - | - | - | 19 | 50,220,000 |
| Institut Aminuddin Baki | | | | | | | |
| IAB baru | 1 | 1 | - | - | - | 2 | 280,000,000 |
| Bangunan asrama IAB utara | - | 1 | - | - | - | 1 | 20,000,000 |
| Bangunan tambahan kuarters staf & kemudahan lain | - | 1 | - | - | - | 1 | 10,000,000 |
| Jumlah | 1 | 3 | - | - | - | 4 | 310,000,000 |

*Anggaran bilangan projek merujuk tahun projek dimulakan

Jadual 8.2 Strategi Pelaksanaan bagi Memartabatkan Profesion Keguruan

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|---|--|--|---|----------------------|------------------------------|
| Menambah baik sistem pemilihan calon guru | Memperketat syarat dan kriteria pengambilan calon guru | <ul style="list-style-type: none"> Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI): <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai ijazah yang tepat dengan bidang dipohon Menduduki Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia (MteST) Aktif dalam bidang ko-kurikulum Melepassi tapisan keselamatan Bebas dari penyalahgunaan dadah Melepassi temu duga individu Melepassi temu duga kumpulan | Menepati syarat dan kriteria yang ditetapkan | 100% | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Program Kursus Perguruan Bagi Lelasan Sijil Pelajaran Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> Mendapat sekurang-kurangnya 6 kepujian di peringkat SPM dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik atau Matematik Tambahan, Sejarah, Fizik atau Kimia atau Biologi atau Kejuruteraan Awam atau Kejuruteraan Elektrik & Elektronik atau Kejuruteraan Mekanikal atau Teknologi Kejuruteraan atau Lukisan Kejuruteraan atau Sains atau Sains Tambahan dan satu mata pelajaran lain Aktif dalam bidang ko-kurikulum Kelayakan akademik cemerlang Menduduki Ujian Inventori Sahsiah Guru Ujian bertulis Bahasa Inggeris Melepassi temu duga individu Melepassi temu duga kumpulan | Menepati syarat dan kriteria yang ditetapkan | 100% | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Pemantapan proses pelantikan dan pengesahan PPPS oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi memastikan setiap guru mencapai standard minimum | Standard Minimum Pengesahan Jawatan | Diwujudkan | 2007 |
| Memantapkan latihan perguruan | <ul style="list-style-type: none"> Menaik taraf maktab perguruan kepada IPG | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan projek tambahan & gantian maktab Melaksanakan projek ubahsuai dan naik taraf | Bilangan maktab perguruan yang dapat dinaikkan taraf ke IPG | 8 buah | 2010 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|-------|---|--|-------------------------------------|-----------------------------|------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membina <i>Teaching School</i> dan melaksanakan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan sepenuhnya di IPG Membina prasekolah Melaksanakan Projek ICT/Jaringan Kampus | Peratus graduan IPG yang dihasilkan | Seperti disasarkan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membuat Pindaan Akta Pendidikan | Pindaan Akta | Digazet | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menambahbaikkan skim perkhidmatan tenaga pengajar | Skim Tenaga Pengajar | Seperti disasarkan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan IPG | Jenama mengikut bidang kursus | 8 buah | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Mereka bentuk dan menggubal Kurikulum IPG secara berpusat dan mendapat kelulusan Majlis Kurikulum Pendidikan Guru | <ul style="list-style-type: none"> Memberi penekanan kepada elemen baru dalam kurikulum pendidikan guru iaitu dengan mewajibkan semua guru pelatih: <ul style="list-style-type: none"> mengikuti program Bina Insan Guru (BIG) mengambil <i>major</i> dan dua <i>minor</i> iaitu dengan Pendidikan Jasmani sebagai <i>minor</i> wajib mengikuti praktikum setiap tahun mengikuti kokurikulum setiap semester menggunakan kaedah <i>learning management system</i> | Elemen Baru | Dilaksanakan | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membangunkan infostruktur yang meliputi Pusat Maklumat Latihan Keguruan, Sistem Penyaluran, Rangkaian ICT, Portal Pendidikan Guru dan <i>Total Campus Management System</i> | Infostruktur | Dibangunkan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan profesionalisme keguruan dengan memberi latihan dalam aspek pedagogi, kokurikulum, ICT, penyelidikan dan <i>pastoral care</i> | Instrumen keberkesanan guru | Dihasilkan dan dilaksanakan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan setiap IPG mempunyai pengkhususan bidang tertentu iaitu Teknologi Maklumat, Bahasa, Sains dan Matematik, Sains Sosial, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Islam, Teknik dan Vokasional dan Pendidikan Khas | Pengkhususan bidang | Kecemerlangan bidang khusus | 2007 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|-------|---|--|--|--|------------------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memberi penekanan kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi menjadikan penyelidikan sebagai budaya kerja pendidik guru Mempereratkan kerjasama dengan KPTM dan semua IPT yang menawarkan program ijazah pendidikan untuk memastikan penggubalan kurikulum pendidikan guru dibuat menepati kehendak dan keperluan sistem pendidikan negara Memperkasa peranan IAB untuk kursus dalam perkhidmatan bagi membina sumber tenaga pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang terbaik dan meningkatkan profesionalisme guru Meningkatkan kelayakan tenaga pengajar IPG dengan mengadakan Program Peningkatan Akademik PPP yang dijalankan secara sepenuh masa, PJJ dan gabungan PJJ dan sepenuh masa | Bilangan R&D | Peningkatan | 2007 |
| | | | Latihan berkesan | Peningkatan | 2006 |
| | | | Bilangan Tenaga Pengajar Berkelayakan | Peningkatan | Berterusan |
| | Peningkatan, pemantapan dan peluasan kursus dan latihan | Menjalankan pelbagai kursus dan latihan | <ul style="list-style-type: none"> Peratus personel mengikuti kursus dan latihan mengikut ketetapan Peratus guru besar dan guru yang mengikuti program pensiswazahan | 100% | 2006 |
| | | | | Peningkatan | 2010 |
| | Peluasan dan peningkatan bidang R&D | Meningkatkan R&D/kajian impak/penilaian/kajian tindakan | Peratus peningkatan R&D | Peningkatan | 2006-2010 |
| | Memantapkan Kerjaya guru | Penambahbaikan perjawatan guru | Menambahkan kuota bagi gred kenaikan pangkat Pengetua Cemerlang dari gred DG48 hingga ke Gred Jusa C dan Guru Cemerlang dari gred DG44 hingga ke Gred Khas C | Kadar kenaikan pangkat mengikut kuota baru | Seperti disasarkan |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|-------|---|--|--|----------------------|------------------------------|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Penambahan perjawatan dan peluasan naik pangkat untuk PPPS di KPM/JPN/PPD/G | <ul style="list-style-type: none"> • Memperluas konsep Pengetua Cemerlang Jusa C dan Guru Cemerlang Gred Khas C IPG dan Kolej Matrikulasi • Menetapkan sekurang-kurangnya seorang Guru Cemerlang bagi setiap sekolah menengah pada gred DG44 • Menambahkan kuota Guru Cemerlang PPPLD gred DGA32 • Menambahkan gred kenaikan pangkat Guru Cemerlang PPPLD sehingga ke gred DGA34 • Mewujudkan gred kenaikan pangkat kepada PPP di KPM/JPN • Mewujudkan pelan pembangunan staf, guru cemerlang dan staf sokongan • Menyediakan laluan <i>fast track</i> untuk DG berasaskan merit dan prestasi, bukan hanya menggunakan kekananan sebagai asas utama • Mewujudkan gred baru Guru Besar Cemerlang DG41 • Mewujudkan dasar yang lebih jelas bagi program pensiswazahan • Menyediakan unjuran jangka panjang bagi program sarjana dan PhD • Menyediakan kaedah kenaikan pangkat untuk mempercepatkan KUP pegawai di KPM/JPN memegang jawatan hakiki (dalam tempoh 2 tahun) • Menambah baik norma perjawatan guru • Elaun kepada guru tugas-tugas khas • Mengkaji cuti rehat dan waktu bekerja guru | Bilangan Jusa C | Peningkatan | 2007 |
| | | | Bilangan Guru Cemerlang | Peningkatan | 2007 |
| | | | Kadar kenaikan pangkat mengikut kuota baru | Seperti disasarkan | 2007 |
| | | | Kadar kenaikan pangkat mengikut kuota baru | Seperti disasarkan | 2007 |
| | | | Dasar baru | Dilaksanakan | 2007 |
| | | | Pelan Pembangunan Staf | Terhasil | 2007 |
| | | | Dasar baru | Dilaksanakan | 2007 |
| | | | Gred baru | Dilaksanakan | 2007 |
| | | | Dasar baru | Terhasil | 2007 |
| | | | Unjuran | Terhasil | 2007 |
| | | | Dasar baru | Terhasil | 2007 |
| | | | Norma baru | 1:1.7 | 2010 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN (2006-2010) |
|---|---|---|--|--|------------------------------|
| Menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru | <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan persekitaran kerja yang kondusif | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan kemudahan tempat tinggal yang mencukupi di luar bandar, pedalaman dan bandar besar melalui pembinaan kuarters baru dan membaik pulih kuarters sedia ada Memperkasa peranan Yayasan Guru Mensifarkan GSTT Memantapkan pelaksanaan Simpanan Guru Mewujudkan tambahan jawatan kumpulan sokongan bagi membantu guru membuat kerja-kerja pentadbiran Mengkaji keperluan kemudahan asurans bagi guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman Menyediakan kemudahan bilik guru dan bilik darjah yang kondusif untuk meningkatkan kualiti kerja dan p&p melalui projek naik taraf, bangunan tambahan dan pembinaan baru | <ul style="list-style-type: none"> Peratus guru yang layak mendapat kemudahan Bilangan projek rumah guru | 80% | 2010 |
| | | | Bilangan GSTT | <1 % | 2010 |
| | | | Setiap daerah ada Guru Simpanan | Terhasil | 2010 |
| | | | Norma perjawatan Anggota Kakitangan Sokongan | Norma baru | 2008 |
| | | | Ketepatan penempatan guru mengikut opsyen | Seperti unjuran dan perancangan yang dibuat | 2008 |
| | | | Penempatan guru mengikut opsyen dan keperluan | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perancangan bagi mengatasi masalah kekurangan guru mengikut opsyen Menyediakan data dan unjuran bilangan guru yang tidak mencukupi mengikut opsyen dan lokasi | |
| Memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia | Penyediaan mekanisme bekalan guru | <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kerjasama dengan IPT tentang latihan guru Memantapkan mekanisme unjuran guru Menambahbaik sistem maklumat guru Mewajibkan guru baru berkhidmat di kawasan pedalaman | Wujud kerjasama | Wujud kerjasama | 2006 |
| | | | Unjuran guru | Laporan | 2006 |
| | | | Sistem maklumat guru | Sistem yang kemas kini | 2006 |
| | | | | | |

BAB 9

MELONJAKKAN KECEMERLANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN

- PENGENALAN
- DASAR DAN MATLAMAT
- STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKe-9
- FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN
- PENUTUP



BAB 9

MELONJAKKAN KECEMERLANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN



"Kita perlu ingat bahawa dalam dunia tanpa sempadan ini, anak-anak kita tidak lagi bersaing sesama mereka di dalam Malaysia, sebaliknya bersaing dengan seluruh masyarakat dunia."

YB Dato' Sri Hishammuddin
Tun Hussein
(Perutusan Tahun Baru 2006)

PENGENALAN

- 9.01** Pendidikan berkualiti untuk semua merupakan agenda utama KPM. Sepanjang tempoh RMKe-9, KPM berhasrat untuk mengembangkan sepenuhnya potensi institusi pendidikan sehingga membolehkan guru dan pelajar mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia. KPM berhasrat untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia dengan tujuan melahirkan modal insan yang berupaya untuk bersaing dalam era yang sangat mencabar.
- 9.02** Sejak merdeka, sistem pendidikan negara telah berkembang pesat dan pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan. Pembaharuan ini berjaya menghasilkan sejumlah sekolah, kolej matrikulasi dan maktab perguruan yang cemerlang dan mampu melahirkan modal insan yang diperlukan negara. KPM akan memberi perhatian dan pendekatan yang lebih khusus kepada institusi pendidikan ini bagi melonjakkannya ke tahap yang lebih cemerlang.
- 9.03** Pendekatan 'satu saiz untuk semua' tidak lagi sesuai kerana ia mungkin akan menyebabkan institusi yang cemerlang ini sukar untuk melestarikan kecemerlangan. Pada waktu yang sama, adalah tidak adil untuk mengharapkan perubahan daripada institusi pendidikan yang masih belum bersedia dan bergelut dengan isu kekurangan kemudahan asas. Pendekatan yang lebih khusus penting, bagi memastikan kepelbagaian pendidikan untuk memenuhi minat dan potensi, kecenderungan dan kebolehan pelajar di pelbagai jenis sekolah.

- 9.04** Pada masa ini terdapat pelbagai pilihan jenis sekolah dalam sistem pendidikan negara. Pada peringkat rendah, terdapat SK, SJKC dan SJKT. Pada peringkat menengah pula, terdapat SBP, SMT, SMKA, Sekolah Model Khas dan SMK Harian.
- 9.05** Di kalangan sekolah-sekolah ini pula terdapat sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Premier, sekolah yang mempunyai tradisi yang panjang seperti sekolah yang berusia 100 tahun atau lebih dan sekolah-sekolah di dalam persekitaran yang strategik serta mempunyai infrastruktur yang baik seperti sekolah-sekolah di dalam kejiranan Putrajaya dan Cyberjaya. Di samping sekolah-sekolah ini, KPM juga mengadakan sekolah khusus untuk pendidikan khas pada peringkat rendah dan menengah termasuk SMPKV. Selain sekolah KPM, terdapat juga sekolah yang dikendalikan oleh agensi lain seperti Maktab Rendah Sains Mara, sekolah swasta dan sekolah antarabangsa.
- 9.06** Kepelbagaian jenis dan keperluan sekolah dalam sistem pendidikan memerlukan KPM menyediakan pendekatan, piawaian dan penanda aras yang berbeza dalam usaha untuk melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah. Bagi merealisasikan hasrat ini, KPM akan meningkatkan kecemerlangan institusi pendidikan dengan menjana kluster kecemerlangan pendidikan mengikut bidang khusus (*niche areas*) sekolah masing-masing.

DASAR DAN MATLAMAT

- 9.07** Bagi melonjakkan lagi kecemerlangan institusi pendidikan dalam sistem pendidikan negara, dasar KPM adalah untuk mengadakan pendekatan, piawaian dan penanda aras yang lebih tepat serta bersesuaian dengan ciri dan keperluan kluster institusi pendidikan yang ada.
- 9.08** Dengan pendekatan, piawaian dan penanda aras yang berbeza bagi kelompok yang berbeza, matlamat KPM adalah untuk membangunkan institusi-institusi model yang dapat dicontohi oleh institusi-institusi di dalam kelompok yang sama. Institusi-institusi ini juga diharapkan dapat dijadikan *showcase* pada peringkat antarabangsa sebagai bukti keupayaan sistem pendidikan negara seterusnya membantu usaha untuk menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan.
- 9.09** Sebagai institusi yang telah bersedia dari segi keupayaan pelajar, guru dan pengetua, institusi yang cemerlang ini juga diharapkan dapat menjadi tapak untuk merintis pendekatan dan perubahan baru yang hendak dilaksanakan dalam sistem pendidikan.

Pelajar yang lahir dari institusi yang cemerlang ini diharapkan mempunyai kecemerlangan akademik dan kokurikulum, berkemahiran, berkeperibadian mulia, berdaya kepimpinan tinggi, mempunyai semangat kerja berpasukan, berfikiran kreatif, bersemangat patriotik, berfikiran global dan berdaya saing.

- 9.10** Pengetua, guru besar dan guru dari institusi yang cemerlang ini pula diharapkan dapat menjadi contoh dan boleh berkongsi pengalaman dengan pengetua, guru besar dan guru-guru dari institusi yang lain. Di samping itu, institusi-institusi ini juga diharap dapat mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa.

STATUS SEMASA, CABARAN DAN TUMPUAN DALAM RMKE-9

- 9.12** Dalam usaha untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan, di sepanjang tempoh RMKe-9 KPM akan menumpukan perhatian kepada kluster berikut:

Sekolah Rendah

- Sekolah Kebangsaan(SK)
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

Jadual 9.1 Kluster Institusi Pendidikan di Malaysia

| Kluster | Institusi Pendidikan | Penerangan |
|------------------|--|--|
| Sekolah Rendah | Sekolah Kebangsaan | Sekolah yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama |
| | Sekolah Jenis Kebangsaan Cina | Sekolah yang menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama |
| | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil | Sekolah yang menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama |
| Sekolah Menengah | Sekolah Berasrama Penuh (SBP) | SBP bermatlamat memberi peluang kepada pelajar cemerlang khususnya dari luar bandar mendapatkan pendidikan yang terbaik supaya mereka terus berjaya dalam akademik, kokurikulum dan sahsiah. Dalam RMKe-9, KPM akan membina 15 buah SBP, menaik taraf SBP sedia ada, meningkatkan prestasi sukan dan memantapkan program kepimpinan. Setiap SBP mempunyai bidang keistimewaan masing-masing seperti permainan ragbi di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak, pancaragam di Sekolah Tun Fatimah, Johor dan kejuaraan pidato di Kolej Islam Sultan Alam Shah Kelang, Selangor |
| | Sekolah Menengah Teknik (SMT) | Pendidikan Teknik dan Vokasional memberi peluang belajar kepada pelajar yang cenderung dalam bidang Teknikal dan Vokasional. Matlamatnya adalah untuk menyediakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang mencukupi. SMT menawarkan bidang Vokasional seperti ekonomi rumah tangga, pertanian, ketukangan elektrik, mekanikal dan awam, manakala dalam bidang Teknikal termasuklah kejuruteraan elektrik, mekanikal dan awam. SMT yang cemerlang termasuklah SMT Dato' Undang Hj. Md. Sharip (ekonomi rumah tangga), SMT Chenor (pertanian), SMT Seri Manjung (ketukangan elektrik), SMT Muazam Shah (ketukangan awam), SMT Shah Alam (ketukangan mekanikal) dan SMT Cheras (kejuruteraan) |
| | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) | SMKA diwujudkan bagi menyediakan Pendidikan Islam kepada pelajar. Ia memupuk potensi pelajar dari segi minat, kreativiti, sahsiah dan kepemimpinan serta menyediakan peluang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu, dalam dan luar negara. Beberapa SMKA telah menunjukkan prestasi yang membanggakan terutama dalam SPM seperti SMKA Maahad Haamidiah Kajang, Selangor |
| | Sekolah Premier | Sekolah Premier ialah sekolah yang mempunyai unsur sejarah dan tradisi yang kukuh dan memberi sumbangan yang banyak kepada negara sejak ia ditubuhkan. Sekolah ini mempunyai seni bina yang bersejarah (<i>historic institution</i>) yang akan memperkayakan khazanah warisan negara. Sekolah ini menjadi lambang dan kebanggaan negara kerana kecemerlangannya. Sekolah ini telah melahirkan tokoh negara dan korporat seperti Victoria Institution (Kuala Lumpur), Sekolah Zainab, (Kelantan), Maktab Sultan Ismail (Kelantan) dan Sekolah Menengah St. John (Kuala Lumpur) |
| | Sekolah 100 Tahun | Sekolah 100 Tahun ialah sekolah yang dibina sebelum tahun 1905. Sekolah ini mempunyai ciri-ciri tinggalan sejarah dan sebahagiannya ialah sekolah premier. Sekolah-sekolah ini telah banyak memberi sumbangan kepada negara terutama dalam melahirkan tenaga kerja dalam pelbagai bidang profesion seperti Penang Free School (Pulau Pinang), Sekolah Tinggi Melaka (Melaka), Sekolah Menengah Lelaki Methodist (Kuala Lumpur), Kolej Melayu Kuala Kangsar (Perak) dan Sekolah Kebangsaan Padang Lebar Kikir (N. Sembilan) |
| | Sekolah-sekolah di Putrajaya dan Cyberjaya | Sekolah-sekolah di Putrajaya dan Cyberjaya terletak di Koridor Raya Multimedia dan sebahagiannya merupakan Sekolah Bestari. Sekolah-sekolah ini mempunyai reka bentuk yang menarik, infrastruktur yang lengkap dan terletak dalam kawasan yang strategik, iaitu berhampiran dengan Kompleks Kerajaan Persekutuan |
| | Sekolah Model Khas | Sekolah Model Khas menggabungkan pelajar sekolah rendah pada peringkat Tahap II dan pelajar sekolah menengah di bawah satu bumbung. Ia merupakan konsep baru dalam menyediakan kemudahan fizikal yang kondusif bagi pelajar yang berpotensi di kawasan luar bandar seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford Kuala Lipis (Pahang) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jenun Pendang (Kedah) |

| Kluster | Institusi Pendidikan | Penerangan |
|-------------------------------------|---------------------------------|---|
| Sekolah Pendidikan Khas | Sekolah Pendidikan Khas | Sekolah Pendidikan Khas menyediakan Pendidikan Khas kepada pelajar bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran, autisme, sindrom down, keupayaan kognitif rendah, ADHD dan disleksia. Matlamatnya adalah supaya mereka menjadi insan yang berkemampuan dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Indahpura menyediakan kemudahan pelajaran bagi ketiga-tiga kategori Pendidikan Khas. SMT memberi peluang pendidikan kepada pelajar bermasalah pendengaran dengan menawarkan kursus-kursus anjuran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Program Pendidikan Khas juga diwujudkan di sekolah rendah dan menengah harian serta di SMT melalui pendekatan pengasingan dan inklusif. Program ini melibatkan pelajar bermasalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran. |
| Sekolah-sekolah di luar seliaan KPM | Sekolah Antarabangsa dan Swasta | Terdapat 32 buah sekolah antarabangsa, 14 sekolah ekspatriat, 84 sekolah rendah swasta, 90 sekolah menengah swasta pada tahun 2005. Sekolah swasta menggunakan kurikulum kebangsaan manakala sekolah antarabangsa menggunakan kurikulum luar negara. Kedua-duanya mempunyai pengurusan yang berorientasi perniagaan. |
| Institusi Lulusan Menengah | Kolej Matrikulasi | Kolej Matrikulasi menyediakan lebih banyak peluang kepada pelajar dalam bidang Sains, Teknologi dan Sastera Ikhtisas ke IPT di dalam dan luar negara. Program Matrikulasi dijalankan di 9 Kolej Matrikulasi KPM, 2 Kolej MARA dan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya. Mulai ambil 2003/2004, Kolej Matrikulasi memberi peluang sehingga 10 peratus kepada pelajar Bukan Bumiputera. Dalam RMKe-9, 4 buah Kolej Matrikulasi baru akan dibina. |
| | Institut Pendidikan Guru (IPG) | IPG adalah hasil daripada perkembangan maktab perguruan Malaysia. IPG bermatlamat menghasilkan guru profesional dan kompeten melalui latihan guru dengan penekanan kepada aspek nilai dan amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran pengajaran. IPG akan mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan latihan keguruan dalam 8 bidang iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pendidikan Khas, Pendidikan Islam, Bahasa, Matematik dan Sains, Sains Sosial, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, dan Teknik dan Vokasional. |

Sekolah Menengah

- Sekolah Berasrama Penuh (SBP)
- Sekolah Menengah Teknik (SMT)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
- Sekolah Menengah Harian, Sekolah Premier dan Sekolah Seratus Tahun
- Sekolah dalam persekitaran Putrajaya dan Cyberjaya
- Sekolah Model Khas

Sekolah Pendidikan Khas

- Sekolah Rendah Pendidikan Khas (SPK)
- Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK)

- Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)

Sekolah-sekolah di luar seliaan KPM

- Sekolah Antarabangsa
- Sekolah Swasta

Institusi lepas menengah

- Kolej Matrikulasi
- Institut Pendidikan Guru (IPG)

3.13 KPM menyedari dalam kluster yang berbeza ini terdapat sekolah yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang seperti kepimpinan yang tinggi, pencapaian akademik yang cemerlang, kemudahan infrastruktur yang lengkap, tradisi yang kukuh berbanding sekolah lain dalam kelompok yang sama. Begitu juga, terdapat Kolej Matrikulasi dan IPG yang lebih cemerlang berbanding Kolej Matrikulasi

dan IPG yang lain. Bagi institusi yang cemerlang, KPM bersedia untuk menggunakan pendekatan yang segar, berbeza dan lebih fleksibel agar mereka boleh menjadi lebih cemerlang dan dapat menjadi contoh kepada institusi-institusi lain dalam kelompok yang sama.

9.14 KPM juga akan mengenal pasti sekolah swasta dan sekolah antarabangsa yang cemerlang untuk dipromosikan bagi meningkatkan daya saing pendidikan negara di rantau Asia. Kecemerlangan sekolah-sekolah ini perlu dipertingkatkan untuk menarik minat warga asing dan pelabur asing, mengurangkan aliran keluar mata wang dan mengelakkan *brain drain* di kalangan rakyat Malaysia. Pada masa ini, terdapat 32 sekolah antarabangsa yang menampung kira-kira 10,663 pelajar, iaitu 2,608 pelajar warganegara dan 8,055 pelajar warga asing. Jumlah pelajar warganegara di sekolah antarabangsa merupakan hanya 0.05 peratus daripada jumlah keseluruhan 5.2 juta pelajar di Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan di negara ini. Secara perbandingan, terdapat 91 sekolah antarabangsa di Thailand dan 82 di Indonesia. Sekolah swasta pula menampung kira-kira 20,730 pelajar di 84 buah sekolah rendah dan 18,203 pelajar di 90 buah sekolah menengah.

FOKUS DAN STRATEGI PELAKSANAAN

9.15 Sebanyak 300 institusi pendidikan yang menyerlah dan cemerlang dalam kluster institusi pendidikan tertentu akan dikenal pasti dan dipilih mengikut elemen utama dan elemen sokongan.

Elemen Utama

- Kurikulum berdasarkan pencapaian purata dalam peperiksaan awam sekurang-kurangnya tiga tahun berturut-turut, gred purata sekolah, bilangan pelajar mendapat A serta mempunyai sejarah kecemerlangan dalam mata pelajaran tertentu; dan
- Kokurikulum berdasarkan pencapaian kokurikulum pada peringkat daerah, kebangsaan dan luar negara serta anugerah-anugerah khas.

Elemen Sokongan

- Pengurusan dan pentadbiran sekolah berdasarkan kecekapan dalam menguruskan sekolah, pelajar, sumber tenaga manusia, kemudahan asas, penambahbaikan berterusan serta mempunyai perancangan yang komprehensif dan sistematik;
- Keterampilan guru berdasarkan guru-guru siswazah dan bukan siswazah, guru yang menerima anugerah, guru khas dan guru pakar;
- Kepemimpinan pengetua berdasarkan gaya kepimpinan yang cemerlang, keupayaan menggerakkan seluruh warga sekolah dan cara berkomunikasi yang berkesan;
- Pengurusan kewangan yang memanfaatkan sumber kewangan dengan kaedah pengurusan yang berkesan berdasarkan perancangan, penyelenggaraan dan analisis yang cekap, amanah serta berhemah;
- Iklim sekolah berdasarkan suasana sekolah dan p&p yang kondusif, keselamatan yang terjamin, mempunyai tahap disiplin yang memuaskan, mempunyai visi dan misi, mempunyai semangat kekitaan dan kaya dengan maklumat;
- Program intervensi berdasarkan program intervensi anjuran sekolah, PPD, JPN dan KPM;
- Pengurusan asrama berdasarkan program untuk pelajar dan tahap disiplin pelajar;
- Prasarana yang lengkap berdasarkan kemudahan asas yang lengkap, berfungsi dan terkini serta ciri-ciri bangunan yang moden dan futuristik;
- Penglibatan ibu bapa dan masyarakat setempat berdasarkan program sokongan yang dilaksanakan oleh pihak luar seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan masyarakat setempat; dan
- Nilai sejarah dan tradisi berdasarkan tahun penubuhan, pihak yang menubuhkan sekolah, tujuan asal penubuhan, lokasi bangunan, pengisytiharan sejarah serta

keunikan sejarah sekolah, penglibatan alumni, lembaga pengelola sekolah, tokoh yang merupakan bekas pelajar dan persepsi masyarakat.

- 9.16** Sekolah-sekolah yang terpilih ini akan mencadangkan satu bidang khusus yang ingin dibangunkan atau pendekatan yang ingin diperkenalkan untuk melonjakkan kekuatan yang ada pada sekolah tersebut. Antara pengkhususan yang dikenal pasti adalah dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
- 9.17** KPM akan merintis pendekatan bagi melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan terlebih dahulu bagi memastikan pelaksanaannya dijalankan dengan berkesan. Rangka kerja yang jelas akan dihasilkan berdasarkan dapatan rintis dengan meliputi aspek-aspek berikut:
- polisi dan perundangan;
 - prosedur dan garis panduan;
 - standard dan penanda aras;
 - penilaian dan pemantauan berdasarkan Indeks Prestasi Utama (KPI); dan
 - fungsi dan peranan pihak luar.
- 9.18** Bagi sekolah-sekolah yang terpilih, fokus akan diberikan terhadap perkara-perkara berikut:

Memastikan kepemimpinan teguh dan berkesan

- Pengenalpastian dan pemilihan pengetua, guru besar dan guru penolong kanan akan dibuat secara lebih awal
- Pemilihan pengetua, guru besar dan guru penolong kanan bukan berasaskan kekananan tetapi berdasarkan kualiti profesional dan peribadi iaitu:
 - bakat, kemahiran, kebolehan dan penglibatan dalam pelbagai bidang;
 - daya kepemimpinan;
 - kemahiran dalam pengurusan dan pentadbiran;
 - kemahiran dalam p&p; dan
 - melalui proses temu duga.
- Pemantapan latihan kepemimpinan guru besar dan pengetua oleh IAB
- KPM bersama-sama dengan pengetua, guru besar dan guru penolong kanan akan menentukan KPI yang perlu dicapai oleh pengetua, guru besar dan guru penolong kanan

Pemilihan guru dan jurulatih berkebolehan dan berkemahiran tinggi

- Pemilihan guru dan jurulatih melalui iklan, permohonan dan temu duga
- Pengetua, guru besar dan guru bersama-sama akan menentukan KPI yang perlu dicapai oleh guru
- Prestasi guru dan jurulatih akan menentukan sama ada jawatan dikekalkan

Memberi lebih autonomi kepada sekolah dalam:

- Meningkatkan keupayaan dengan memberi autonomi kepada sekolah
 - Pemilihan pengetua dan pihak pengurusan berdasarkan permohonan atau melalui pengenalpastian oleh pihak kepimpinan atasan atau pemilihan PIBG sekolah tersebut;
 - Pemilihan tenaga pengajar berdasarkan permohonan atau pengenalpastian oleh pihak sekolah;
 - Pelantikan staf sokongan tanpa mengikut norma perjawatan biasa;
 - Pemilihan pelajar iaitu sekolah diberi kebebasan memilih 10 peratus daripada jumlah kemasukan pelajar yang bersesuaian dengan bidang khusus yang dipilih termasuk pelajar yang ditaja;

- Pewujudan kelas khas ber-sesuaian dengan bidang khusus yang dipilih;
- Penawaran kurikulum, kaedah p&p dan tempoh p&p yang bersesuaian dengan pengkhususan sekolah seperti menawarkan kurikulum selaras dengan bidang khusus (*niche area*), menawarkan mata pelajaran di luar sistem kebangsaan seperti O-level atau General Certificate of Secondary Education (GCSE) dan *A-level* menentukan kaedah p&p yang bersesuaian. Sekolah juga dibenarkan melaksanakan tempoh waktu p&p yang lebih fleksibel;
- Perolehan bahan pengajaran iaitu sekolah bebas memilih bahan dan membuat perolehan bahan-bahan tambahan yang diperlukan; dan
- Penajaan dan pengurusan kewangan yang membolehkan sekolah mendapatkan dana tambahan dan menguruskan perbelanjaan mengikut keperluan demi mempertingkatkan ke-upayaannya. Antaranya adalah dengan mengutip yuran tambahan pada kadar tertentu, mendapatkan peruntukan tambahan dari pihak luar KPM untuk pembiayaan program-program tertentu

atau pembayaran gaji yang lebih tinggi, melaksanakan program pembangunan profesional serta memberikan insentif dan elaun khas tetapi tidak melepasi siling yang ditentukan.

Mewujudkan sistem akauntabiliti

- Menyediakan pelbagai prosedur untuk memudahkan pelaksanaan program
 - KPM dan pihak sekolah bersama-sama menentukan KPI yang perlu dicapai oleh sekolah
 - Memantapkan penyediaan mekanisme untuk menilai prestasi sekolah secara terus oleh Jemaah Nazir Sekolah, Bahagian Audit Sekolah dan Bahagian Sekolah

Mewujudkan piawaian dan penanda aras yang dijadikan contoh kepada negara membangun dan maju

- Menyediakan pengurusan perubahan
 - Meningkatkan kecemerlangan sekolah dan institusi pendidikan melalui pengurusan perubahan (*change management*)
- Mengenal pasti amalan terbaik
 - Menyedia dan melaksanakan standard dan penanda aras baru
 - Mengenal pasti pendekatan terbaik yang digunakan dalam kluster kecemerlangan pendidikan
 - Menjalankan analisis jurang
 - Menjalankan kajian impak dan keberkesanan
 - Mengadakan Konvensyen Pendidikan Tahunan sebagai *platform* untuk mempromosi kejayaan sebagai panduan kepada sekolah-sekolah yang lain

Menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan

- Meningkatkan jalinan antara sekolah-sekolah cemerlang dalam dan luar negara
 - Meningkatkan jalinan kerjasama antara sekolah-sekolah cemerlang di dalam dan luar negara
 - Mempertingkat jaringan sekolah di dalam dan luar negara
- Mempakejkan dan memasarkan sekolah swasta dan antarabangsa secara berkesan untuk menarik minat pelajar dan ekspatriat negara luar
 - Menentukan wilayah untuk penubuhan sekolah swasta dan antarabangsa
 - Merancang dasar memasarkan sekolah swasta dan antarabangsa ke peringkat global
 - Membina rangkaian kerjasama pemasaran pendidikan
 - Melaksanakan aktiviti pemasaran program pendidikan dan *fact finding* di negara-negara terpilih

- Meminda dasar sekolah antarabangsa supaya dapat meningkatkan daya saing negara dalam bidang pendidikan di rantau Asia
 - Menggubal dasar baru governan sekolah/institusi swasta dan antarabangsa supaya lebih menarik
 - Mengadakan dasar penarafan antarabangsa bagi setiap sekolah antarabangsa
 - Menyediakan kurikulum latihan guru dengan kerjasama IPG
 - Mendapatkan kerjasama agensi latihan guru kerajaan dan swasta untuk melatih guru swasta
 - Mengadakan kerjasama dengan LPM, MPM dan Bhg. Matrikulasi untuk pemasaran program peperiksaan
 - Membuat kajian pasaran program peperiksaan sebagai sumber eksport dengan melantik perunding
 - Melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan dengan kerjasama JNS, JPN, PPB/PPD
 - Menyediakan garis panduan pemantauan dan penilaian dasar dan program
 - Mewujudkan kaedah pusat hentian setempat bagi kemasukan pelajar
 - Memberi pelbagai insentif kepada sekolah/institusi swasta dan antarabangsa yang menjalankan pemasaran di luar negara
 - Mengkaji dan merancang penyertaan IPS di bawah liberalisasi perdagangan bebas secara pelbagai hala dan dua hala
- Melibatkan pelajar, guru dan sekolah dalam pertandingan kokurikulum pada peringkat antarabangsa
 - Meningkatkan jalinan kerjasama antara sekolah-sekolah cemerlang di dalam dan luar negara
 - Mempertingkatkan jaringan sekolah di dalam dan luar negara
- Penglibatan yang lebih aktif dalam badan-badan pendidikan dunia seperti UNESCO, OECD dan IEA
 - Menyertai lebih banyak kajian pada peringkat antarabangsa
- Mempakejkan dan memasarkan IPG secara berkesan agar negara dapat dikenali sebagai pusat pendidikan guru
 - Menjalankan promosi ke luar negara

Merintis perubahan dan pembaharuan

- Melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah
 - Melaksanakan projek rintis
- Mengadakan p&p berasaskan Model Hasil Pembelajaran (*outcome based learning*)
- Memperkenalkan program alternatif untuk kemasukan ke IPT seperti *International*

Baccalaureate dan peperiksaan *Standard Admission Test (SAT)*

- Mengurangkan tempoh pendidikan menengah
- Menjadikan sistem persekolahan wajib 12 tahun
 - Mengkaji kesesuaian sistem persekolahan 12 tahun

PENUTUP

9.19 Hala tuju pendidikan negara memerlukan satu perancangan yang sistematik untuk menjana kecemerlangan melalui pewujudan kluster kecemerlangan pendidikan. Penjanaan kluster ini bermatlamat untuk mengembangkan potensi dan kualiti kluster sekolah tertentu supaya menjadi penanda aras kepada sekolah lain dan setanding dengan sekolah di negara maju. Usaha ini bertujuan menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia untuk melahirkan generasi yang holistik dan memenuhi keperluan pasaran kerja.

Jadual 9.2 Strategi Pelaksanaan bagi Meningkatkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|--|---|--|----------------------|------------------|
| Memastikan kepemimpinan teguh dan berkesan | <ul style="list-style-type: none"> Mengetahui pasti dan pemilihan pengetua, guru besar dan guru penolong kanan akan dibuat secara lebih awal Memilih pengetua, guru besar dan guru penolong kanan bukan berasaskan kekananan tetapi berdasarkan kualiti profesional dan peribadi iaitu: <ul style="list-style-type: none"> – bakat, kemahiran, kebolehan dan penglibatan dalam pelbagai bidang – daya kepimpinan – kemahiran dalam pengurusan dan pentadbiran – kemahiran dalam p&p – melalui proses temu duga | Menyediakan prosedur pemilihan | Prosedur pemilihan pengetua/guru besar | Terhasil | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Memantapkan latihan kepimpinan guru besar dan pengetua oleh IAB | Menjalankan pelbagai latihan kepimpinan | <ul style="list-style-type: none"> Peratus guru besar dan pengetua mengikuti latihan kepimpinan Peratus guru besar mengikuti program pensiswazahan | 100% | 2006-2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Menentukan KPI yang perlu dicapai oleh pengetua, guru besar dan guru penolong kanan | Menyediakan KPI | KPI | Peningkatan | 2010 |
| | | | | Terhasil | 2007 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|---|--|---|--|----------------------------------|------------------|
| Pemilihan guru dan jurulatih berkebolehan dan berkemahiran tinggi | <ul style="list-style-type: none"> Memilih guru dan jurulatih melalui iklan, permohonan dan temu duga | Menyediakan prosedur pemilihan | <ul style="list-style-type: none"> Prosedur pemilihan guru Peratus guru dan jurulatih terlatih dan mengikut opsyen | Terhasil Mengikut sasaran | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Pengetua, guru besar dan guru bersama-sama akan menentukan KPI yang perlu dicapai oleh guru dan jurulatih Prestasi guru dan jurulatih akan menentukan sama ada jawatan dikekalkan | Menyediakan KPI | KPI | Terhasil | 2007 |
| Memberikan lebih autonomi kepada sekolah | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan keupayaan dengan memberi autonomi kepada sekolah <ul style="list-style-type: none"> – pemilihan pengetua dan pihak pengurusan – pemilihan tenaga pengajar – pelantikan staf sokongan – pemilihan pelajar – pewujudan kelas khas – penawaran kurikulum, kaedah p&p dan tempoh p&p – perolehan bahan pengajaran – penajaan dan pengurusan kewangan | Memilih dan melaksanakan sekolah berautonomi | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan sekolah mendapat autonomi | 300 | 2007 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan program inovasi dan intervensi | Peningkatan | 2007 |
| Mewujudkan sistem akauntabiliti | Menyediakan pelbagai prosedur untuk memudahkan pelaksanaan program | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan prosedur yang berkaitan dengan lengkap Menyediakan KPI | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan prosedur KPI | Terhasil | 2007-2010 |
| Mewujudkan piawaian dan penanda aras | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pengurusan perubahan Mengenal pasti amalan terbaik | Menyedia dan melaksanakan standard dan penanda aras baru | Bilangan standard dan penanda aras baru | Standard dan Penanda aras | 2007 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|---|--|--|---------------------------|------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan analisis jurang | Pangkalan data jurang pencapaian | Indikator Pendidikan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan kajian impak dan keberkesanan | Bilangan kajian | Laporan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan Konvensyen Pendidikan Tahunan | Bilangan peserta yang menyertai | Laporan | 2007 |
| Menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan jalinan antara sekolah-sekolah cemerlang dalam dan luar negara | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan jalinan kerjasama antara sekolah-sekolah cemerlang di dalam dan luar negara | Jalinan kerjasama antara sekolah terpilih | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan jaringan sekolah di dalam dan luar negara | Jaringan sekolah dalam dan luar negara | 100% | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Mempakejkan dan memasarkan sekolah swasta dan antarabangsa secara berkesan untuk menarik minat pelajar dan ekspatriat negara luar | <ul style="list-style-type: none"> Menentukan wilayah untuk penubuhan sekolah swasta dan antarabangsa | Bilangan sekolah swasta dan antarabangsa | Pertambahan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Merancang dasar memasarkan sekolah swasta dan antarabangsa ke peringkat global | Dasar sekolah swasta dan antarabangsa | Wujud Dasar | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membina rangkaian kerjasama pemasaran pendidikan | Bilangan rangkaian kerjasama dalam dan luar negeri | Wujud rangkaian kerjasama | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan aktiviti pemasaran program pendidikan dan <i>fact finding</i> di negara-negara terpilih | Bilangan pelaburan | Pertambahan | 2007 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Meminda dasar sekolah antarabangsa supaya dapat meningkatkan daya saing negara dalam bidang pendidikan di rantau Asia | <ul style="list-style-type: none"> Menggubal dasar baru governan sekolah/institusi swasta dan antarabangsa supaya lebih menarik | <ul style="list-style-type: none"> Dasar governan terbaik Perubahan dasar ke atas kemasukan warganegara Malaysia ke sekolah antarabangsa iaitu tidak melebihi 40 peratus daripada enrolmen | Wujud dasar baru | 2007 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan dasar penarafan antarabangsa bagi setiap sekolah antarabangsa | Dasar penarafan antarabangsa | Wujud dasar penarafan | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan kurikulum latihan guru dengan kerjasama IPG | Kurikulum latihan pendidikan guru swasta | Kurikulum diguna pakai | 2007 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|-------|----------------------|--|--|---|------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan kerjasama agensi latihan guru kerajaan dan swasta untuk melatih guru swasta | Kerjasama dengan agensi latihan | Wujud kerjasama dengan agensi latihan guru | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan kerjasama dengan LPM, MPM dan Bhg. Matrikulasi untuk pemasaran program peperiksaan | Kerjasama dengan LPM, MPM dan Bhg. Matrikulasi | Wujud kerjasama LPM, MPM dan Bhg. Matrikulasi | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Membuat kajian pasaran program peperiksaan sebagai sumber eksport dengan melantik perunding | Laporan kajian | Terhasil | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan dengan kerjasama JNS, JPN, PPB/PPD | Laporan pemeriksaan dan pemantauan dihasilkan | Mengikut jadual | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan garis panduan pemantauan dan penilaian dasar dan program | Garis panduan pemantauan dan penilaian dasar | Terhasil | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kaedah pusat hentian setempat bagi kemasukan pelajar | Pusat hentian setempat | Wujud pusat hentian | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Memberi pelbagai insentif kepada sekolah/institusi swasta dan antarabangsa yang menjalankan pemasaran di luar negara | <ul style="list-style-type: none"> Potongan Cukai Berganda Antarabangsa Pengecualian cukai korporat ke atas pembelian peralatan pengajaran dan pembelajaran yang diimport Pengecualian cukai kepada sekolah antarabangsa yang berjaya menarik sejumlah pelajar antarabangsa | Terlaksana | 2008 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|------------------------------------|---|---|--|----------------------|------------------|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Pemberian Cukai Berganda ke atas jumlah kos yang digunakan bagi menaik taraf kemudahan fizikal terutama bangunan sekolah | Terhasil | 2007 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengkaji dan merancang penyertaan IPS di bawah liberalisasi perdagangan bebas secara pelbagai hala dan dua hala | Laporan kajian dan perancangan | | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Melibatkan pelajar, guru dan sekolah dalam pertandingan kokurikulum pada peringkat antarabangsa | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan jalinan kerjasama antara sekolah-sekolah cemerlang di dalam dan luar negara | Jaringan kerjasama wujud antara sekolah terpilih | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan jaringan sekolah di dalam dan luar negara | Jaringan sekolah wujud dalam dan luar negara | 100% | 2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Penglibatan yang lebih aktif dalam badan-badan pendidikan dunia seperti UNESCO, OECD dan IEA | <ul style="list-style-type: none"> Menyertai lebih banyak kajian pada peringkat antarabangsa | Bilangan kajian | Peningkatan | 2008 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Mempakejkan dan memasarkan IPG secara berkesan agar negara dapat dikenali sebagai pusat pendidikan guru | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan promosi ke luar negara | Bilangan aktiviti | Peningkatan | 2008 |
| Merintis perubahan dan pembaharuan | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah Mengadakan p&p berasaskan Model Hasil Pembelajaran Memperkenalkan program alternatif ke IPT Mengurangkan tempoh pendidikan menengah Menjadikan sistem persekolahan wajib 12 tahun | Melaksanakan projek rintis | Laporan | Terhasil | 2008 |
| | | Mengkaji kesesuaian sistem persekolahan 12 tahun | Laporan | Terhasil | 2008 |

BAB 10

FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

- PENGENALAN
- DASAR DAN MATLAMAT MENINGKATKAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN
- CABARAN DAN TUMPUAN PIPP
- STRATEGI DAN TUMPUAN MASA HADAPAN
- MELANGKAH KE HADAPAN

“MASA DEPAN ANAK-ANAK KITA
ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA”



BAB 10

FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN



"Adalah penting untuk memastikan kepimpinan di setiap peringkat ini memahami sedalam-dalamnya kehendak dasar, berupaya melaksanakan kehendak dasar tersebut serta berkebolehan untuk bertindak sesuai dengan keperluan masa kini dan cabaran hadapan kementerian."

YB Dato' Sri Hishammuddin
Tun Hussein
(Perutusan Tahun Baru, 2006)

PENGENALAN

10.01 Pendidikan bukan agenda negara yang boleh dijayakan secara bersendirian. Ia merupakan bidang yang melibatkan dan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan (*stakeholders*). Kejayaan sistem pendidikan sebagai perkhidmatan kepada masyarakat akan dinilai berdasarkan keupayaannya untuk dinikmati oleh kumpulan sasaran dan seterusnya untuk meningkatkan taraf kehidupan. Walau bagaimanapun, kejayaan ini banyak dipengaruhi oleh kekuatan kerjasama dalam dan luar KPM. Keupayaan KPM mengenal pasti dan memanfaatkan sepenuhnya jalinan kerjasama menentukan kejayaan PIPP.

Kerjasama dan Komitmen Pihak Berkepentingan

10.02 Isu pendidikan adalah kompleks dan kadang kala berada di luar bidang kuasa dan kepakaran KPM untuk menyelesaikannya. Justeru, semua pihak sewajarnya menyedari dan menerima hakikat bahawa agenda pendidikan perlu dijayakan bersama. Penglibatan, komitmen dan kerjasama pelbagai pihak amat penting bagi memastikan semua maklumat, aliran komunikasi, sumber kewangan, sumber tenaga dan kepakaran dapat digembleng dan diurus dengan cekap dan berkesan dalam menjayakan agenda pendidikan.

Kerjasama dan Komitmen Warga Pendidikan

10.03 Bagi memastikan kejayaan PIPP, KPM wajar memastikan setiap warganya mempunyai kefahaman yang jelas dan mendalam tentang dasar, matlamat dan sasaran yang ingin dicapai serta strategi dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan. Koordinasi antara jabatan dan bahagian yang terlibat, kerjasama berpasukan dan rasa sepunya di kalangan warga KPM juga amat penting. Semangat kerja berpasukan dan rasa sepunya akan

mbolehkan setiap pihak melihat segala projek yang dilaksanakan sebagai projek Kementerian dan bukan sebagai projek seseorang individu ataupun sesuatu bahagian. Bagi memastikan kejayaan PIPP, KPM perlu membangunkan sistem pengurusan, pentadbiran, penyampaian, pemantauan dan penilaian yang berkesan agar setiap program yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan.

DASAR DAN MATLAMAT MENINGKATKAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

10.04 Dasar KPM adalah untuk meningkatkan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi menjayakan agenda pendidikan. Matlamat yang ingin dicapai oleh KPM melalui dasar ini adalah untuk menjadikan peranan mendidik anak bangsa sebagai tanggungjawab bersama semua pihak. Walaupun tiada mekanisme yang spesifik digariskan untuk menggembeng tenaga dan usaha daripada pihak berkepentingan, KPM sentiasa bersikap terbuka terhadap cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh pihak luar KPM. KPM juga sentiasa bekerjasama dengan pelbagai kementerian, badan korporat, syarikat swasta, PIBG, Kesatuan-Kesatuan Guru, Alumni dan pertubuhan-pertubuhan pendidikan pada peringkat antarabangsa.

10.05 Dasar KPM juga adalah bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian pendidikan untuk merealisasikan matlamat dan dasar pendidikan. Selari dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kerehnan birokrasi, KPM akan memperbaiki prosedur, mekanisme dan proses pelaksanaan projek serta program pendidikan. Matlamat dasar KPM ini adalah untuk memastikan semua projek dan program pendidikan dapat dilaksanakan secara telus, cekap dan berkesan, tanpa pertindihan dan pembaziran serta dapat dinikmati oleh golongan sasaran tepat pada waktu yang ditetapkan.

CABARAN DAN TUMPUAN PIPP

Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan

10.06 Pada masa ini terdapat beberapa isu yang dihadapi bagi melaksanakan program pendidikan kerana:

- kurang kesepaduan antara pelbagai program yang menyebabkan keberkesanan sesuatu program pendidikan tidak dapat diukur secara tepat dan menyeluruh;
- kurang maklumat menyebabkan pihak berkepentingan tidak mempunyai gambaran yang jelas tentang keperluan, masalah, prosedur dan mekanisme untuk menyalurkan bantuan; dan

- kurang perancangan strategik untuk mengoptimalkan sumber kewangan, pengisian dan sumber tenaga.

10.07 KPM sentiasa melibatkan pelbagai pihak dalam perancangan dan pelaksanaan program dan projek pendidikan. Walau bagaimanapun, untuk menjayakan PIPP, KPM perlu meningkatkan kefahaman pihak-pihak berkepentingan tentang dasar, fokus, strategi dan pelan tindakan supaya dapat disinergikan dengan kuasa, kepakaran dan keupayaan mereka. Justeru, sepanjang tempoh RMKe-9, KPM akan meningkatkan lagi komunikasi, hubungan serta kerjasama dengan semua pihak berkepentingan berikut:

- Agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perbendaharaan Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi (UPE) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) bagi memastikan KPM memperoleh sumber kewangan dan tenaga yang mencukupi serta berpadanan;
- Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah agar KPM diberikan tapak-tapak yang sesuai bagi pembangunan institusi-institusi pendidikan;
- Kementerian, agensi dan badan-badan lain seperti KPTM, KeKKWa, KBS, KKM, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan,

PDRM, Jabatan Bomba, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Alam Sekitar dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan bagi menjayakan program dan aktiviti yang dirancang, misalnya:

- Program latihan pra dan dalam perkhidmatan dengan KPTM seperti program pensiswazahan dan PJJ;
- Program Keselamatan, Kebersihan Dan Kesihatan yang melibatkan pelbagai agensi seperti Program Sekolah Selamat dengan pelbagai pihak, Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS) dengan Kementerian Kesihatan, Program Keselamatan Jalan Raya dengan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Kerja Raya, dan aktiviti penjagaan alam sekitar dengan Jabatan Alam Sekitar;
- Aktiviti kokurikulum dan sukan sekolah seperti Kadet Polis, Pasukan Bomba Sekolah, aktiviti kesukanan, kebudayaan, kesenian dan warisan;
- Program pengukuhan disiplin dan menangani salah laku di sekolah dengan KPTM, KKM, KPWKM, KPKT dan PDRM melalui Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin dan empat Jawatankuasa Bertindak di bawahnya;
- Program pemupukan semangat patriotik dan integrasi nasional di sekolah dengan Jabatan Perpaduan Negara seperti Kem Jati Diri dan Pralatihan Khidmat Negara; dan
- Program dan aktiviti menjaga hak asasi manusia yang melibatkan

KPWKM dan SUHAKAM seperti pendidikan mengenai AIDS dan seksualiti.

- PIBG dan Alumni dengan pihak sekolah serta JPN dan PPD/G bagi pelaksanaan program kokurikulum, program motivasi, kelas tuisyen, bantuan kejurulatihan dan sebagainya;
- Persatuan-persatuan sekerja seperti Kesatuan Kebangsaan Profesion Keguruan (NUTP), Majlis Guru Besar (MGB), Persatuan Kebangsaan Pengetua Sekolah Malaysia (PKPSM), Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan CUEPACS bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan kebajikan warga KPM terjamin;
- Badan-badan Pertubuhan Antarabangsa seperti Persatuan St. John, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pengakap dan Persatuan Pandu Puteri;
- NGO seperti Yayasan Pendidikan dan Persatuan Pengguna;
- Badan korporat dan syarikat swasta yang memberi sumbangan kewangan, peralatan dan kepakaran bagi menjayakan program-program berkaitan akademik, kokurikulum, sukan, pengukuhan disiplin, bantuan kepada pelajar miskin dan sebagainya;
- Pemimpin masyarakat di semua peringkat termasuk wakil rakyat, penghulu/penggawa dan Persatuan Belia Kampung; dan
- Organisasi pendidikan serantau dan antarabangsa termasuk Southeast Asian Ministries of Education Organisation (SEAMEO), United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO), Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dan International Association for Evaluation of Educational Achievement (IEA) dalam pelbagai program pendidikan, penyelidikan dan penilaian

Kerjasama dan Komitmen Warga Pendidikan

10.08 Kejayaan PIPP ini juga bergantung kepada keupayaan sistem pengurusan, pentadbiran, penyampaian, pemantauan dan penilaian yang cekap dan berkesan dalam KPM. Faktor-faktor ini termasuklah:

- kerjasama dan komitmen semua warga KPM dari peringkat Jabatan/Bahagian KPM, JPN, PPD/G, PSPN, PKG sehingga ke peringkat sekolah, sama ada di bandar, luar bandar ataupun di kawasan pedalaman;
- kefahaman warga KPM yang jelas dan mendalam tentang dasar, matlamat dan sasaran yang ingin dicapai serta fokus, strategi dan pelan tindakan yang hendak dilaksanakan;
- kepimpinan yang mantap pada semua peringkat untuk memastikan setiap program dan aktiviti yang dirancang menepati sasaran. Pemimpin yang diperlukan hendaklah memiliki pengetahuan, kemahiran dan keterampilan serta mempunyai sikap dan nilai-nilai positif;

- struktur organisasi KPM yang kukuh dan sesuai untuk meningkatkan fungsi pelaksanaan, pemantauan dan penilaian serta penyelidikan;
- kerjasama berpasukan dan semangat sepunya warga KPM bagi mengoptimumkan sumber tenaga dan kewangan untuk menjayakan program pendidikan;
- sistem dan prosedur kerja yang telus, kemas dan cekap serta penyebaran maklumat dan aliran komunikasi yang berkesan termasuk mempunyai sistem maklum balas yang cekap;
- program latihan dan pembangunan profesional yang bersesuaian dan berterusan; dan
- penggunaan ICT sebagai pengupaya bagi membantu p&p serta pengurusan dan pentadbiran, termasuk pengurusan maklumat dan pengutipan data.

STRATEGI DAN TUMPUAN MASA HADAPAN

Badan Bertindak Pelaksanaan Negara

- 10.09** Kerajaan telah menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri bagi menyusun strategi pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang efektif bagi projek-projek berimpak tinggi (*High Impact Projects (HIPs)*). Pada masa yang sama, BBPN berusaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera Generasi Baru (MPPB2). Penubuhan BBPN sebagai badan induk pelaksanaan mencerminkan keprihatinan dan kesungguhan yang amat tinggi oleh Kerajaan terhadap kejayaan RMKe-9. Bagi memastikan usaha yang lebih berfokus dan berterusan, Direktorat Pelaksanaan Negara (DPN) ditubuhkan sebagai agensi pelaksana berpusat yang bertanggungjawab kepada BBPN.
- 10.10** DPN akan berganding bahu dengan KPM bagi menggerakkan strategi pelaksanaan, pemantauan dan penilaian projek-projek yang dikenal pasti mempunyai impak yang tinggi kepada masyarakat. Projek-projek berimpak tinggi merupakan rancangan pembangunan Kerajaan yang menjadi nadi utama dalam Misi Nasional dan mempunyai kesan langsung kepada masyarakat. DPN dan KPM akan mewujudkan pengurusan yang mantap dan khusus bagi mengendalikan pelaksanaan HIPs. Tatacara pelaksanaan yang lebih efektif diselaraskan melalui pembentukan pasukan pakar (*dedicated team*) untuk setiap projek HIPs. Proses perancangan dan pengurusan projek (*Planning and Project Management (PPM)*) yang bersifat holistik diguna pakai sebagai kerangka kerja. Permasalahan yang melampaui sempadan kerja KPM dan DPN akan dipanjangkan untuk pengetahuan dan tindakan BBPN bagi memastikan semua HIPs dilaksanakan dengan jaya dan berkesan.

Projek Berimpak Tinggi – Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar

10.11 Buat pertama kalinya, Kerajaan telah memberi perhatian khusus kepada usaha melonjakkan pendidikan luar bandar bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar supaya semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan untuk cemerlang. Oleh itu, melalui kerjasama BBPN dan DPN, KPM akan melaksanakan projek-projek yang dikenal pasti sebagai berimpak tinggi dalam tempoh tiga tahun pertama RMKe-9 untuk mengurangkan jurang pendidikan ini. Projek-projek berimpak tinggi ini meliputi aspek infrastruktur, peralatan, guru, kurikulum dan program bantuan serta khidmat sokongan iaitu:

- memperluas program pendidikan prasekolah KPM dengan menyediakan lebih 2,400 kelas prasekolah di luar bandar bagi hampir 61,000 kanak-kanak berumur 5-6 tahun termasuk menyediakan latihan guru prasekolah dan kemudahan komputer serta perisian;
- memperbaiki penyediaan kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam bagi 900 sekolah dan bekalan air bersih bagi 300 sekolah;
- meningkatkan kemudahan bilik darjah luar bandar supaya mencukupi dan berkualiti dengan menyediakan sekolah baru,

bangunan tambahan dan gantian serta mengubahsuai dan menaiktaraf lebih 2,600 sekolah rendah dan menengah;

- menyediakan asrama sekolah baru dan memperbaiki asrama sedia ada bagi menampung keperluan hampir 65,000 penghuni serta menyediakan tambahan bagi peruntukan makanan untuk 280,000 penghuni;
- mempertingkatkan kelas pemulihan di luar bandar sebanyak 5,000 kelas bagi memperkukuh penguasaan kemahiran 3M;
- memperluas penawaran Mata Pelajaran Vokasional (MPV) kepada 480 sekolah luar bandar bagi meningkatkan peluang pelajar kurang cenderung akademik mengikutnya;
- membestarikan sekolah luar bandar dengan memberi tumpuan khusus kepada sistem pengajaran dan pembelajaran termasuk penyediaan makmal komputer, pusat akses, kelengkapan *teleconferencing* dan web-TV serta sistem komunikasi termasuk telefon satelit dan faks *wireless*;
- menyediakan tambahan bagi peruntukan Rancangan Makanan Tambahan untuk keperluan 550,000 murid luar bandar; dan
- menyediakan insentif bagi guru yang berkhidmat di kawasan luar bandar seperti elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan, elaun balik kampung, insuran guru dan penyediaan serta penambahbaikan rumah guru dan bekalan perabot.

10.12 Projek-projek ini dijangkakan mempunyai impak besar yang meliputi:

- murid Tahap 1 yang dapat menguasai 3M meningkat daripada 92.3 peratus kepada lebih 95.0 peratus;
- murid yang perlu pemulihan berkurangan daripada 7.7 peratus kepada kurang 5.0 peratus;
- keperluan Skim Baucar Tuisyen berkurangan daripada 100 peratus kepada 80.0 peratus;
- jurang pencapaian pelajar berkurangan daripada 1-14 peratus mengikut mata pelajaran kepada kurang 20.0 peratus perbezaan pencapaian;
- pelajar sekolah menengah luar bandar yang dapat mengambil MPV meningkat daripada 5.0 peratus kepada 8.0 peratus;
- kadar keciciran luar bandar berkurangan daripada 1.2 peratus kepada kurang 1.0 peratus pada peringkat sekolah rendah dan daripada 16.7 peratus kepada kurang 10.0 peratus pada peringkat sekolah menengah;
- taraf kesihatan murid luar bandar bertambah baik dan ketidakhadiran murid berkurangan; dan
- guru berkualiti dan berpengalaman lebih bersedia berkhidmat di pedalaman.

Sistem Penyampaian Pendidikan

10.13 Penyelarasan program, sumber tenaga, kewangan dan kepakaran penting bagi memastikan kesan sinergi dan impak yang maksimum untuk setiap program yang akan dilaksanakan. Penyelarasan juga penting bagi memastikan pihak berkepentingan mempunyai peluang yang luas untuk memberi sumbangan dalam program-program yang dirancang. Untuk mencapai matlamat yang dirancang, KPM akan mempackagekan semula program sedia ada dan mengenal pasti kumpulan sasaran secara lebih jelas. Melalui kaedah ini, KPM yakin program-program yang akan dilaksanakan bukan sahaja efektif dan cekap, malah dapat memberikan impak yang dikehendaki kepada golongan sasaran.

10.14 KPM berusaha untuk mengenal pasti pendekatan yang bersesuaian bagi menggembeng tenaga pihak berkepentingan berdasarkan kekuatan dan keupayaan mereka, antaranya:

- menggunakan kepakaran pihak swasta dalam aspek-aspek tertentu seperti melantik syarikat pakar perunding bagi mengkaji dan menilai semua inisiatif ICT yang telah dilaksanakan oleh KPM dan seterusnya mencadangkan Pelan Strategik ICT;
- penglibatan aktif pada peringkat antarabangsa dengan memastikan KPM mendapat tempat dan mempunyai suara dalam organisasi pendidikan seperti UNESCO; dan
- memperkukuh jalinan dengan negara lain bagi menimba pengalaman terbaik dalam pendidikan.

- 10.15** KPM telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian pendidikan. Antaranya, menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi mengurangkan karenah birokrasi yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran dan dianggotai oleh semua pengarah jabatan/bahagian KPM. Pasukan tersebut berfungsi untuk mengkaji dan meneliti proses dan prosedur KPM bagi mempertingkatkan ketelusan dan kecekapan pengendalian urusan di KPM.
- 10.16** Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian beberapa strategi pelaksanaan telah dirangka dalam PIPP ini seperti di Jadual 10.2.

Sistem Pemantauan dan Penilaian

- 10.17** KPM juga akan berusaha memantapkan mekanisme pemantauan pada semua peringkat bagi menjayakan PIPP. Setiap ketua jabatan dan bahagian di KPM, JPN, PPD/G dan sekolah perlu menyediakan KPI masing-masing. Pada setiap peringkat ini, sistem pangkalan data bersepadu akan dibangunkan agar prestasi individu, bahagian dan jabatan dapat dinilai secara telus. Mekanisme pemantauan dan koordinasi projek juga perlu dipertingkatkan untuk memastikan setiap projek yang dilaksanakan menepati objektif dan sasaran yang digariskan melalui:
- Penubuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan PIPP yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran;
 - Penubuhan Jawatankuasa Kerja pada peringkat KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha; dan
 - Penubuhan Jawatankuasa Kerja pada peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah JPN.
- 10.18** Bagi memastikan tahap komitmen dan kualiti kerja yang tinggi dikekalkan, KPM akan berusaha untuk mempertingkatkan aspek-aspek kebajikan warga KPM dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif termasuk menaik taraf dan memperbaiki pejabat guru besar dan pengetua, pejabat guru dan rumah guru, bangunan dan pejabat di PKG, PSPN, JPN dan PPD.

MELANGKAH KE HADAPAN

- 10.19** Tempoh lima tahun RMKe-9 ialah tempoh yang sangat signifikan bagi membangunkan modal insan minda kelas pertama untuk mencapai hasrat Wawasan 2020. Justeru, PIPP dirangka untuk memenuhi matlamat pendidikan dan negara serta memastikan pendidikan yang berkualiti ke arah melahirkan Bangsa Malaysia yang maju mengikut acuan sendiri.

10.20 Kejayaan PIPP bergantung kepada kefahaman dan komitmen warga KPM terhadap dasar dan strategi pelaksanaannya. PIPP merupakan panduan kepada seluruh warga KPM agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing secara lebih terancang, terarah dan berfokus. Melalui dokumen ini, warga KPM dapat menghayati setiap dasar yang diwujudkan, memahami sepenuhnya matlamat dan sasaran yang ingin dicapai dan seterusnya menterjemahkannya ke dalam bentuk tindakan di peringkat masing-masing.

10.21 PIPP penting kerana ia akan menyediakan asas yang kukuh untuk melonjakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi dan menjadikannya bertaraf dunia. Asas ini pula penting ke arah membantu kejayaan Misi Nasional dan Wawasan 2020.

"Semoga akan terbina tamadun agung yang dihormati di persada dunia"

(Ucapan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, 31 Mac 2006)

Jadual. 10.1 Penyediaan Infrastruktur dalam RMKe-9 bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Pendidikan

| Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian pendidikan | *Anggaran Bilangan Projek | | | | | Jumlah Projek | Jumlah Kos |
|---|---------------------------|----------|----------|----------|----------|---------------|--------------------|
| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | | |
| Projek Pengkomputeran Pengurusan | | | | | | | |
| Peluasan KPM Net | - | - | 1 | - | - | 1 | 24,000,000 |
| Pengurusan Pusat Data dan Khidmat Sokongan | - | - | 1 | - | - | 1 | 26,300,000 |
| Pembangunan Pusat Dokumentasi KPM | - | 1 | - | - | - | 1 | 2,000,000 |
| Pelan Strategik ICT | - | 1 | - | - | - | 1 | 90,000,000 |
| SchoolNet | - | - | 1 | - | - | 1 | 180,000,000 |
| EMIS | - | 1 | - | - | - | 1 | 1,500,000 |
| Sistem Pemantauan Projek Sekolah (SPPS) | - | 1 | - | - | - | 1 | 8,000,000 |
| Jumlah | - | 4 | 3 | - | - | 7 | 331,800,000 |
| Pembinaan Bangunan JPN, PPB, PPD/G, PSPN | | | | | | | |
| JPN (baru, tambahan, gantian) | - | - | - | - | - | 14 | 96,700,000 |
| PPD/G (baru, tambahan, gantian) | - | - | - | - | - | 76 | 214,000,000 |
| Bangunan PKG baru | - | - | - | - | - | 14 | 36,250,000 |
| PSPN baru | - | - | - | - | - | 3 | 8,600,000 |
| RECSAM | - | - | - | - | - | 1 | 10,000,000 |
| Pejabat baru PTPB | - | - | - | - | - | 3 | 6,000,000 |
| Pusat Kokurikulum | - | - | - | - | - | 5 | 50,000,000 |
| Jumlah | - | - | - | - | - | 116 | 421,550,000 |
| Projek Ubah Suai Naik Taraf | | | | | | | |
| Sokongan pendidikan (JPN, PPB/PPD, Asrama harian, PSPN, PTPB/PKG) | - | 45 | 460 | 95 | 2 | 602 | 149,400,000 |
| Lembaga Peperiksaan Malaysia | | | | | | | |
| <i>Item Creation and Management System</i> | - | - | 1 | - | - | 1 | 17,400,000 |
| <i>Online Test Delivery</i> | - | - | 1 | - | - | 1 | 4,000,000 |
| <i>Life Time Database</i> | - | - | 1 | - | - | 1 | 1,300,000 |
| Menaik taraf dan keselamatan LPM | - | - | 1 | - | - | 1 | 3,900,000 |
| Jumlah | - | - | 4 | - | - | 4 | 26,600,000 |

*Anggaran bilangan projek merujuk tahun projek dimulakan

Jadual 10.2 Strategi Pelaksanaan bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Pendidikan

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|---|--|--|--|--|------------------|
| Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan, pentadbiran dan kepimpinan pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> Penstrukturan semula organisasi KPM | Menstrukturkan semula organisasi KPM | Struktur baru organisasi KPM | Dikemukakan ke JPA: <ul style="list-style-type: none"> Bhg. Audit Dalam, JPT, JAPIM, JPN, Bhg Pembangunan & Penilaian Kompetensi, Sektor Teknikal (BPP) | 2007 |
| | | | | <ul style="list-style-type: none"> BPPDP, PPK, BS, Cawangan Akaun, BHA, BTMK | 2008 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan infrastruktur dan kemudahan ICT | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan rangkaian dalaman Meningkatkan lebar jalur Mewujudkan sistem rangkaian bersepadu Menaik taraf Pusat Data | Prestasi capaian | <ul style="list-style-type: none"> Up-time 90% Utilization lebih 70% Response time kurang 10 saat | |
| | <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan kemudahan pejabat pendidikan yang mencukupi | <ul style="list-style-type: none"> Membina <ul style="list-style-type: none"> IAB baru Bangunan Asrama IAB Cawangan Utara Bangunan tambahan Kuarters Staf Ikhtisas & kemudahan blok lain Membina/menambah dan ganti bangunan JPNPPD/G Membina bangunan baru PKG Membina bangunan tambahan pejabat PSPN Membina Pusat Kokurikulum Negeri Meningkatkan Kajian Impak dan Keberkesanan | Bilangan pejabat | Seperti disasarkan | 2010 |
| | | | Bilangan Kajian Impak dan Keberkesanan | Seperti disasarkan | 2006-2010 |
| | <ul style="list-style-type: none"> Pemantapan pembangunan sumber manusia | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan Pelan Pembangunan Staf Menguukuhkan sistem maklumat KPM dengan mewujudkan sistem komprehensif dan bersepadu | Pelan Pembangunan Staf | Terhasil | 2006 |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Database berpusat Gudang data KPM | Maklumat personel KPM berpusat | 2008 |

| FOKUS | STRATEGI PELAKSANAAN | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR | INDIKATOR PENCAPAIAN | TAHUN PENCAPAIAN |
|--|--|--|---|---|------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Menggerakkan JPPSM bagi menyelaraskan semua fungsi/tugas berkaitan pengurusan sumber manusia KPM | JPPSM digerakkan | Sumber Manusia KPM Terancang | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program bimbingan dan latihan | Bilangan staf sokongan menerima latihan | 3000 | 2010 |
| Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan pendidikan | Pemantapan pengurusan kewangan | <ul style="list-style-type: none"> Pemberian autonomi dan mengurangkan karenah birokrasi | <ul style="list-style-type: none"> Peluasan sekolah bertaraf PTJ Peluasan sistem geran kepada sekolah di Sarawak Peluasan sistem geran kepada sekolah di Sabah | 200 sekolah x 5 tahun | 2010 |
| | | | | 100 sekolah x 5 tahun | 2010 |
| | | | | 800 sekolah | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Mengkaji norma perjawatan pengurusan kewangan | Kajian norma perjawatan Pembantu Tadbir Kewangan | Norma perjawatan baru diluluskan | 2006 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan latihan pengurusan kewangan | Bilangan personel yang menerima latihan pengurusan kewangan | 1500 ketua jabatan/ pegawai/staf sokongan di PTJ setiap tahun | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Leverage kepada penggunaan ICT dalam pengurusan kewangan | <ul style="list-style-type: none"> Peluasan sistem penyaluran PCG melalui akaun bank sekolah Peluasan pelaksanaan eSKPKB Peluasan pelaksanaan ePerolehan | 1000 sekolah x 5 tahun | 2010 |
| | | | | 200 PTJ x 5 tahun | 2010 |
| | | | | 100 PTJ x 5 tahun | 2010 |
| Memantapkan sistem pemantauan dan penilaian program pendidikan | Pemantapan pengurusan pemantauan dan penilaian program | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penarafan sendiri sekolah menerusi SKPM | <ul style="list-style-type: none"> Peratus sekolah melaksanakan penarafan sendiri Peratus sekolah mencapai tahap 'Harapan' skala SKPM | Peningkatan | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan aktiviti penaziran | Peratus sekolah yang diperiksa | 100% | 2010 |
| | | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penilaian program penganugerahan Guru dan Sekolah Cemerlang | Bilangan pencalonan | Peningkatan | 2010 |

Senarai Singkatan

| SINGKATAN | TAJUK |
|-----------|---|
| ADHD | Attention Deficit Hyperactivity Disorder |
| AADK | Agensi Antidadah Kebangsaan |
| BBPN | Badan Bertindak Pelaksanaan Negara |
| BCK | Bahasa Cina Komunikasi |
| BISP | Bayaran Insentif Subjek Pendidikan |
| BD | Bilik Darjah |
| BM | Bahasa Malaysia |
| BPG | Bahagian Pendidikan Guru |
| BPPDP | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| BTK | Bahasa Tamil Komunikasi |
| BTP | Bahagian Teknologi Pendidikan |
| DBN | Dasar Buku Negara |
| DBP | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| DPN | Direktorat Pelaksanaan Negara |
| GATS | General Agreement on Trade in Services |
| GSTT | Guru Sandaran Tidak Terlatih |
| HIPs | High Impact Projects |
| HSP | Huraian Sukatan Pelajaran |
| IAB | Institut Aminuddin Baki |
| IEA | International Association for the Evaluation of Educational Achievement |
| ICT | Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| ICU | Unit Penyelarasan Pelaksanaan |
| IPG | Institut Pendidikan Guru |
| IPS | Institusi Pendidikan Swasta |
| IPTA | Institusi Pendidikan Tinggi Awam |
| IPTS | Institusi Pendidikan Tinggi Swasta |
| ITNM | Institut Terjemahan Negara Malaysia |
| LPBT | Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahunan |
| JKMD | Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JPN | Jabatan Pelajaran Negeri |
| JPG | Jabatan Pendidikan Guru |
| JPPP | Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Pencegahan dan Publisiti |

| SINGKATAN | TAJUK |
|-----------|--|
| J-QAF | Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardu Ain |
| KBS | Kementerian Belia dan Sukan |
| KGMMB | Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat |
| KeKKWA | Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan |
| KEMAS | Jabatan Kemajuan Masyarakat |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| KPI | Indikator Prestasi Utama |
| KPK | Kurikulum Prasekolah Kebangsaan |
| KPLI | Kursus Perguruan Lepas Ijazah |
| KPM | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| KPTM | Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia |
| KUP | Khas Untuk Penyandang |
| KWAPM | Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin |
| LAN | Lembaga Akreditasi Negara |
| LPM | Lembaga Peperiksaan Malaysia |
| MBKM | Majlis Buku Kebangsaan Malaysia |
| MDC | Multimedia Development Corporation |
| MEKAR | Mengenali dan menangani emosi kanak-kanak dan remaja |
| MGB | Majlis Guru Besar |
| MKJR | Majlis Keselamatan Jalan Raya |
| MOM | Majlis Olimpik Malaysia |
| MPAV | Mata Pelajaran Aliran Vokasional |
| MPV | Mata Pelajaran Vokasional |
| MSN | Majlis Sukan Negara |
| MTPD | Majlis Tindakan Pendidikan Daerah |
| MQF | Malaysian Qualification Framework |
| MPM | Majlis Peperiksaan Malaysia |
| MteST | Malaysian Teachers Selection Test |
| OECD | Organization for Economic Co-operation and Development |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| PEMADAM | Persatuan Mencegah Dadah Malaysia |
| PIN | Pelan Integriti Nasional |
| PIP | Program Intervensi Pelajar |

